

**DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGAL KEENAM  
MESYUARAT PERTAMA**

---

---

**Bil. 7**

**Selasa**

**3 April 2018**

---

**K A N D U N G A N**

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**

Perutusan Daripada Dewan Rakyat  
Urusan Mesyuarat

(Halaman 1)  
(Halaman 2)

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN  
BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 3)

**USUL-USUL:**

Merentikan Kuatkuasa P.M. 47 dan P.M. 66  
Waktu Mesyuarat dan Urusan  
Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat

(Halaman 30)  
(Halaman 99)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar 2018

(Halaman 31)

**MALAYSIA  
DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGKAL KEENAM  
MESYUARAT PERTAMA  
Selasa, 3 April 2018**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**

**Perutusan Daripada Dewan Rakyat**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat.

Saya menjemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

*[Setiausaha membacakan Perutusan]*

"2 April 2018

**Perutusan daripada Dewan Rakyat kepada Dewan Negara**

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan rang undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. (D.R. 6/2018) Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar 2018; dan
2. (D.R. 46/2017) Rang Undang-undang Pergigian 2017.

YANG IKHLAS,

t.t

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT"

### **URUSAN MESYUARAT**

**Dato' Sri Devamany A/L S. Krishnasamy [Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri]:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan Mesyuarat 66(2), saya memohon memaklumkan supaya rang undang-undang yang tersebut di dalam perutusan ini dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di Mesyuarat ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah. Silakan.

**Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah:** Tuan Yang di-Pertua, Sedikit penjelasan berkenaan dengan rang undang-undang tadi. Satu, sebelum saya ini, saya hendak tahu sama ada dia akan dibahaskan pada hari ini atau tidak, fasal yang tadi *just hear me out* sekejap saja, Yang Berhormat Menteri bantangan di bawah *Standing Order* 66(2), tetapi 66(2) ini kena dibaca sekali dengan 66(1) dengan 66(3), dan juga kena baca sekali dengan *Standing Order* 47.

Kalau kita tengok *Standing Order* 47, sekurang-kurangnya kita kena *1 day notice*. Rang undang-undang ini cuma dibentangkan pada meja ini pada hari ini walaupun semalam tapi selepas Dewan ditangguhkan. So, dia tidak mematuhi dengan kehendak seksyen atau *Standing Order* 47.

Balik kepada *Standing Order* 66(2), kalau kita pakai *Standing Order* 66(2)- satu, satu Yang Berhormat Senator kena *sponsor bill*, itu satu, dan dia kena tulis nama dia belakang rang undang-undang itu. Saya dapat, *I think to the best advantage* kita baca 66(2) dan kalau *I* tengok rang undang-undang ini, tidak ada nama Yang Berhormat Senator. Saya bukan cakap tidak boleh dibahas, boleh dibahas tetapi 66(2) cakap- 1 Yang Berhormat Senator kena *sponsor* nama. Dia kena rekod dalam *vote book*, dan nama dia kena ditulis di belakang rang undang-undang ini. So, pada saya kalau dia tidak mematuhi *Standing Order* 47, tidak mematuhi dengan *Standing Order* 66 (2), kita tidak boleh bahas hari ini dan saya cadang supaya perbahasan Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar ditangguh sehingga esok. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Memang betul Yang Berhormat tetapi dalam usul yang akan dibacakan kelak selepas pertanyaan jawapan lisan ini, Peraturan 82(1) di bawah bidang kuasa saya akan digunakan. Silakan Setiausaha.

### **JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin** minta Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air menyatakan, apakah status Loji Air Langat 2. Jika ia masih tergendala, nyatakan sebab-sebab ia masih tergendala.

**Dato' Sri Devamany A/L S. Krishnasamy [Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Haji Megat Zulkarnain kerana persoalannya mengenai Langat 2. Beliau telah membuka gelanggang, saya akan jawab ya untuk gelanggang itu.

Pada asalnya projek Loji Rawatan Air Langat 2 dan Sistem Agihan LRAL2 yang bermula pada tahun 2008 dijadualkan untuk siap sepenuhnya pada tahun 2014. Walau bagaimanapun disebabkan isu penstrukturan air serta pertukaran kerajaan negeri, projek ini telah ditangguhkan beberapa kali. Penangguhan projek sebelum ini menyebabkan kelulusan yang telah diperoleh sebelum ini perlu dikemukakan semula disebabkan penukaran dasar, syarat-syarat dan kepegawaian.

Kesukaran dalam mendapatkan kelulusan daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seperti permit pengeluaran hasil hutan, batuan dan kebenaran merancang juga turut menyebabkan kelewatan penyediaan projek LRAL2. Secara keseluruhannya pelaksanaan LRAL2 terbahagi kepada 3 fasa iaitu fasa pertama yang dijangka siap pada tahun 2018 meliputi pembinaan loji rawatan air LRA yang akan membekalkan air sebanyak 565 juta liter sehari (JLH) ke kolam air Hulu Langat.

#### **■1010**

Fasa dua pula dijangkakan siap pada tahun 2020 meliputi komponen-komponen penyaluran bekalan air ke bahagian utara dan barat Lembah Klang.

Fasa tiga dijangka siap pada tahun 2022 meliputi kemudahan rawatan enap cemar, *slough treatment plant*, dengan izin. Sehingga 25 Mac 2018, prestasi sebenar LRAL2 adalah sebanyak 69.53 peratus berbanding jadual iaitu 76.54 peratus. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana menjawab soalan tadi. Cuma pertanyaan saya Tuan Yang di-Pertua ialah kita memahami kebelakangan ni juga berlaku lagi krisis air yang agak meruncing di negeri Selangor. Banyak sudah berbunyi, "MB dapat undi, rakyat dapat baldi." Jadi ini yang berlaku di Selangor hari ini.

Jadi satunya mungkin sebab projek ini tidak dapat diluluskan. Akan tetapi yang menjadi perkara yang lebih menakjubkan ialah yang bila mana Menteri Besar Selangor telah menyatakan dalam kenyataan beliau baru-baru ini yang mana air di empangan ini adalah mencukupi. Paling rendah 98 peratus, selebihnya semua 100 peratus. Kalau mendengar daripada hujah Menteri Besar Selangor ini bermaksud air di Selangor tidak akan ada- krisis air tidak akan berlaku.

Cuma, saya hendak minta apakah penjelasan daripada kementerian berkenaan soal, satu, air yang ada dalam empangan dan satu lagi air yang terawat. Jadi adakah yang Menteri Besar sebut ini air dalam empangan? Kalau air dalam empangan ini sudah boleh minum, saya ingat kita *try* dulu hantar bertangki-tangki lori ke rumah Menteri Besar, tengok dia minum tidak air empangan ini. Oleh sebab ada perbezaan, itu yang hendak minta penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah perbezaan air terawat dengan air empangan?

Oleh sebab saya dengar dia hendak bawa KSU dan Menteri untuk bawa ke empangan. Lepas tengok, hendak campak kedua-dua Menteri dan KSU dalam empangan. Begitu angkuhnya Menteri Besar Selangor ini. Jadi saya mintalah penjawat awam kena ingat yang hendak dicampaknya itu KSU, orang paling tinggi dalam kementerian. Jadi kalau sudah KSU, penjawat awam yang tertinggi dalam kementerian pun hendak dicampak dalam empangan, bayangkanlah rakyat lain yang bertanya soal air ini. Jadi minta penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Sri Devamany A/L S. Krishnasamy:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya teringatlah sedikit, manis bahasa bukan manis inti. So, jangan kita terbawa-bawa dengan sandiwara Yang Berhormat Menteri Besar Selangor ini. Dia gunakan ini sebagai satu sandiwara untuk memutarbelitkan fakta sebenarnya dan rakyat, bila isu air itu terlibat kerana ia membawa kesengsaraan.

Kalau kita nampak baru-baru ini, tahun lalu kita ada krisis air. Katakan di kawasan sepatutnya empangan ini perlu bekalkan air yang dirawat bukan air mentah. So, saya setuju dia mengelirukan antara air mentah dengan air dirawat. Mana boleh kita minum air daripada sungai terus. Mana boleh kita minum air yang simpan dalam empangan. Ia mesti dirawat. So, isu sekarang ialah isu air rawat, isunya.

Kita pula balik kepada cerita lama sikit. *Grandfather*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. *Grandfather of all concessions*- Tun Mahathir. Dulu dia banyak- kerajaan ada banyak syarikat untuk proses air ini. Kita ada pula SYABAS yang jadi *distributor*, kemudian punca air itu dikendalikan oleh Punca Niaga, ABASS, SPLASH. Banyak sangat. Sedangkan negeri-negeri lain tidak ada masalah ini. Negeri lain tidak ada masalah. So, sekarang pula Air Selangor hendak

kendalikan ini. So, Air Selangor kena jaga supaya air rawat terawat itu diberi kepada pengguna. Isunya adalah Kerajaan Persekutuan hendak selesaikan masalah ini.

Itu sebab pada tahun 2014 masa itu Tan Sri Khalid, kita buat MoU untuk selesaikan iaitu PAAB. PAAB ini adalah badan Kerajaan Pusat iaitu Pengurusan Aset Air Berhad. PAAB yang menyelenggarakan supaya *security* air terjaga untuk rakyat. Bekalan elektrik, bekalan air adalah satu yang begitu asas tidak boleh kita kacau. Kita hendak selesaikan supaya kita ikut kaedah-kaedah yang digunakan oleh semua negeri lain seperti Perak, Pahang dan Pulau Pinang sekalipun. So, kita minta supaya Air Selangor selaraskan semua ini. Maka, adalah buat MoU.

Datang pula Menteri Besar baru pada tahun 2014, Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali. Kecoh, sampai sekarang tidak selesai. Kita minta Air Selangor ambil alih semua syarikat *treatment plant* dan juga *distribution* sekali ya, dengan izin. So, itulah sebabnya terlibat tiga syarikat tadi. Sekarang satu syarikat sangkut SPLASH. Orang tidak tahu, orang biasa tidak faham. Takkan dia hendak ambil. Kenapa ada krisis air tahun lalu? Sampai baldi-baldi kena bawa ke tingkat atas kerana mereka dolak-dalik dan menuding jari kepada Kerajaan Persekutuan. Ini adalah sandiwara ke arah politik PRU14.

Janganlah kita buat macam itu. Kita hendak duduk sama selesaikan masalah ini. Ianya adalah rundingan antara Air Selangor dengan SPLASH, dua syarikat. *It is the corporate exercise*, dengan izin, *between two corporate companies instituted to settle the problem*. Kerajaan Persekutuan *want to* tolong, hendak tolong tetapi macam-macam hal Yang Berhormat. *You* tahu kan. Janganlah menyengsarakan rakyat kerana permainan percaturan politik. Ini tidak betul. Ini ikhlas saya jawab kepada pihak pembangkang sekali ya. Tolonglah, saya minta Menteri Besar Selangor selesaikan. Jangan sandiwarakan benda ini dan menyengsarakan rakyat. Terima kasih kerana soalan ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, juga mengenai air tetapi lokasinya di Kelantan. Mungkin sering kali Dewan ini telah mendengar masalah ini, tidak kunjung padam. Melalui Kerajaan Persekutuan, telah ada program migrasi air iaitu di bawah Perjanjian Penstrukturan Semula Industri Perkhidmatan Air Negeri Kelantan. Cuma saya hendak tahu Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, kalau boleh maklum kepada kita status mengenai perkara itu sekarang. Begitu juga apakah implikasi? Berapa implikasi kewangan yang terlibat dalam program migrasi air di Kelantan? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Devamany A/L S. Krishnasamy:** Yang Berhormat, saya ucapkan terima kasih. Tengok Kelantan, Kerajaan Kelantan duduk selesaikan masalah sekarang kerana Kelantan pun mengalami masalah krisis air. Oleh sebab kita punya *non-revenue water* (NRW), dengan izin,

yang kebocoran, ketirisan itu begitu banyak sekali sampai hampir 40 peratus air daripada empangan dirawat dan dihantar ke rumah, *distribution*, dia cicir, tiris. Kita dapat selesaikan dan kerajaan Kelantan rela bekerjasama dan kita telah mengambil alih dan membantu Kelantan untuk menyelesaikan masalah air.

Akan tetapi jumlah wang yang terlibat itu tidak ada bersama saya. Saya akan- ya, ada di sini. Pegawai saya sudah bagi saya, okey. Migrasi Kelantan bermula pada tahun 2016. Jumlah wang yang terlibat adalah RM646 juta untuk kosnya. Maka, kita cantik sekarang. Tahun 2019 tidak ada masalah mungkin di Kelantan. Saya mintalah Selangor ikut sama, okey kerana kita rakyat Malaysia sekali. Tidak payah Selangor dan Kerajaan Persekutuan. Ini isu minum. Terima kasih Yang Berhormat.

**2. YBM. Engku Naimah binti Engku Taib** minta Perdana Menteri menyatakan, sejauh manakah gerakan pluralisme dan liberalisme Islam mengancam institusi Islam, dan aqidah umat Islam negara ini, serta nyatakan langkah kerajaan menangani golongan-golongan ini.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki]:** Ya, *bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan menyedari bahawa arus kemodenan khususnya melalui perkembangan teknologi media baru telah membolehkan pelbagai idea dan pemikiran menyeleweng seperti Islam liberal dan pluralisme agama merebak dan mempengaruhi pemikiran umat Islam.

Dari aspek perundangan fahaman Islam liberal dan pluralisme agama ini adalah tertakluk di bawah kesalahan berkaitan akidah dan kesucian agama Islam yang telah diperuntukkan dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah negeri-negeri.

■1020

Ia selaras dengan ketetapan di bawah Butiran 1, Senarai 2, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan bahawa hal-ehwal Islam adalah di bawah bidang kuasa pihak berkuasa agama negeri. Sehubungan dengan itu, kerajaan sentiasa komited dengan mengambil langkah-langkah serius dalam membendung dan menangani isu-isu berkaitan fahaman yang bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah Wal-Jamaah. Antara langkah-langkah yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (i) Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sentiasa bekerjasama dengan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dan Majlis Agama Islam Negeri-negeri (MAIN) dan agensi lain seperti Kementerian Dalam Negeri serta Polis

Diraja Malaysia bagi menguatkuasakan undang-undang yang berkaitan serta sebagai langkah pencegahan;

- (ii) dari segi pentauliahan mengajar semua penceramah dan juga pihak berkaitan sama ada di dalam negeri mahupun dari luar negara perlu mendapat kebenaran daripada pihak berkuasa agama negeri dan mendapat tauliah sementara daripada pejabat mufti negeri serta pihak keselamatan sebelum sesuatu ceramah dapat dilaksanakan; dan
- (iii) pelbagai program-program penjelasan dilaksanakan sama ada berbentuk seminar, forum, ceramah, diskusi ilmiah dan sebagainya bagi memberi kefahaman mengenai akidah Ahli Sunah Wal-Jamaah serta ancaman ideologi-ideologi yang menyeleweng.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Silakan, Yang Mulia.

**YBM. Engku Naimah binti Engku Taib:** Terima kasih sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang mantap yang telah diberikan.

Golongan liberal atau 'pelonggar' agama sering menyerang agensi agama Islam dan sentiasa menolak apa saja usaha untuk mendaulatkan Islam. Pandangan mereka ini menyamai pandangan usang orientalis Barat seperti Ignaz Goldziher, Joseph Schacht dan 'NJ Carlson' yang sekian lama mendiayahkan syariat Islam sebagai legasi ciptaan fukaha zaman silam.

Orientalis barat juga mendakwa Islam kononnya hanya disusun selepas kewafatan Rasulullah SAW pada era Umayyah dan Abbasiyyah. Acuan pemikiran mereka ini tidak mengakui apa jua selain akal dalam memahami agama. Kesan modenisme semasa menyebabkan perkembangan pemikiran Islam liberal yang diketengahkan atas alasan kebebasan individu dan kerangka pemikiran barat yang berpegang kuat kepada rasionalisme sehingga mempengaruhi ramai individu dan pertubuhan dalam negara ini seperti *Sister In Islam* (SIS), dan lainnya.

Soalan tambahan saya Yang Berhormat Menteri, setakat manakah kerajaan menangani dakwaan golongan liberal ini bahawa penubuhan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sebagai tidak berperlembagaan dan perlu dimansuhkan?

Apakah langkah kerajaan mendepani program pemurtadan terancang dan sistematik yang dilaksanakan melalui platform intelektual, ilmiah dan akademik oleh golongan gerakan liberalisme dan pluralisme agama negara ini?



Apakah tindakan kerajaan terhadap bahan-bahan terbitan yang berunsur pemikiran fahaman liberalisme dan pluralisme agama dan laman sosial yang bertentangan dengan ajaran Islam dan hukum syarak?

Akhir sekali, adakah kerajaan bercadang mengambil tindakan yang lebih tegas terhadap pertubuhan yang mendukung liberalisme dan pluralisme agama memandangkan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa, Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Ke-74, pada 25 hingga 27 Julai 2006, dan Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor, pada 10 Oktober 2013, telah memutuskan aliran pemikiran liberal adalah ajaran sesat dan menyeleweng daripada syariat Islam? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, itu perbincangan kalau boleh jawablah semua [*Ketawa*]

**Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki:** Ya saya cuba rangkumkan. Tuan Yang di-Pertua, kalau saya nak jawab semua itu macam sesi ceramah pula di Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, sememangnya betul kerajaan mengambil serius penuliran pemahaman liberalisme dan pluralisme agama ini kerana kita kena ingat kekuatan yang ada pada negara kita Malaysia kerana kita sentiasa berpegang kepada Islam mengikut akidah yang benar, akidah Ahli Sunah Wal-Jamaah dan berteraskan kepada orientasi *wasatiyyah* iaitu kesederhanaan, dan tidak sesekali kita merelakan apa juga fahaman yang bersifat *ifrat* ataupun *tafrit* yang radikal seperti golongan IS dan sebagainya, yang cuba mentafsirkan Islam dalam kerangka untuk ada seolah-olah jalan pintas ke syurga sehingga menghalalkan perkara-perkara yang hakikatnya tidak sesekali mewajarkan Islam itu sendiri.

Kedua, golongan-golongan yang dikatakan sebagai *tafrit* ataupun golongan 'pelonggar' agama yang mereka ini seperti mana dalam konteks liberalisme yang mereka tidak mahu mengikat diri mereka dengan apa juga fahaman-fahaman keagamaan ataupun wahyu itu tidak boleh melangkaui akal. Sedangkan dalam Islam akal dan wahyu ini saling terkait rapat kerana seperti mana yang disebut oleh Imam Al-Ghazali dalam kitabnya yang masyhur *Al-Iqtisad fi'l-'Itiqad* yang mana Imam Al-Ghazali sebut dalam Islam, akal dan juga wahyu ini adalah dua perkara yang saling berkait. Diumpamakan seperti akal ini seperti penglihatan yang sempurna, manakala wahyu itu seperti cahaya matahari. Salah satunya tidak boleh bergerak secara bersendirian. Kalau akal sahaja tanpa cahaya matahari maknanya seperti penglihatan yang kita cuba lihat tetapi tidak ada dalam kegelapan kerana tidak ada cahaya.

Begitu juga kalau kita hanya berpandukan pada wahyu tetapi tidak menggunakan akal. Kita ada cahaya tetapi tidak boleh melihat dan tidak boleh menuntun manusia ke arah yang benar.

Oleh sebab itulah prinsip Islam dalam konteks Malaysia kita kena bezakan. Contohnya dalam konteks apa yang diperjuangkan oleh liberalisme ini, pluralisme. Kita ada beza antara pluralisme dengan *plurality* agama. Kita menghargai dan *celebrate*, dengan izin, kepelbagaian agama yang ada dalam konteks negara kita kerana Perlembagaan kita jelas menyatakan dalam Perkara Ke-3- Islam Agama Persekutuan dan agama-agama lain bebas untuk diamalkan. Islam adalah agama yang berpandukan kepada akidah yang diorientasikan dalam konteks Malaysia ini berpaksikan akidah kepada akidah Ahli Sunah Wal-Jamaah, itu tidak boleh dikompromikan.

Akan tetapi pada masa yang sama, kita tidak sesekali menafikan hak agama-agama lain untuk diamalkan secara bebas. Itu konsep *plurality* agama, kepelbagaian agama dalam sebuah negara. Akan tetapi kita tidak merelakan untuk konsep yang ada kaitan dengan liberalisme iaitu pluralisme yang menyatakan bahawa semua agama ini sama kerana mana mungkin agama Islam mengatakan Hindu, Kristian, Budhha itu sama dengan Islam. Begitu juga Buddha pun tidak akan mungkin mengatakan Islam itu sama dengan agama mereka.

Jadi masing-masing akan mengatakan agama mereka lebih betul daripada agama lain, cuma dalam konteks inilah perlunya *tasamuh* ataupun penghormatan antara satu sama lain. Jangan ada ruang lingkup yang kita boleh membawa kepada radikalisme mengatakan kita saja betul orang lain salah akhirnya kita menafikan hak orang lain untuk beragama.

Itu prinsip yang kita harus pegang dalam konteks negara kita. Oleh sebab itulah dalam aspek untuk mengekang fahaman ini saya sudah sebutkan tadi, bukan saja Jawatankuasa Fatwa di bawah Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam (MKI), yang memfatwakan bahawa fahaman liberal ini adalah sesat, tetapi juga enam buah negeri lain termasuklah Sarawak, Melaka, Negeri Sembilan, Selangor, Pulau Pinang dan Perak, Bahkan dua negeri sudah pun mewartakannya membawa maksud bahawa boleh diambil tindakan bagi sesiapa yang mengamalkan pemikiran ini yang bertentangan dengan akidah yang benar.

Berkenaan dengan soalan yang penting juga, apakah keberadaan JAKIM itu bertentangan dengan Perlembagaan? Saya ingin memperjelaskan di sini Tuan Yang di-Pertua, bahawa JAKIM adalah ditubuhkan di bawah Majlis Raja-Raja Melayu. Majlis Raja-Raja lah yang memberikan kuasa kepada Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam untuk mewujudkan satu organ ataupun satu institusi yang bertujuan untuk menyelaras jabatan-jabatan ataupun hal-hal yang berkaitan dengan agama Islam yang mana seperti mana yang saya sebutkan dalam jawapan saya awal tadi, hal yang berkaitan dengan agama Islam adalah terletak di bawah kuasa negeri-negeri.

Akan tetapi perlu ada satu organ atau institusi di Peringkat Persekutuan yang menyelaras tanpa mempunyai kuasa yang mutlak seperti mana yang berada di bawah negeri-negeri, dan ini diberikan dan diperkenankan oleh Majlis Raja-Raja melalui Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam yang akhirnya tertubuhnya JAKIM. Jadi pemahaman yang mengatakan bahawa JAKIM ini adalah penubuhannya bertentangan dengan Perlembagaan adalah satu yang tidak boleh diterima sama sekali oleh kita semua kerana ia adalah seiring dengan Perlembagaan yang mana menyatakan bahawa Islam ini di bawah kuasa Institusi Raja-Raja, dan Institusi Raja-Raja lah yang telah memberikan kuasa kepada Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam sehingga tertubuhnya JAKIM. Sekian, terima kasih.

**Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty:** Tuan Yang di-Pertua, ada tambah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan, Yang Berhormat.

**Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya nak mengucapkan terima kasih kepada soalan yang dibuat oleh Yang Berhormat Mulia Senator Engku Naimah tadi, dan jawapan yang baik yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri. Maklumlah dia siswazah daripada Universiti Islam Antarabangsa. *Alhamdulillah* saya rasa dia di atas trek yang benar.

Jadi penting tadi Yang Berhormat Menteri sebutkan kita nak kena bezakan di antara masalah pluralisme agama yang bergerak sekarang di seluruh dunia terutama di Asia Tenggara ini ialah di Indonesia dan ada sedikit di Malaysia.

▪ 1030

Yang penting tadi disebutkan pluraliti agama-agama di dalam Al-Quran ataupun jamak agama. Kepelbagaian agama. Ini memang dianjurkan oleh Islam. Malangnya di negara kita ini, dalam kurikulum pendidikan kita yang rasmi dan tidak rasmi, tidak dididik warga Muslim, anak-anak Islam tentang adanya agama-agama yang lain di mana Allah menyatakan, "Kalau Aku ini jadikan semua agama ini satu, boleh tetapi kehendak Aku, Aku jadikan berbilang dan Aku akan berikan *Rahmah* kepada orang yang mengikut jalan Aku".

Ayat itu umpamanya tidak diterangkan di dalam kurikulum sekolah. Sekolah rendah *problem*. Ke sekolah menengahlah. Sepatutnya sekolah menengah dan banyak dibicarakan di dalam peringkat kolej dan universiti. Jadi kerana itu, kita sebut pluralisme agama ini, semua orang yang bercakap tentang pluraliti agama pun hari ini dibakulsampahkan sekali sebagai orang yang berbahaya termasuklah saya yang belajar perbandingan agama.

Jadi ini satu trend yang tidak sihat. Walaupun di Indonesia memang saya akui ada keberbahayaannya di mana mereka hendak menyamakan Islam dengan semua agama kerana

terpengaruh dengan istilah dalam bahasa Inggerisnya *exclusivity*, dengan izin, Islam dengan *inclusivity*. Antara eksklusif dan inklusif. Dua istilah ini dimainkan. Jadi dalam konteks ini, harapan saya ialah bahawa peranan JAKIM dan lain-lain institusi agama, mereka hendaklah *engage* kerana Al-Quran menyebut... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*].

Al-Quran meminta orang yang berbilang pemikiran ini, kita berhujah dengan hujah yang terbaik. Jadi *engagement* itu patut digerakkan dengan lebih intensif. Seorang tokoh Islam yang terkenal pada hari ini, Rached Ghannouchi daripada Tunisia- dia datang ke Malaysia, dia *engage* dengan sistem Islam. Tidak cukup sekali, dua kali. Setiap kali dia datang, dia *engage*. Ada perubahan. Kalau hendak terus hukum, tidak ada *engagement*, maka masalah akan bertambah. Sekian, terima kasih.

**Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, walaupun ini berkenaan dengan pendidikan tetapi...

**Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki:** Ada kaitan dengan JAKIM juga sikit-sikit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, boleh cakap dengan JAKIM, dan yang diberikan kepada orang yang bukan Islam makna *wasatiyah* dan sebagainya.

**Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki:** Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada guru saya, Yang Berhormat Senator Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty. Terima kasih atas pujian. Jarang dapat pujian daripada pembangkang ini tetapi sedikit pun tidak mengurangkan penghormatan saya walaupun berbeza parti kepada bekas guru saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Semua orang pun suka *you*, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju bahawa kita dalam konteks Malaysia, kita perlu adanya *engagement*, dengan izin, daripada pelbagai agama. Itu kekuatan kita yang harus kita pertahankan. Sepanjang 60 tahun kita merdeka, kita tidak mendengar isu-isu yang berkaitan dengan perbalahan agama. Bahkan saya selalu sebut di mana-mana forum di peringkat antarabangsa sekalipun, kalau hendak melihat kemajmukan agama yang baik dan contoh yang terbaik adalah Malaysia. Walaupun Islam sebagai Agama Persekutuan, agama-agama lain bebas untuk diamalkan.

Islam sebagai Agama Persekutuan tetapi kita Malaysia adalah negara yang mempunyai patung Hindu yang terbesar di dunia di Batu Caves dan patung Buddha yang terbesar di negeri saya di Kelantan. Yang duduk, yang berdiri, yang tidur. Yang terbesar di Asia. Akan tetapi tidak

pernah sekalipun kita mendengar suara-suara yang mengatakan ketidakpuasan hati ataupun persengketaan dan perbalahan antara agama. Cuma hari ini ada wujud segelintir pihak yang cuba memainkan sentimen agama. Yang inilah yang perlu kita tangani di peringkat kerajaan dengan penguatkuasaan undang-undang, Akta Hasutan yang kita telah perbaiki. Semua ini memainkan peranan.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang disebut oleh Yang Berhormat Senator tadi berkenaan dengan sistem pendidikan kita yang tidak memberikan ruang kepada pelajar-pelajar kita untuk memahami dan menghormati agama-agama lain. Saya rasa itu tidak tepat. Ini kerana kita sentiasa memperkirakan kepelbagaian agama dan kita telah menyuntik di kalangan anak-anak kita supaya sentiasa menghormati bahawa di Malaysia hari ini, Islam itu agama Persekutuan tetapi agama-agama lain ini adalah agama yang bersama-sama dengan kita dalam keharmonian dan kesejagatan yang ada dalam konteks negara kita.

Sebab itulah prinsip *wasatiyyah* itu dijadikan asas dalam membina negara bangsa. *wasatiyyah* dalam konteks negara kita, kita telah memberikan terjemahan dan definisi yang cukup cantik sekali. Kita tidak merelakan elemen-elemen radikalisme mahupun elemen liberalisme. Elemen yang mendefinisikan agama secara *rigid*, dan secara radikal mahupun cuba memperlonggar dan mencabut identiti agama dengan meletakkan kuasa akal itu melebihi segala-galanya sehingga kita boleh mewujudkan kecelaruan di dalam masyarakat kita.

Saya setuju kalau dalam Islam seperti mana yang disebut tadi, Allah menyebut dalam Al-Quran, dengan izin... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Allah menyebut dalam Al-Quran dengan jelas. Sekiranya Allahengehendaki, nescaya Allah menjadikan semua manusia ini *one nation*. Umat yang satu. Akan tetapi hakikatnya Tuhan menjadikan kita ini kepelbagaian. Adanya berbagai-bagai agama, adanya berbagai-bagai bangsa. Untuk apa? Dalam ayat yang lain, Allah menyebut... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Bermaksud, sesungguhnya Kami menjadikan lelaki wanita dan berbangsa-bangsa dan kepelbagaian, untuk apa? Prinsipnya *lita'arafu*. Untuk kita saling kenal mengenali.

Apa makna saling kenal mengenali? Saling hormat-menghormati dan itulah prinsip dan orientasi yang kerajaan cuba titipkan di dalam Rukun Negara berpaksikan kepada Perlembagaan supaya kita harus sentiasa memastikan keadaan negara kita walaupun adanya pelbagai agama, pelbagai kaum tetapi antara satu sama lain, kena saling hormat-menghormati dan itu yang sentiasa JAKIM dan IKIM sekarang ini laksanakan. Kita ada berbagai-bagai forum untuk kita berinteraksi dengan kepelbagaian. Wakil-wakil daripada pelbagai agama supaya kita boleh mendatangkan suatu gerak kerja yang bersama. Turun kepada pengikut masing-masing supaya

kita melahirkan pengikut-pengikut yang sentiasa bersifat terbuka. Walaupun kita mengatakan agama kita betul, tetapi jangan sesekali kita menafikan hak orang lain untuk hidup secara beragama dengan bebas dan aman. Sekian, terima kasih.

**Dato' Ong Chong Swen:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya, dengan izin, *on behalf of Yang Berhormat Datuk Teo Eng Tee to table his question*, saya mengalu-alukan kedatangan Persatuan Kebajikan Masyarakat India, Parlimen Pokok Sena, Kedah ke Dewan Negara. Diharap lawatan ini akan memberi manfaat kepada tetamu yang hadir pada hari ini.

**3. Dato' Ong Chong Swen [Di Bawah P.M. 23(2)]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, apakah langkah yang akan diambil oleh kerajaan selepas pelancaran Kanvas TN50 oleh YAB Perdana Menteri Malaysia baru-baru ini.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Seri M. Saravanan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Laporan Kanvas Belia TN50 telah diserahkan dan dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 28 Februari 2018 bertempat di Pusat Dagangan dan Pameran Antarabangsa (MITEC) Kuala Lumpur. Laporan ini terhasil daripada cerakin dan analisis kira-kira 62,000 aspirasi terkumpul daripada pelbagai lapisan belia di seluruh negara. Kanvas Belia TN50 ini merangkumkan enam tema utama yang diingini oleh belia Malaysia iaitu negara yang global, saksama, mampan, bersatu-padu, bertanggungjawab dan prihatin. Enam tema utama ini diketengahkan oleh belia dalam semua aspek seperti ekonomi, pekerjaan, pendidikan, struktur masyarakat, penjagaan khazanah alam, makanan dan tenaga, kualiti hidup bandar dan luar bandar, kesihatan, tadbir urus, keselamatan, sukan dan seni budaya.

Laporan Kanvas Belia TN50 ini seterusnya akan digunakan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU) Jabatan Perdana Menteri dalam menyediakan dokumen akhir TN50 yang bakal dibentangkan lewat tahun ini. KBS juga akan terus bekerjasama dengan pihak EPU supaya kandungan Kanvas Belia TN50 ini dapat menjadi panduan kepada pihak EPU dalam membangunkan dokumen akhir TN50 yang komprehensif serta memenuhi aspirasi golongan belia.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak KBS, saya juga berharap agar Ahli Yang Berhormat sekalian dari mana-mana parti politik tanpa mengira ideologi politik dapat bersama-sama menjayakan aspirasi yang dizahirkan belia Malaysia hari ini. Terima kasih.

**4. Laksamana (B) Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Hj. Mohd Nor** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan, keberkesanan tindakan pemantauan dan penguatkuasaan melalui Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 di dalam menentukan sungai-sungai di negara ini tidak dicemari.

**Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Yang Berhormat, selamat pagi.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan Alam Sekitar akan terus berusaha mengawal kualiti air sungai di negara ini melalui pemantauan secara berterusan dan konsisten. Negara kita terdapat 2,986 lembangan sungai yang meliputi Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Dari jumlah terkini kira-kira enam peratus lembangan sungai berada di dalam kelas satu, kira-kira 89 peratus dalam keadaan kelas dua dan lima peratus kelas ketiga.

Pada 13 April 2017 kerajaan telah melancarkan Program Pengawasan Kualiti Alam Sekitar iaitu EQMP yang merupakan salah satu inisiatif kebangsaan yang dilaksanakan melalui kerjasama awam ataupun *public-private partnership*. Melalui inisiatif ini kerajaan telah meluluskan 1,353 stesen pengawasan melalui manual baru berbanding dengan 837 buah stesen manual sebelum ini. Tambahan kepada stesen ini terdapat 30 buah stesen automatik baru yang telah dipasang dan merupakan peningkatan 20 buah stesen baru daripada hanya 10 stesen automatik berbanding dengan dahulu. Penempatan 30 stesen automatik baru ini di hulu loji rawatan air akan membolehkan tindakan mitigasi segera diambil pihak penguasa seperti JAS, pihak berkuasa tempatan, agar bekalan air ke rumah dijamin bersih dan tidak tercemar.

Selain daripada itu komponen air sungai juga akan memiliki empat buah stesen automatik secara bergerak *mobile station* yang baru mulai sekarang. Pengawalan secara perundangan *regulatory* berkuasa melalui Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya. Akta ini menguatkuasakan kawalan pelepasan *effluent* dari industri seperti getah, kelapa sawit dan buangan terjadual termasuk kumbahan berpusat bagi taman atau kawasan perumahan.

Walau bagaimanapun, pelepasan pencemar yang berpunca daripada aktiviti perladangan, penternakan yang di luar bidang kuasa Jabatan Alam Sekitar seperti aktiviti memproses baja tahi ayam, pembajaan di kawasan pertanian dan juga pembukaan kawasan pertanian meluas yang terletak di dalam kawasan tadahan yang tidak diwartakan adalah terletak dalam pengurusan dan kawalan oleh pihak berkuasa kerajaan negeri.

Selain dari itu pendekatan yang lain telah diambil menjalankan kempen-kempen kesedaran alam sekitar yang merupakan usaha berterusan dalam memberi kesedaran kepada orang ramai. Kempen mengenai betapa pentingnya sungai untuk dihargai dan dijaga akan sentiasa diberi pendekatan oleh pelbagai agensi di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Umpamanya Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Pengairan dan Saliran dan NAHRIM. Pendekatan ini walaupun lebih bersifat strategi jangka panjang tetapi kementerian mengharapkan masyarakat akan lebih menghargai sungai sebagai punca utama sumber air negara. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan Tan Sri.

**Laksamana (B) Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Hj. Mohd Nor:** Soalan tambahan saya. Bilakah kita akan menikmati sungai-sungai di negara ini terutama di bandar-bandar utama mencapai tahap kebersihan yang tinggi seperti sungai-sungai di negara maju. Saya hendak kongsi pengalaman saya melihat satu sungai di Kyoto. Selama dua jam saya di tepi sungai, satu sampah dan puntung rokok pun saya tidak nampak. Sungguh bersih. Sama ada peruntukan senggaraan sungai di negara ini mencukupi yang juga mengambil kira kedalaman sungai sentiasa konsisten. Contoh melaksanakan senggaraan iaitu, dengan izin, *dredging* tiap-tiap tiga tahun. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, silakan Yang Berhormat Menteri.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya apa yang berlaku di *Europe* adalah boleh diambil menjadi satu pengajaran kepada kita semua. Selepas 300 tahun industri pertanian dan juga revolusi berlaku hinggangnya selepas perang dunia yang kedua. Semua negara Eropah itu tercemar, sungai-sungai tercemar. Sungai Thames yang boleh dipanggil satu contoh yang amat tercemar hingga tahun 60-an. Jadi untuk merawat sungai-sungai ini makan belanja dan kewangan yang begitu besar sekali. Jadi kita masih boleh berterima kasih kerana kita tidak mencemar sungai kita sebagaimana yang berlaku di *Europe* selama 300 tahun, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi kita masih ada dua, tiga perkara yang perlu kita buat. Pertama pendidikan, kesedaran itu masih amat cetek sekali di kalangan masyarakat kita. Masyarakat kita masih melihat sungai adalah tempat membuang sampah, membuang apa sahaja, kumbahan dan sebagainya. Sebagai contoh kalau kita lihat perumahan berdekatan dengan sungai. Tempat yang terdekat sekali untuk mereka membuang sampah dan sebagainya itu adalah dalam sungai.

Begitu juga kilang-kilang. Kilang-kilang hanya melihat *the bottom linenya* itu, dengan izin, keuntungan. Kumbahan-kumbahan daripada kilang semua di *channel* kepada sungai.



Ketiga kalau kita lihat perladangan, pembalakan, pembangunan, pertanian, *buffer zone* kita tidak terjaga.

Jadi dalam keadaan sedemikian, semua ini mendatangkan satu kecekan kepada sungai oleh sebab *siltation*, dengan izin, dan kedua mendatangkan pencemaran yang kita lihat sekarang ini. Jadi dalam keadaan sedemikian maka kenapa kementerian saya akan memperkenalkan undang-undang baru. *Insyah-Allah* boleh pada tahun 2018 ini undang-undang ini boleh dapat datang ke Dewan dan diluluskan dengan harapan semua wakil rakyat menyokong undang-undang ini. Ini kerana undang-undang alam sekeliling ini telah digubal pada tahun 1974, maka tidak lagi relevan pada sekarang ini maknanya. Sepatutnya kita sudah pinda berapa kali sudah tetapi pemindaan itu hanya secara personel. Kita hendak perkenalkan undang-undang baru yang lebih merangkumi daripada 59 seksyen yang ada sekarang ini kita hendak pinda membuat satu perundangan yang mempunyai 99 seksyen. Merangkumi semua kelemahan-kelemahan yang ada dalam undang-undang itu kita akan dapati.

Dengan harapan bahawa nombor satu- kesedaran berbangkit, penguasaan undang-undang boleh dilaksanakan.

Kedua, Kertas Kabinet saya masih di dalam kabinet sekarang. *Insyah-Allah* kalau hujung minggu ini diluluskan Kertas itu, kita akan ada silibus dalam sekolah untuk memperkenalkan subjek Alam Sekitar ini di sekolah. Ini kesedaran supaya anak-anak kita pada generasi yang akan datang nanti *insyah-Allah*, akan menjadi manusia yang sedar kepada kebersihan semua perkara termasuk sungai. Jadi *insyah-Allah*, dengan tindakan perundangan dan juga kesedaran kepada masyarakat ini nanti, kita boleh dapat sungai yang lebih bersih dan sungai yang lebih ceria sebagaimana yang disebut Yang Berhormat Senator tadi. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin silakan.

**Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya yang pertama hendak mengucapkan tahniah kepada Menteri kerana mempunyai satu visi yang sungguh jelas tentang memelihara alam sekitar di negara kita.

Soalan berkenaan sungai ini saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, sejauh manakah penguatkuasaan Jabatan Alam Sekitar ke atas operasi kilang ataupun industri yang melepaskan *effluent* perindustrian ini mematuhi ketetapan untuk mempunyai *personnel* atau pegawai yang kompeten dalam menyelenggarakan loji rawatan- *effluent* industri sebelum ianya disalurkan ke luar kilang. Ini sebab kita tahu bahawa di bawah *industrial effluent regulation- if I'm not mistaken*, dia kena menetapkan seorang pegawai, atau *engineer personnel* untuk

memastikan bahawa air kumbahan itu dirawat sebelum keluar di saluran. Kita tahu dan kita lihat bahawa banyak kilang gagal untuk mematuhi peraturan ini dan akhirnya mengakibatkan kumbahan-kumbahan ataupun bahan-bahan yang buangan ini mengalir keluar ke sungai dan akhirnya mencemarkan sungai kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya terima kasih. Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya apa yang Yang Berhormat lihat itu memang satu realitilah, satu kenyataan.

■1050

Sebabnya di negara kita, kumbahan kilang-kilang itu semua terus ke sistem perairan asli iaitu kepada sungai, dataran dan sebagainya. Berlainan dengan di Eropah. Kalau di Eropah, kilang-kilang akan mengumpulkan semua *effluent* dan *discharge* mereka ke dalam satu tempat. Di situ akan dibersihkan dahulu sebelum dia dikeluarkan kepada sistem perairan biasa. Jadi dalam keadaan sedemikian kita mempunyai satu sistem. Sistem kita sendiri yang terus ke air sungai tetapi di Eropah itu ada saluran yang kedua untuk membersihkan.

Jadi ini masih saya memikirkan sama ada kita boleh berpindah mengikut apa yang dibuat di Eropah. Walaupun standard kita jauh lebih tinggi daripada Eropah, daripada kilang pergi ke tempat rawatan, kita lebih tinggi lagi daripada Eropah. Banyak syarikat di luar sana *complain* kenapa standard kita begitu tinggi, lebih tinggi daripada Eropah. Sebabnya ialah kita terus kepada sungai. Mereka, masuk ke dalam satu rawatan dulu sebelum dialirkan ke sungai. Jadi dalam keadaan sedemikian, sistem ini belum kita ubahkan kerana melibatkan banyak pihak.

Kedua, dengan ada perundangan baru ini nanti *insya-Allah* perkara-perkara ini akan tercapai sebabnya satu, kilang-kilang yang *illegal* ataupun yang tidak berdaftar dan sebagainya itu di luar kawalan kita sekarang. Kita tidak ada kuasa pun. Apa yang berlaku di Semenyih itu menjadi satu *illustration*. Umpamanya, bila kilang-kilang yang tidak berdaftar ini, kilang *illegal* dibuat di tepi sungai, dan pencemaran masuk ke dalam Sungai Semenyih hingganaya Sungai Semenyih itu *shutdown* dia punya *water plant*, jadi ini mendatangkan satu masalah kepada masyarakat.

Jadi, perkara-perkara ini akan kita atasi apabila undang-undang baru ini nanti telah digubal, dilaksanakan dan diterima oleh Dewan dan diluluskan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan Yang Berhormat Datuk Ir. Yong Wui Chong.

**5. Datuk Ir. Yong Wui Chong** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, adakah sasaran 30 peratus penurunan harga kereta seperti yang dijanjikan 5 tahun lalu dapat dicapai. Apakah halangan yang dihadapi oleh kerajaan bagi mencapai sasaran tersebut.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Seri Ahmad bin Haji Maslan]:** *Assalamualaikum*. Salam sejahtera, salam negaraku 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Ir. Yong Wui Chong.

Pelaksanaan Dasar Automotif Nasional (NAP) pada Januari 2014 yang bertujuan menjadikan Malaysia sebagai hab kenderaan cekap tenaga dan meningkatkan keupayaan keseluruhan ekosistem industri automotif supaya lebih berdaya saing telah mewujudkan persaingan harga kenderaan yang lebih kompetitif di pasaran tempatan. Di bawah NAP 2014, kerajaan telah menawarkan *customize incentive* termasuk pengurangan dan pengecualian cukai bagi menggalakkan pengeluaran kenderaan EEV dan pelaksanaan aktiviti nilai tambah. Hasilnya bagi tempoh 2013 hingga 2015, harga kereta telah menurun secara purata sebanyak 14.68 peratus.

Mulai tahun 2016, harga kereta meningkat sebanyak 2.13 peratus berikutan kejatuhan nilai ringgit yang menyebabkan pihak syarikat pengeluar kenderaan OEM tidak dapat membuat pengurangan harga kereta. Pada tahun tersebut penurunan harga kereta keseluruhan hanyalah pada tahap 12.55 peratus. Manakala pada tahun 2017, sekadar penurunan harga kereta secara keseluruhan menurun sebanyak 0.52 peratus. Ini menjadikan purata penurunan harga kereta bagi tempoh 2013 sehingga Februari 2018, penurunan purata harga kereta telah mencapai 16.38 peratus.

Model-model kereta yang telah diturunkan harga secara berperingkat bagi tempoh 2013 hingga 2017 termasuk:

- (i) *Proton Exora 1.6*, penurunan sebanyak 4.7 peratus;
- (ii) *Perodua Alza 1.5* iaitu penurunan sebanyak 11.3 peratus;
- (iii) *Perodua Myvi 1.3*, penurunan sebanyak 19.4 peratus;
- (iv) *Honda Jazz*, penurunan sebanyak 19.3 peratus;
- (v) *Mazda CX-5*, penurunan sebanyak 6.6 peratus;
- (vi) *Perodua Axia*, penurunan sebanyak 19.7 peratus; dan

*Perodua Axia* adalah merupakan model paling murah iaitu RM24,999 sebuah. Sebelum ini tidak pernah wujud harga serendah ini dengan memenuhi spesifikasi keselamatan antarabangsa. Cabaran utama bagi mencapai sasaran yang ditetapkan tersebut adalah kerana pelbagai faktor di luar kawalan kerajaan seperti kenaikan mata wang asing berbanding ringgit,

ketidaktentuan pasaran, *market volatility*, faktor pasaran *market forces* seperti harga komponen CKD yang diimport dan juga yang diperoleh di pasaran tempatan, kos pengangkutan, insurans, kadar faedah pinjaman dan kos-kos lain.

Untuk makluman, harga kereta tidak ditetapkan oleh kerajaan tetapi ia ditentukan oleh syarikat-syarikat pengeluar dan pemasang kenderaan berdasarkan faktor-faktor yang disebutkan. Namun begitu, aspek harga kompetitif tetap diambil perhatian oleh kerajaan untuk memberi kemampuan pemilikan kereta yang lebih baik kepada rakyat Malaysia dan memastikan kos pengeluaran yang kompetitif dapat dicapai oleh industri automotif tempatan. Kerajaan akan terus berbincang dengan pihak OEM untuk memastikan harga kereta adalah berpatutan dan mampu milik. Beberapa syarikat dapat menurunkan harga kereta melalui strategi pemasaran masing-masing termasuk pengenalan model baru dan penukaran operasi daripada pengimportan CBU kepada pemasangan tempatan CKD. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan soalan tambahan Yang Berhormat.

**Datuk Ir. Yong Wui Chong:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapannya. Soalan tambahan saya, kelulusan permit import AP yang membawa masuk kereta pasang siap atau CBU, ke Malaysia mungkin antara faktor mengapa harga kereta di Malaysia masih lagi tidak mampu mengalami penurunan yang ketara. Oleh itu, soalan tambahan saya, berapakah jumlah permit import AP yang telah diberikan sama ada kepada syarikat kereta, pengeluar kenderaan syarikat kereta *used car* mahupun individu bagi tempoh lima tahun ini. Soalan kedua saya, adakah kerajaan bercadang untuk menyemak semula kadar duti eksais kereta? Berapakah anggaran jumlah hasil kerajaan yang akan hilang setiap tahun bagi setiap satu peratus duti eksais yang dikurangkan? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Terima kasih di atas soalan tambahan yang begitu spesifik. Permit import kereta ini kita akan teruskan dan sebelum ini ada cadangan supaya ia ditambah AP ini untuk lebih meliberalisasikan harga. Walau bagaimanapun setelah dibuat kajian kerana industri kereta ini mempunyai total industri volum yang tertentu. Sebagai contoh 2014 sebanyak 666,465 buah kereta terjual dan dia menurun pada 2017 kepada 576,635 unit. Atas sebab itu maka kita tidak menambah lagi permit import ataupun AP ini.

Dari segi semakan duti eksais kereta itu, kita teruskan juga. Dia tidaklah memberikan peningkatan harga yang tinggi kerana duti eksais yang berkaitan. Ada faktor-faktor lain yang menyebabkan harga kereta ini meningkat sebagaimana yang saya sebut tadi. Dari segi kejatuhan

nilai Ringgit sebelum ini, pada suatu ketika dan juga kos-kos utama. Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, komponen utama kereta ini dia dipanggil ECU atau *Electronic Control Unit*. Ia adalah semacam *motherboard* dalam sebuah komputer. ECU ini kita terpaksa import daripada luar. Apabila nilai ringgit kita merosot, maka ECU ini akan meningkat dan menyebabkan harga kereta akan meningkat. Kita belum lagi mempunyai kepakaran untuk membuat *Electronic Control Unit* sendiri.

Satu lagi, kenapakah harga kereta ini turun 16.38 peratus. Kita janji 30 peratus tidak sampai lagi, kenapa. Satu lagi adalah kerana ada spesifikasi keselamatan dan juga pemeliharaan alam sekitar yang dikenakan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa bersatu. Contohnya kena ada apa yang dipanggil sebagai *Inland Transport Committee* (ITC). Jawatankuasa Pengangkutan Darat Bangsa-bangsa Bersatu yang menghendaki pelbagai peraturan-peraturan keselamatan diletakkan dalam sesebuah kereta itu. Jadi semuanya ini menambahkan peningkatan kos. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah.

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Satu isu yang juga ada kena mengena dengan kos meningkat. Saya hendak tahu status terkini *vehicle lifespan policy* itu.

#### ■1100

Dahulu ada satu cadangan untuk hadkan *lifespan*, yang *last* saya tahu masih dalam kajian- *lifespan policy*. Sama ada kementerian akan memperkenalkan *lifespan policy* itu.

**Datuk Seri Ahmad bin Haji Maslan:** Ya, kita tidak lagi memperkenalkan hal yang demikian. Kenderaan-kenderaan yang berumur tertentu, tidak dibenarkan berada di jalan raya-itu kita tidak putuskan lagi perkara yang berkaitan.

Satu lagi ada tuduhan di luar sana mengenai kos yang meningkat ini kerana GST, Tuan Yang di-Pertua. Mereka tuduh saya cakap bohong kerana saya kata GST boleh menurunkan harga barang. Akan tetapi harga kereta turun kah? Saya ingin maklumkan bahawa harga kereta turun sebab GST. Tuan Yang di-Pertua, pada 1 April 2015 apabila GST mula dilaksanakan, pengeluar-pengeluar kereta mengumumkan harga kereta turun di semua dada akhbar utama pada hari pertama GST dilaksanakan.

Ia adalah benar apa yang saya sebut, GST boleh menurunkan harga barang. Kenapa? Hal ini kerana *Sales and Services Tax* (SST) kereta sebelum ini adalah 10 peratus, tetapi 10 peratus itu kita mansuhkan dan kita ganti dengan cukai yang lebih rendah, GST 6 peratus. Itu

sebab harga kereta turun, *Proton, Honda, Toyota* turun sehingga 3.25 peratus. *NISSAN, Mercedes, Perodua, Hyundai, Ford* sehingga 2.87 peratus. Ini yang berlaku pada era GST ini. Dengan lain perkataan GST tidak terlibat dalam peningkatan harga kereta tetapi kita menyatakan bahawa GST telah menurunkan harga kereta. Terima kasih.

**6. Tuan Haji Muhamad bin Mustafa:** Meminta Menteri Kesihatan menyatakan, sehingga kini, berapakah nisbah doktor kepada pesakit dan nisbah jururawat kepada pesakit di setiap wad hospital kerajaan, dan berapakah jumlah nisbah sebenar yang perlu dicapai.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin untuk menjawab soalan ini bagi pihak Kementerian Kesihatan Malaysia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan kehadiran pemimpin-pemimpin kita dari Pokok Sena yang saya dimaklumkan membuat kunjungan hormat kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhamad bin Mustafa atas soalan yang telah ditujukan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia, dan saya akan cuba sedaya upaya untuk menjawab soalan ini bagi pihak Kementerian Kesihatan Malaysia.

Nisbah petugas kesihatan kepada penduduk adalah merupakan *indicator* yang diguna pakai di peringkat antarabangsa serta Malaysia dan bukannya nisbah petugas kesihatan kepada pesakit. Antara contoh nisbah petugas kesihatan kepada penduduk yang boleh diberikan adalah seperti:

- (i) nisbah doktor perubatan kepada penduduk;
- (ii) nisbah jururawat kepada penduduk;
- (iii) nisbah doktor pergigian kepada penduduk; dan,
- (iv) nisbah ahli farmasi kepada penduduk.

Badan antarabangsa dunia seperti Pertubuhan Kesihatan Sedunia dan Bank Dunia atau *World Bank* tidak menetapkan sasaran nisbah mana-mana petugas kesihatan kepada penduduk yang perlu dicapai oleh sesebuah negara. Namun demikian, sekiranya ingin menanda-aras adalah menjadi kebiasaan untuk sesebuah negara membuat perbandingan nisbah petugas kesihatan kepada penduduk dengan negara lain dalam kalangan sosioekonomi yang sama atau dengan negara berpendapatan tinggi.

Pada masa yang sama, nisbah petugas kesihatan kepada penduduk mahupun peratus perbelanjaan penjagaan kesihatan daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) bukanlah perkara yang amat penting untuk dibicarakan. Apa yang perlu diberi lebih perhatian adalah akses kepada penjagaan kesihatan yang dinikmati oleh rakyat pada masa ini.

Mengambil Amerika Syarikat sebagai contoh, dengan nisbah petugas kesihatan kepada penduduk yang lebih rendah dan perbelanjaan kesihatan sebanyak 17.1 peratus daripada KDNK, namun rakyatnya masih tidak mempunyai akses sejangat kepada perkhidmatan kesihatan. Malah Malaysia mencatatkan beberapa *indicator* kesihatan pada tahap yang sama dengan Amerika Syarikat antaranya seperti jangkaan hayat ketika lahir, kadar kematian kasar, kadar mortaliti ibu bersalin dan kadar mortaliti bayi.

Selain itu, dengan kapasiti perkhidmatan kesihatan yang sedia ada, Malaysia telah menerima pelbagai pengiktirafan oleh badan antarabangsa sebagai antara perkhidmatan kesihatan terbaik di dunia. Misalnya pada tahun 2017, majalah *International Living*, dengan izin, di dalam Indeks Persaraan Global Tahunan 2017, telah menamakan Malaysia sebagai negara yang mempunyai sistem kesihatan yang terbaik di dunia berbanding 24 buah negara yang lain. Ini merupakan penghormatan yang diterima oleh Malaysia selama tiga tahun berturut-turut dan dengan adanya kepimpinan Yang Amat Berhormat Pekan dan juga Yang Berhormat Segamat, yang menerajui Kementerian Kesihatan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, ada tidak seorang doktor itu kepada berapa pesakit- nisbah?

**Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan:** Ada maklumat Tuan Yang di-Pertua, kalau Tuan Yang di-Pertua hendak saya boleh jawab.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak, dalam ini ada jumlah nisbah.

**Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan:** Ada jawapannya boleh saya beri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh?

**Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan:** Boleh. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, di Malaysia kini nisbah kepada doktor perubatan hari ini 1:632 orang pesakit.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, ini merupakan penambahbaikan. Contoh pada tahun 2011, nisbahnya 1:791 orang pesakit. Pada tahun 2016 1:632 orang pesakit, dan harapan Kementerian Kesihatan ialah dalam tahun 2020 ini, sasarannya ialah 1:400 orang penduduk. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat saya kena beritahu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa buat masa sekarang ini dua-dua Dewan ini berjalan serentak. Oleh

itu ada juga desakan oleh Menteri-menteri yang tidak dapat hadir ke Dewan kita ataupun ke Dewan Rakyat. Silakan Yang Berhormat jikalau Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak dapat jawab secara lisan, dia akan jawab secara bertulis. Soalan tambahan, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Muhamad bin Mustafa:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri dan Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah, berapakah jumlah lulusan doktor perubatan setiap tahun melalui IPTA dan IPTS di dalam dan juga di luar negara? Sejauh manakah jumlah kelulusan ini dapat menampung dan dapat memenuhi keperluan hospital di seluruh negara? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan, Yang Berhormat Menteri.

**Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon maaf jawapan itu tidak ada bersama saya sekarang. Saya akan memberi jawapan secara bertulis. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat.

**7. Puan Hajah Azidah binti Haji Harun** meminta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan, bilangan RUMAWIP yang telah dibina dan dijual sehingga Mac 2018 serta bagaimana perancangan Kerajaan untuk memastikan pemaju-pemaju terus menyokong kerajaan untuk membina rumah-rumah mampu milik di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

**Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Hajah Azidah.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, sehingga 28 Februari 2018, sebanyak 88,917 unit melibatkan 124 buah projek telah diluluskan di Wilayah Persekutuan. Daripada jumlah tersebut sejumlah 8,824 unit- 11 peratus melibatkan 15 projek telah siap dibina.

Sebanyak 37,393 unit- 47 peratus yang melibatkan 51 projek RUMAWIP sedang di peringkat pembinaan dan dijangka siap antara tahun 2018 dan 2022.

Manakala sebanyak 42,700 unit- 53 peratus yang melibatkan 58 buah projek telah mendapat kelulusan perintah pembangunan.

Berdasarkan kepada rekod penawaran RUMAWIP sehingga 28 Februari 2018, sebanyak 49 buah projek membabitkan 31,514 unit telah dibuka untuk dijual. Daripada jumlah projek tersebut, sebanyak 15,742 unit telah berjaya dijual, iaitu sebanyak 50 peratus. Manakala baki sebanyak 15,772 unit lagi masih di peringkat tapisan sebelum ditawarkan kepada pembeli yang layak.



Dalam usaha kementerian memperbanyakkan penyediaan RUMAWIP, projek pembangunan yang bersesuaian akan disyaratkan dengan kelulusan kebenaran merancang untuk menyediakan sekurang-kurangnya 30 peratus komponen RUMAWIP.

■1110

Bagi projek-projek yang dijalankan secara usaha sama pula komponen RUMAWIP akan dijadikan sebagai sebahagian daripada perancangan yang untuk ditawarkan kepada rakyat. Insentif juga akan diberikan kepada pemaju antaranya pengecualian caj pembangunan mengikut peratusan komponen RUMAWIP yang disediakan, peningkatan tahap kepadatan penduduk tertakluk kepada kelulusan perancangan, tempoh pemprosesan kelulusan perancangan yang pantas menerusi laluan khas *green lane* dan lain-lain inisiatif tambahan tertakluk kepada persetujuan agensi di bawah kementerian.

Kementerian bersama-sama agensi di bawahnya sentiasa mewujudkan persekitaran yang *business friendly*, dengan izin, dengan pemaju swasta terutama dari aspek pemprosesan kelulusan yang pantas yang banyak memainkan peranan untuk mereka menyokong inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan. Sekian terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Puan Hajah Azizah.

**Puan Hajah Azizah binti Haji Harun:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Saya dimaklumkan terdapat masalah di kalangan pemohon RUMAWIP lanjut usia melebihi 50 tahun untuk membeli RUMAWIP ini dengan kadar bawah harga pasaran. Sebagai contoh, harga dia RM160,000 kerana terpaksa juga membiayai premium insurans MRTA atau MRTT sebanyak RM90,000, tinggi bagi memuktamadkan pembiayaan rumah.

Soalan saya, sejauh manakah kerajaan mencari cara penyelesaian untuk meminimumkan premium insurans bagi pembiayaan rumah pemohon lanjut usia agar kos pembelian RUMAWIP tidak tinggi? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, untuk makluman Yang Berhormat RUMAWIP yang ditawarkan di Kementerian Wilayah Persekutuan adalah dari harga RM188,000 hingga RM300,000 untuk RUMAWIP yang berkeluasan 800 kaki persegi dan lebih sikit dengan harga tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat, MRTA yang dikenakan oleh bank adalah satu *protection*, dengan izin, kepada pembeli dan pembeli-pembeli yang berusia tua ini, saya tidak tahulah hendak cakap macam mana kerana ini bukan di bawah kawalan kementerian. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**8. Dato' Sri Khairudin Samad** minta Menteri Pendidikan Tinggi menyatakan, sejauh manakah pencapaian IPTS dalam kedudukan ranking dunia dan apakah langkah-langkah yang dilaksanakan oleh kementerian bagi membantu IPTS memperbaiki kedudukannya dalam ranking.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi [Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Seri Khairudin Samad atas soalan berkaitan kedudukan ranking dunia untuk IPTS.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) dalam negara terus menunjukkan peningkatan prestasi setiap tahun terutamanya di peringkat Asia. Berdasarkan kepada laporan terkini, dengan izin, *QS World University Ranking for Asia 2018- 11* IPTS tersenarai sebagai antara universiti terbaik Asia. IPTS yang dimaksudkan adalah Universiti Teknologi Petronas kedudukan ke 101; Taylor's University kedudukan ke 150; *Multimedia University* kedudukan ke 179; *UCSI University, Management and Science University, Lim Kok Wing University*, dan Universiti Tenaga Nasional berada di kedudukan di antara 200 hingga 250. Manakala Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR), *Sunway University, Al Madinah University* dan Universiti Kuala Lumpur pula berada di kelompok 251 hingga 400. Ini adalah pencapaian yang membanggakan jika dibandingkan dengan jumlah keseluruhan universiti di Asia sebanyak 11,900 buah universiti.

Selain itu penarafan *QS World University Ranking by subject*, dengan izin, tahun 2018 telah senaraikan empat bidang pengajian yang ditawarkan oleh IPTS sebagai antara 200 terbaik dunia dengan satu bidang iaitu bidang *Hospitality* dan *Leisure Management*, dengan izin, oleh *Taylor's University* dan berada pada kedudukan 21 terbaik dunia. Manakala subjek Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Mekanikal dari UTP berada di kedudukan 200 terbaik dunia.

Merujuk kepada laporan *Times Higher Education University Rankings*, dengan izin, Asia tahun 2018, UTAR buat pertama kali berjaya mendapat kedudukan 100 universiti terbaik di Asia dan UTP juga berjaya memperbaiki kedudukan ke 114 dari kedudukan 150 pada tahun 2017. Pihak kementerian sentiasa memberi sokongan kepada IPTS untuk menyerlah di dalam bidang tujahan atau, dengan izin, *niche areas* pilihan melalui pemberian dana pendidikan.

Selain itu, IPTS juga digalakkan untuk bekerjasama dengan universiti awam melalui konsep kesepunyaan dan keserakanan di dalam menjalankan penyelidikan terutamanya di dalam penyelidikan berimpak tinggi. IPTS juga digalakkan untuk mempertingkatkan kualiti penerbitan akademik dan memberikan keutamaan kepada penerbitan jurnal berindeks.

Selain itu, Kementerian Pendidikan Tinggi sentiasa menyokong perantarabangsaan dalam pengurusan IPTS dengan mempertimbangkan syor kelulusan IPTS untuk merekrut pelajar antarabangsa dan membenarkan IPTS melantik akademik staf atau pensyarah luar negara untuk mengajar di IPTS berdasarkan prosedur yang ditetapkan. IPTS juga digalakkan untuk menjalankan kerjasama dengan pihak industri yang juga dikenali sebagai rakan industri di samping memperkukuhkan lagi promosi pendidikan tinggi negara kepada pelajar antarabangsa melalui Pejabat *Education Malaysia* (EM).

Sehingga ini, jumlah pelajar antarabangsa di IPTS adalah 103,198 orang sehingga 21 Disember 2017. Kementerian Pendidikan Tinggi juga terus memperkasa penarafan dalam negara seperti *Malaysian Research Assessment* atau MyRA, dengan izin, Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi Awam (SETARA), dan *Malaysia Quality Evaluation System* (MyQUEST), dengan izin, yang menilai kualiti pendidikan dan penerbitan pengajaran dan perkhidmatan di IPT Malaysia. Instrumen ini merupakan satu kayu ukur yang sesuai dalam menilai keupayaan universiti di peringkat negara. Penarafan ini menunjukkan komitmen kerajaan dalam memastikan kualiti pendidikan tinggi di Malaysia berada pada tahap yang tinggi di samping memperkasa institusi agar dapat bersiap sedia untuk bersaing di peringkat antarabangsa. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan Yang Berhormat soalan tambahan.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat kerana kita tahu bahawa seperti Yang Berhormat katakan tadi, IPTS ini dia- tahniahlah kerana kita, ranking kita bagus, dalam Asia sahaja di antara 11,000, kita hanya 100, 200. Tahniah.

■1120

Mungkin kita boleh majukan lagi. Cuma saya ingin tahu, sebab kalau kita hendak rekrut penuntut-penuntut antarabangsa ini, apa yang kita perlu ialah mereka ini datang, itulah salah satu cara untuk IPTS ini dapat *income*, dengan izin, dapat pendapatannya. Akan tetapi, saya difahamkan ada juga IPTS-IPTS ini, kadang-kadang penuntut ini masuk, dia bukan mahu belajar tetapi dia mahu lakukan kerja-kerja yang lain.

Universiti ini dihukum atau kolej ini dihukum sampai bertahun-tahun dihukum, tidak boleh bawa masuk penuntut. Bagaimanakah institusi ini hendak terus hidup? Oleh sebab ia dihukum tidak boleh bawa masuk penuntut. Hal ini kerana, ada masalah dengan sekatan daripada imigresen dan sebagainya. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Terima kasih, Yang Berhormat di atas soalan berkaitan dengan kawalan. Sebenarnya, memang sekiranya katalah ada pihak universiti atau institusi tinggi yang melanggar peraturan yang sudah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi, maka tindakan akan diambil.

Walau bagaimanapun, Kementerian Pendidikan Tinggi juga mengadakan satu sesi di mana yang kita panggil, "OPS Susun" supaya pihak IPTS yang bermasalah boleh duduk bersama dengan pegawai-pegawai untuk mengesan apakah kekurangan atau apakah syarat yang tidak *dicomply*, dengan izin, supaya tindakan susulan boleh dapat dijalankan untuk menambah baik masalah yang dihadapi oleh IPTS.

Sekarang, Kementerian Pendidikan Tinggi juga mengadakan usaha untuk mengurangkan masalah yang dihadapi oleh IPTS dan memang Kementerian Pendidikan Tinggi mengadakan sesi *engagement* oleh Kementerian Pendidikan Tinggi, oleh Menteri Pendidikan Tinggi sendiri. Setakat ini, kita sudah mengadakan tiga *engagement* di mana isu-isu seperti ini boleh dibincangkan.

Selain daripada itu, Kementerian Pendidikan Tinggi juga mengadakan Hari Pelanggan untuk mempromosikan pengajian tinggi kepada pelajar dan ibu bapa. Sekiranya, katalah, ada perkara-perkara yang memerlukan untuk dijelaskan sila adakan satu *appointment* dengan Kementerian Pendidikan Tinggi khususnya bahagian IPTS. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah.

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya suka melihat kepada angka-angka. Kalau kita melihat *Top Three Universities in the World*. Nombor satu, *University of Oxford, United Kingdom*. *Number of students, 20,409. Number of students per staff, 11.2 percent. Ratio* di antara lelaki dan perempuan, ialah perempuan 46, lelaki 54. *Number one in the world*.

*Number two is University of Cambridge, sama juga di United Kingdom- 18,399 is total population of students- 10.9, number of students per staff, dengan izin, the ratio* di antara perempuan dan lelaki, perempuan 45, lelaki 55.

*The third university* ialah *California Institute of Technology* di *United State*, hanya mempunyai *population 2,209, and number of students per ratio 6.5*. *Ratio* di antara lelaki dan perempuan ialah perempuan 31, lelaki 69.

Kalau kita tengok universiti-universiti di Malaysia, Yang Berhormat Menteri, bila kita masuk sahaja ke universiti itu kita melihat ramai sekali pelajar wanita. Saya tidak tahu berapa *rationya*. Ini termasuk juga di sekolah-sekolah rendah yang akan ke universiti bila kita pergi merasmikan PIBG itu, nampak sekali jumlah pelajar wanita dengan pelajar lelaki itu berbeza. Saya ada dua soalan, pertama, saya mahu tanya *staff ratio per students* dengan apakah tindakan kerajaan hendak meramaikan pelajar lelaki ke dalam universiti seperti mana yang tadi ini, perempuan 31, lelaki 69 seperti mana yang berada di *California Institute of Technology*. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri. Pelajar wanita pandai *kof*?

**Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Terima kasih, Yang Berhormat. Jadi, *I'm trying not to be gender bias* ya.

Satu soalan yang sebenarnya ada ditanyakan. Ini saya rasa sekiranya kita melihat ini menjadi satu trend dunia di mana pelajar perempuan lebih daripada pelajar lelaki. Jadi, apa yang sangat penting di sini adalah saya rasa satu kajian perlu dijalankan untuk mengenal pasti kenapa bilangan pelajar perempuan adalah lebih daripada pelajar lelaki. Akan tetapi, data menunjukkan bahawa, di Politeknik ataupun Kolej Komuniti dalam bidang TVET, lelaki adalah lebih daripada pelajar perempuan di universiti. Jadi, ini adalah satu trend dan saya rasa adalah sangat menarik sekiranya kita boleh mengendalikan satu kajian untuk mengenal pasti.

Ini kerana, saya rasa kita tidak boleh *jump to a conclusion*, dengan izin, tetapi kita mesti ada data untuk buktikan mengapa pelajar lelaki kurang daripada pelajar perempuan. Selepas daripada itu, untuk cari solusi untuk *address* dan pada masa yang sama itu untuk mencungkil satu kesedaran antara pelajar-pelajar lelaki yang berkaitan dengan kepentingan pendidikan selanjutnya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, yang berkenaan dengan seorang pensyarah dengan bilangan *student*, ada data?

**Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Saya akan memberikan jawapan secara bertulis. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram.

**Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya adalah berkaitan dengan apakah mekanisme yang digunakan oleh Kementerian Pengajian

Tinggi bagi memastikan penawaran kursus yang dibuat oleh IPTS memenuhi keperluan pasaran semasa kerana ramai pelajar terpaksa belajar kursus-kursus yang kurang relevan dan akhirnya menanggung beban PTPTN kerana tidak ditawarkan untuk bekerja di mana-mana industri ataupun di peringkat kerajaan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Terima kasih Yang Berhormat. Ada satu soalan yang berkaitan dengan bagaimana kita- apa tindakan yang diambil oleh Kementerian Pendidikan Tinggi untuk meningkatkan kebolehpasaran pelajar.

Di sini, saya ingin sampaikan kepada Yang Berhormat, adalah di mana *The Malaysian Qualifications Agency* (MQA) mengadakan *standard program* untuk program-program yang dijalankan untuk IPTA. Ini- *Sstandard program* itu, kriteria-kriteria yang sudah ditetapkan dalam setiap *standard program* adalah satu hasil perbincangan dari pakar akademik dari industri dan pada masa yang sama merupakan badan profesional.

Untuk mengatasi isu yang berkaitan dengan kebolehpasaran pelajar, Kementerian Pendidikan Tinggi sudah mengadakan beberapa inisiatif dan salah satunya adalah Program 2u2i di mana pelajar di universiti yang belajar di universiti sepanjang dua tahun, selepas itu mengadakan satu *work-based learning*, dengan izin, di industri. Ini mendatangkan pelbagai faedah kepada pelajar.

Selain daripada itu, kita boleh melihat bahawa *there's a transfer of knowledge* di mana mereka belajar konsep dan teori di bilik kuliah dan selepas itu dia akan bawa *theoretical knowledge*- ilmu dari segi teori untuk dibawa ke tempat bekerja.

#### ■1130

Selain daripada itu, kita juga mengadakan satu Program iCGPA di mana Kementerian Pendidikan Tinggi, universiti menilai pelajar bukan hanya dari segi kecemerlangan akademik sahaja tetapi kita juga nilai dari domain yang lain seperti komunikasi, kepimpinan, kemahiran untuk mengurus informasi dan lain-lain.

Kita juga mengadakan satu program di mana kita panggil MEA dan MEA ini adalah sangat penting kerana berkaitan dengan program *Malaysia English Assessment* di mana memang sudah kesan bahawa pelajar memerlukan bantuan untuk menguasai bahasa Inggeris dan ini adalah satu inisiatif yang baru dan sudah dilaksanakan pada September 2017. Kita juga ada *CEO @ Faculty Programme* di mana mereka datang dari CEO seperti Tan Sri Tony Fernandes datang untuk memberi kuliah dan mereka memberi *CEO @ Faculty member* juga memberi pendedahan kepada mereka khususnya dalam bidang kepimpinan dan pengurusan.

Pelajar dan pensyarah juga dapat peluang untuk mendengar dan berinteraksi dengan pemimpin yang sudah berjaya, jadi banyak sebenarnya. Kementerian Pendidikan Tinggi adalah satu kementerian yang paling inovatif dan memang tidak dapat dinafikan bahawa Kementerian Pendidikan Tinggi adalah *soaring upward*. Terima kasih.

***[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]***

### **USUL**

#### **MERENTIKAN KUATKUASA P.M. 47 DAN P.M. 66.**

11.32 pg.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Devamany A/L S. Krishnasamy]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 82(1), dan dengan izin Tuan Yang di-Pertua, Majlis Mesyuarat ini merentikan kuat kuasa Peraturan Mesyuarat 47 dan Peraturan Mesyuarat 66 bagi membolehkan rang undang-undang yang tertera di dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* pada hari ini di bahas dan diputuskan.”

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk di putuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

*[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]*

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG ANTIBERITA TIDAK BENAR 2018

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

11.33 pg.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar 2018 dibacakan kali yang kedua sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, *fake news is bad news*. Rang undang-undang hari ini, Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar 2018 yang akan dibentangkan oleh saya tidak sama sekali akan menyekat kebebasan bersuara, sebaliknya menyekat penularan berita tidak benar. Dalam dunia yang penuh pancaroba ini, kita digegarkan dengan pelbagai berita yang tidak benar, sejak kebelakangan ini Malaysia sentiasa berhadapan pelbagai cabaran dan kesan daripada penyebaran berita tidak benar yang bukan sahaja mengelirukan masyarakat malah boleh memberi ancaman terhadap keselamatan, ekonomi, kemakmuran dan kesejahteraan rakyat dan negara.

Platform media sosial seperti *Facebook, Twitter, Instagram* dan sebagainya sering menerima kritikan hebat dari pelbagai pihak akibat penularan berita dan maklumat yang tidak benar secara berleluasa yang pada masa ini masih belum ada jalan penyelesaian yang berkesan dan konkrit daripada pihak berkenaan. Yang Berhormat Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak, telah menyatakan sebelum ini bahawa KKMM mengenai SKMM terus memperkasakan tindakan penguatkuasaan. Berdasar analisa yang dijalankan oleh pihak SKMM majoriti masyarakat Malaysia memperoleh berita tidak ditentu sah atau palsu daripada sumber *WhatsApp* sebanyak 84 peratus, diikuti dengan *Facebook, Blog* dan lain-lain.

Bagi kes berkenaan dengan penyebaran berita palsu di pelbagai platform media sosial telah disiasat, selain tindakan siasatan dan pendakwaan sejak 2017 sehingga Februari 2018 SKMM juga telah mengambil tindakan daripada 4,358 akaun palsu. Sebanyak 80 peratus daripada jumlah tersebut telah dipadamkan oleh penyedia platform media sosial seperti *Facebook* dan *Twitter* kerana melanggar terma dan syarat yang ditetapkan pembekal perkhidmatan masing-masing.



Dalam tempoh yang sama SKMM juga telah mengambil tindakan sekatan terhadap 40 laman sesawang portal dan *blog* yang menyebarkan kandungan maklumat dan berita yang berunsur palsu. Pihak SKMM juga telah melancarkan portal SEBENARNYA.MY bagi membolehkan orang awam menyemak berita talian yang diragui kesahihannya. Dimaklumkan portal tersebut mendapat tindak balas positif daripada masyarakat umum berdasarkan jumlah layaran sehingga hari ini mencapai lebih 25 juta layaran dengan purata hampir dua juta layaran setiap bulan sejak pelancarannya 14 Mac 2017.

Ledakan teknologi umpama cendawan tumbuh selepas hujan memungkinkan lagi penyebaran berita tidak benar. Platform media sosial yang seharusnya menjadi wadah komunikasi yang efektif kini berubah selera sebagai wahana perkongsian berita tidak benar. Sebenarnya bukan salah media sosial tetapi salah segelintir pengguna yang memesongkan fungsinya. Oleh itu, isu ini perlu diatasi dengan segera agar ia tidak mencemarkan dan meruntuhkan institusi negara yang telah kita bina selama ini. Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini terdapat peruntukan dalam undang-undang sedia ada yang menyentuh mengenai perbuatan, penerbitan dan penyebaran berita atau maklumat seperti berikut:

- (i) seksyen 499 hingga 502 Kanun Keseksaan;
- (ii) seksyen 124H hingga dan 124I, Kanun Keseksaan serta seksyen 298A Kanun Keseksaan;
- (iii) seksyen 8A, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984;
- (iv) seksyen 211 dan seksyen 233, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998;
- (v) perenggan 4(1)(c), Akta Hasutan 1948; dan
- (vi) seksyen 4 hingga 7, Akta Fitnah 1957.

Walaupun terdapat beberapa undang-undang yang berkaitan, namun sehingga hari ini masalah ini tidak dapat dikawal secara efektif dan pantas berikutan perkembangan semasa teknologi maklumat yang semakin pantas dan kompleks. Apatah lagi undang-undang yang sering disebut dalam perkara ini seperti Kanun Keseksaan, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan dan Akta Komunikasi dan Multimedia telah digubal pada sebelum tahun 1990-an yang tidak dapat menangani sifat kesalahan yang kompleks seiring dengan pengedaran teknologi terkini Tuan Yang di-Pertua.

Beberapa negara luar telah menyedari bahawa isu penyebaran cerita palsu tidak benar merupakan ancaman global yang besar kepada dunia yang perlu ditangani secara efektif dan segera. Di Singapura satu Jawatankuasa Pemilih, *Select Committee on Deliberate Online Falsehoods: Causes, Consequences and Countermeasures*, dengan izin, ditubuhkan untuk

mengkaji masalah berita tidak benar, jenis-jenis pelaku dan motif mereka dalam menyebarkan berita tidak benar dan kesan penyebarannya. Ini termasuklah kemungkinan untuk mengadakan satu undang-undang baru bagi menangani penyebaran berita tidak benar.

Di Perancis pula, usaha sedang diambil untuk mengkaji kerelevanan undang-undang sedia ada berhubung dengan penerbitan dan penyiaran berita tidak benar selaras dengan perkembangan teknologi maklumat. Selain itu, kerajaan Perancis juga telah mengumumkan bahawa satu undang-undang baru akan diadakan bagi maksud ini khususnya bagi mengadakan prosedur yang lebih efektif dan cepat untuk menghalang penyebaran berita tidak benar.

*Republic Czech* pula, mempunyai satu unit khusus yang dikenali sebagai *Anti-Fake News Unit* yang menangani isu penyebaran berita tidak benar melalui unit ini, pakar yang ditugaskan di unit ini akan meneliti maklumat yang tidak benar yang disebarkan dan akan mengambil langkah untuk membetulkan berita tidak benar tersebut melalui akaun *Twitter* khas yang diwujudkan. Selain itu satu laman sesawang kerajaan telah juga diwujudkan secara khas untuk menjelaskan fakta sebenar mengenai berita tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya Eropah pula pada masa yang sama telah mengambil beberapa inisiatif untuk mengekang penyebaran berita tidak benar. Antara langkah yang diambil ialah untuk menubuhkan *High Level Group (HLEG) on fake news and online disinformation* dengan izin, yang bertujuan untuk mengkaji dengan mendalam isu berhubung dengan penyebaran berita tidak benar dalam kalangan negara anggota Suruhanjaya Eropah dan mencadangkan dasar-dasar yang bersesuaian.

#### ■1140

Setakat ini di dalam negara Eropah, hanya negara *Germany* yang telah menguatkuasakan undang-undang yang berhubung dengan kandungan tidak sah, dengan izin, *unlawful content* termasuklah berita tidak benar iaitu *Network Enforcement Act*. Undang-undang ini terpakai bagi penyelia perkhidmatan telemedia yang menyediakan jaringan media sosial. Filipina pula telah menggubal satu rang undang-undang untuk menangani penyebaran berita tidak benar iaitu *Anti-Fake News Bill 2017* yang memperuntukkan kesalahan bagi mana-mana orang yang menawarkan, menerbitkan, mengedar atau menyebarkan berita tidak benar dengan niat jahat. Walau bagaimanapun, rang undang-undang ini masih dipertimbangkan di peringkat jawatankuasa.

Tuan Yang di-Pertua, lantaran itu kerajaan telah bersetuju untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa khas berkaitan dengan isu penyebaran berita tidak benar. Jawatankuasa Khas ini dipengerusikan oleh saya sendiri adalah untuk mengkaji keperluan menilai semula undang-

undang sedia ada berkaitan dengan isu penyebaran berita tidak benar bagi menentukan tindakan penguatkuasaan yang lebih berkesan sesuai dengan perubahan semasa teknologi maklumat. Beberapa mesyuarat jawatankuasa khas telah diadakan. Mesyuarat tersebut dihadiri oleh wakil-wakil agensi-agensi kerajaan yang berkaitan termasuk Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Jabatan Peguam Negara, Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri, Polis Diraja Malaysia, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan, Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia, wakil daripada Majlis Peguam Malaysia dan wakil NGO-NGO.

Kerajaan juga telah bersetuju agar keahlian jawatankuasa ini diperluaskan kepada ahli-ahli akademik daripada institusi pendidikan tinggi dan beberapa pertubuhan bukan kerajaan dan wakil-wakil rakyat bagi memastikan inisiatif kerajaan ini dapat semua pandangan yang sewajarnya. Sehubungan dengan itu, jemputan ke mesyuarat khas ini telah dikemukakan kepada antara lain beberapa mereka yang telah disebut untuk mendapat pandangan dan cadangan terhadap penyebaran berita tidak benar.

Sesi perbincangan antara saya dan wakil-wakil penyedia platform media sosial juga telah diadakan seperti *Facebook*, *Asia Internet Coalition*, *Google*, *Youtube* dan *Twitter* diadakan di Bangunan Parlimen ini dan dalam sesi perbincangan tersebut saya telah memaklumkan mereka tentang usaha kerajaan dan mereka telah memberikan pandangan dan input daripada mereka sebagai penyedia platform media sosial. Perbincangan tersebut mendapat reaksi positif Tuan Yang di-Pertua dan secara tidak langsung membuktikan Kerajaan Malaysia sentiasa bersikap inklusif dalam merangka sesuatu dasar atau undang-undang baharu.

Sesi taklimat pula kepada Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional, *BN Backbenchers*, dengan izin, Majlis Senator Malaysia di mana Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, Ahli-ahli Parlimen kerajaan dan juga Pembangkang dalam perbincangan tentang rang undang-undang ini. Rang undang-undang ini digubal selaras dengan punca kuasa sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perenggan (a), Fasal (2) Perkara 10, Perlembagaan Persekutuan, dengan izin "*Parliament may by law impose- (a) on the rights conferred by paragraph (a) of Clause (1), such restriction as it deems necessary or expedient in the interest of the security of the Federation or any part thereof, friendly relation with another countries, public order or morality and restrictions designed to protect the privileges of Parliament or of any Legislative Assembly or to provide against contempt of court, defamation, or incitement to any offence.*"

Selain itu, rang undang-undang ini juga adalah selaras dengan matlamat Dasar Kebangsaan bagi industri komunikasi dan multimedia yang diperuntukkan dalam subseksyen

3(2), Akta 588 khususnya perenggan 3(2)(b) menggalakkan perwujudan masyarakat madani yang dalamnya perkhidmatan berdasarkan maklumat akan menyediakan asas bagi peningkatan yang berterusan kepada mutu kerja dan hidup dan Perenggan 3(2)(j) menjamin keselamatan dan kebolehpercayaan dan keutuhan rangkaian. Rang undang-undang ini akan melengkapi *compliment*, dengan izin, peruntukan undang-undang sedia ada. Pada masa yang sama skop rang undang-undang ini luas dan eksklusif bagi menangani kesalahan-kesalahan berita tidak benar secara menyeluruh dan efektif.

Secara keseluruhannya rang undang-undang ini mengandungi empat bahagian iaitu Bahagian I, mengandungi peruntukan permulaan.

Bahagian II, mengandungi peruntukan kesalahan-kesalahan berhubungan dengan berita tidak benar”.

Bahagian III, mengandungi peruntukan mengenai perintah mahkamah untuk menghapuskan penerbitan yang mengandungi berita tidak benar.

Manakala Bahagian IV, mengandungi peruntukan pelbagai.

Perincian empat bahagian tersebut adalah sebagaimana yang terdapat dalam naskhah biru rang undang-undang yang telah diedarkan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator.

Tuan Yang di-Pertua, sedar atau tidak, berita tidak benar memberikan impak yang negatif kepada keselamatan dan kestabilan negara. Perpaduan intra dan inter kaum yang terbina di samping keutuhan wilayah yang dibentuk di Malaysia mampu terhakis disebabkan oleh berita tidak benar. Cerita direka, ditokok tambah atau diubahsuai dengan pelbagai tujuan mengikut pihak yang menyebarkannya tanpa menghiraukan kesan yang bakal timbul kepada nusa dan juga bangsa. Sedikit demi sedikit berita tidak benar akan meracuni minda pembaca dan mendorong mereka untuk mempercayai fakta yang tidak benar, yang mampu membinasakan kesejahteraan rakyat.

Secara kesimpulannya, rang undang-undang ini menunjukkan langkah serius kerajaan untuk menangani masalah penyebaran berita tidak benar selaras dengan perkembangan teknologi moden. Oleh itu usaha kerajaan dalam perkara ini amat penting untuk menangani penularan berita tidak benar agar orang ramai lebih bertanggungjawab dalam menghasilkan, menawarkan, menerbitkan, mencetak, mengedar atau menyebarkan berita tidak benar.

Pada masa yang sama, rang undang-undang ini juga akan memberikan mesej yang jelas bahawa kerajaan tidak akan berkompromi dengan penyebaran berita tidak benar yang boleh memudaratkan ketenteraman awam atau keselamatan negara. Malah akan terus memastikan keselamatan negara terus terpelihara.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said dan sekarang ada siapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan]:** Saya mohon menyokong, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta yang memperkatakan tentang berita tidak benar dan perkara dengan yang berkaitan dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Saya mulakan perbahasannya dengan menjemput Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin bin S.M. Omar. Dipersilakan.

**11.47 pg.**

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memang setuju pada zaman ini, banyak maklumat-maklumat yang didapati dalam *Facebook*, *Twitter* memang boleh dipersoalkan kesahihannya, boleh dipersoalkan dan kadangkala banyak daripada apa yang disampaikan memang palsu khususnya kalau kita tengok apa yang dibincangkan tentang agama Islam dengan Rasulullah, khususnya dalam *Facebook* menyedihkan dan membuatkan kepalsuan.

Akan tetapi di sini saya hendak memulakan dengan suatu pertanyaan, apa sebenarnya yang dimaksudkan dengan *fake news*? Hal ini kerana *fake news* ini merangkumi bukan saja berita, tetapi merangkumi juga informasi, data dan laporan-laporan seluas-luasnya dalam apa rupa bentuk atau idea-idea yang palsu ataupun separuh palsu. Maka banyak masalah dalam pelaksanaan akan didapati. Sebenarnya kalau isu *fake news* atau berita palsu itu menjadi satu perkara yang amat penting, kita mendapati berita palsu sudah pun disentuh dalam seksyen 8, *Printing Presses and Publication Act 1984*. Takrifan komunikasi palsu- *false communication* yang merupakan satu jenayah sudah ada di bawah seksyen 233(1)(a), *Communication and Multimedia Act 1998*.

Maka, buat apalah pula kita memerlukan suatu RUU baharu untuk *fake news*. Selalunya sesuatu RUU yang dibentangkan mestilah ambil kira kepentingan umum. Akan tetapi malangnya ikut pandangan saya, RUU ini lebih berat sebelah dan tidak ambil kira kepentingan umum.

## ■1150

Oleh sebab itulah rang undang-undang ini boleh digunakan untuk menghalang kebebasan hak bersuara dalam konteks penyampaian suatu pandangan ataupun pendapat. Oleh sebab itu sesuatu pandangan atau pendapat tentang isu ekonomi, sejarah ataupun isu agama akan menimbulkan masalah jika dicap palsu.

Di samping itu rang undang-undang ini mempunyai sifat *extraterritoriality* jika dibandingkan dengan undang-undang lain di Malaysia. Rang undang-undang ini boleh diaplikasikan sebaik sahaja satu berita palsu ada kena mengena dengan negara Malaysia ataupun berita palsu ini mempunyai kesan kepada seorang warga Malaysia. Ini bermakna, dengan izin, *neither the complainant nor the person complaint of needs to be physically present in Malaysia for the offence to have been committed.*

Akan tetapi daripada praktiknya, macam manakah rang undang-undang ini dilaksanakan kalau ada isu *extraterritoriality*? Adakah orang yang dituduh akan dibicarakan secara *in absentia*. Penjelasan tentang ini amat diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, individu ataupun entiti yang menjadi mangsa berita palsu boleh memohon mahkamah melalui *ex parte order* untuk dikeluarkan ataupun *remove* berita palsu tanpa beritahu kepada orang yang dituduh menyebarkan berita palsu itu. Tiada peluang bagi kedua-dua pihak datang ke mahkamah untuk membicarakan dan menentukan adakah berita yang disebarkan itu palsu atau tidak. Apa lagi jika kerajaan yang terlibat. Jika kerajaan membuat keputusan bahawa sesuatu berita adalah palsu dan berjaya memperoleh perintah mahkamah atas alasan berita palsu itu dan berita palsu ini menjejaskan keselamatan negara, dan katalah jika mahkamah setuju...

**Tuan Ramli bin Shariff:** Mohon mencelah Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan Ramli bin Shariff:** Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat rakan saya Dr. Ariffin, bagaimanakah pula kedudukan dari segi *origin* berita-berita itu? Adakah ia juga melibatkan kepada berita-berita yang dikatakan *extraterritorial* ataupun di luar daripada wilayah ataupun Malaysia ini. *The origin* berita yang dikeluarkan itu. Terima kasih. Harap Yang Berhormat dapat memberikan penjelasan. Terima kasih.

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Sebenarnya ini hanya dapat ditentukan kalau kita ada maklumat tentang *the origin of the* berita. Saya rasa soalan ini harus dijawab oleh menteri berkenaan kerana Yang Berhormat Menteri yang membentangkan rang undang-undang ini.

Akan tetapi saya hendak tanya dalam kes kerajaan terlibat dan membuat satu *charge* bahawa berita yang disampaikan merupakan berita palsu dan mahkamah setuju *it is false news*, maka perintah itu tidak boleh dicabar. Ini mencabuli hak pembelaan orang yang dituduh. Akan tetapi satu perkara yang kita harus ambil kira di sini penting tentang soal berita palsu. Macam mana kalau pemerintah sendiri membuat berita palsu? Katalah kalau ada seorang pemimpin yang kata, “*Oh, the Malay regimen is going to be disbanded...*”

**Tuan Ramli bin Shariff:** Tuan Yang di-Pertua, mohon mencelah. Di mana...

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** *Can I continue? But* biar saya. Katalah kalau ada seorang pemimpin yang kata, “*Oh, askar Melayu Diraja akan dibubarkan*”. *What do we do?* Macam mana kita hendak gunakan? Adakah saluran yang dapat digunakan untuk mengatasi berita palsu ini khususnya kalau berita palsu ini datang daripada pemimpin kerajaan sendiri. Baik.

Jika kita rujuk kepada *examples* yang dikemukakan, kebanyakan daripada *examples* ini dalam bahagian yang kedua di sini. Sebenarnya ini semua berkait dengan *civil* ataupun *criminal defamation*, dengan izin. Negara ini banyak undang-undang yang cukup untuk kesalahan-kesalahan ini maka tidak perlulah rang undang-undang ini. Isu *fake news* yang sekarang menjadi tumpuan beberapa negara di dunia ini sebenarnya berkait dengan kemunculan *fake social media accounts*. Ini kita tidak boleh menafikan. Ia digunakan untuk menabur berita serta menyampaikan mesej-mesej yang telah dimanipulasikan dengan tujuan tertentu. Begitu juga saluran wang kepada kelompok-kelompok tertentu untuk mempengaruhi keputusan pilihan raya. Adakah kita sedang mengalami masalah macam ini?

Selalunya rang undang-undang macam ini sebelum dibentangkan akan dibincangkan dengan sebuah *stakeholder*. Kita difahamkan baru tadi Yang Berhormat Menteri telah cakap, ya, telah dibincangkan. Akan tetapi bagi saya, masa untuk perbincangan ini terlalu pendek dan tidak memberi peluang untuk bahas dan bincangkan seluas-luasnya kesan dan implikasi rang undang-undang ini.

Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa rang undang-undang ini akan mencabuli hak-hak yang terjamin dalam Perlembagaan negara ini. Oleh sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini mempunyai banyak kelemahan yang menyebabkan rang undang-undang ini amat sukar diterima ataupun dilaksanakan. Bagi saya, saya hendak mencadangkan bahawa haruslah rang undang-undang ini tidak payah dibentangkan tetapi ditarik balik, dibincangkan sepenuhnya sebelum dibentangkan semula lagi di dalam Parlimen. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin bin S.M. Omar, terima kasih. Saya jemput pula Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah. Silakan.

**11.57 pg.**

**Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Minggu lepas semasa perbahasan Titah Diraja saya pernah cakap satu penggal yang bersejarah. Masa itu saya cakap penggal ini penggal bersejarah atas dua sebab.

Satu, kerana kita telah pada kali yang pertama Parlimen bermesyuarat sebanyak enam penggal, itu *the first record*.

Kedua, Titah Diraja kali ini adalah yang paling singkat. Akan tetapi pada hari ini bila / tengok mesyuarat kali ini bukan sahaja bersejarah tetapi juga luar biasa. Luar biasa pun kerana atas dua sebab. Satu, setahu saya *at least* sekurang-kurangnya dalam lima tahun ini *for the first time* bukan *urgent sine die* tetapi *for the first time* semalam Dewan perlu ditangguhkan kerana tidak ada urusan yang lain. Bukan *on constitutional* tetapi luar biasa. Itu satu.

Lagi satu kenapa saya cakap luar biasa ialah hari ini kita perlu membahaskan satu rang undang-undang yang mempunyai implikasi yang begitu luas, implikasi yang begitu drastik dengan hanya beberapa jam. Rang undang-undang ini hanya diletak di atas meja kita pada pagi ini dan sekarang kita perlu membahaskannya. Jangan cerita fasal nak faham rang undang-undang ini, tidak sempat baca pun *and then* kita kena bahas. Saya macam pagi tadi kenapa saya berdiri atas *Standing Order 47* dan kenapa- saya terima *Standing Order 82(1)* di mana Tuan Yang di-Pertua mempunyai kuasa untuk menghentikan *application of the Standing Order*. Akan tetapi pada saya walaupun ada *Standing Orders* tertentu sekurang-kurangnya kita perlu memberi masa yang lebih banyak untuk mengkaji implikasi akta ini.

■1200

Saya pernah tengok sebelum ini pun dalam pengalaman saya sebagai Setiausaha Politik dan sebagainya, ada banyak masa kerajaan sebelum ini pun *bulldoze* beberapa rang undang-undang. Akan tetapi sekurang-kurangnya ada perbahasan yang komprehensif dan pandangan saya, pada saya, apa yang berlaku sekarang adalah satu *embarassment*. Jadi kita *the Malaysian Parliament* secara am, *we are becoming a laughing stock because of* isu-isu yang macam ini. Di luar sana kalau kita pergi, banyak rakyat telah hilang kepercayaan terhadap Parlimen. Bukan terhadap Institusi Parlimen tetapi terhadap cara Parlimen diuruskan sekarang dan saya tahu banyak staf-staf Parlimen pun sekarang bekerja di bawah banyak sangat *constraint*.



Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya cakap tadi, rang undang-undang ini bila diluluskan nanti akan secara drastik mengubah landskap Malaysia bukan saja landskap *political* tetapi dalam semua aspek kehidupan kita. Fasal ia juga akan fokus *friendly communication, social media communication, Facebook posting dan sebagainya termasuk social news*. Sebelum saya menyentuh satu dua perkara yang terkandung dalam rang undang-undang ini, saya ada satu soalan yang amat penting yang saya rasa kerajaan perlu jawab dulu.

Soalan saya ialah kenapa kerajaan tergesa-gesa hendak meluluskan rang undang-undang ini dalam persidangan ini. Saya tidak soal objektif atau keperluan rang undang-undang ini. Soalan saya kenapa perlu diluluskan di persidangan ini tanpa satu kajian mendalam, tanpa satu perbahasan komprehensif dan kita telah tengok banyak, walaupun hanya dua pindaan di buat di Dewan Rakyat, ini menunjukkan bahawa dari segi *state of preparedness*, kerajaan masih belum bersedia untuk melaksanakan atau *enforce* rang undang-undang ini.

Saya akan bagi sebab-sebab atau saya ada soalan tertentu yang akan *elaborate point* saya. Apa tujuan sebenar rang undang-undang ini? Ini soalan bukan tuduhan. Kalau tuduhan, ia akan jadi berita palsu. Ini cuma soalan. Adakah rang undang-undang ini bertujuan untuk membantu parti pemerintah menang pilihan raya yang ke-14. Kalau itu bukan objektifnya, saya harap Yang Berhormat Menteri semasa jawab nanti boleh bagi satu *convincing reason* kenapa perlu pada masa sekarang, bukan satu, dalam bahasa Inggeris kita cakap *fast track logic*.

Macam yang saya cakap tadi pada saya kalau kita tengok cara dibentangkan, cara tergesa-gesa ini macam saya cakap tadi *it is making Parliament a mockery*. Seolah-olah kerajaan menganggap Dewan Negara sebagai satu *rubber stamp* Parlimen. Ramai di luar sana dia cakap kita *rubber stamp*-sana, tapi nampak macam kerajaan sendiri pun anggap kita sebagai *rubber stamp*. Mungkin pada anggapan kerajaan, apa saja dibentangkan kita akan lulus tanpa soalan *and without slightest hesitation*. I tidak tahu mungkin itu pendapat kerajaan. Mungkin kerajaan ini ingat kalau dia cakap timun itu berwarna biru, kita pun akan setuju cakap timun itu berwarna biru.

Now pada saya dalam isu ini kalau kita ikut rentak kerajaan, maka kita hanya mengesahkan bahawa Dewan Negara ini adalah *rubber stamp* Parlimen. Ini tidak mempersoalkan hak-hak ahli untuk membuat keputusan masing-masing. Ini cuma pendapat saya. Saya nak balik kepada rang undang-undang ini, skop ia luas. Kalau kita tengok dari segi skop ia, luas dari segi *coverage* dari skop tapi bukan luas dari segi bilangan, fasal dan jadual dan sebagainya. Kalau kita tengok hanya 14 fasal dengan dua jadual saja.

Tuan Yang di-Pertua, saya bila mula-mula saya baca rang undang-undang ini beberapa fikiran melintas dalam kepala saya, yang kesemuanya betul-betul menakutkan. Pertama ialah apakah implikasi rang undang-undang ini kepada masyarakat? Maksud saya masyarakat awam, masyarakat sivil dalam bahasa Inggeris, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. *What kind of society are we trying to create* dengan rang undang-undang ini? Kalau kita tengok alasan atau sebab-sebab yang diberikan oleh kerajaan, tujuan rang undang-undang ini adalah untuk menjaga kepentingan awam, untuk melindungi rakyat dari menjadi mangsa penyebaran berita palsu, macam yang di cakap oleh Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin tadi, memang banyak berita palsu sedang tular di media sosial dan sebagainya. Tapi ini alasan atau sebab-sebab yang diberikan oleh kerajaan. Soalan dalam kepala saya, adakah ini benar-benar tujuan rang-rang ini atau sebaliknya, adakah tujuan rang undang-undang ini untuk membentuk minda rakyat atau *shaped our mind* dengan menguasai berita?

Dalam hal ini, bila saya baca ini, *first thing* yang datang *kepada my mind* adalah novel 1984 yang ditulis oleh George Orwell pada tahun 40-an. Saya masih ingat walaupun saya baca novel ini beberapa tahun sebelum ini. Novel 1984 adalah satu *political satire* dan dengan rang undang-undang ini *satire* pun akan diharamkan dan kalau kita balik novel 1984...

**Tuan Ramli bin Shariff:** Mohon mencelah Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya sila.

**Tuan Ramli bin Shariff:** Terima kasih kepada rakan saya Yang Berhormat Chandra. Saya ingin bertanya satu soalan kepada Yang Berhormat. Apa pandangan Yang Berhormat tentang apa dikatakan tadi, Yang Berhormat menyatakan bahawa berselisih, sama ada ini merupakan satu muslihat kerajaan ataupun ini merupakan satu kepentingan awam. Apa pandangan Yang Berhormat apabila kerajaan itu mengambil langkah-langkah untuk melindungi kepentingan awam selain kepentingan kerajaan itu sendiri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah:** Saya akan menjawab secara ringkas dulu. Kemudian kalau ada masa, saya akan dengan lebih mendalam. Saya akan menyokong segala tindakan yang diambil oleh kerajaan untuk menjaga kepentingan rakyat, untuk supaya rakyat tidak jadi mangsa berita-berita palsu. Itu saya akan sokong.

Soalan saya macam saya cakap tadi, saya tidak soal objektif akta ini. Apa yang saya soal kenapa tergesa-gesa hendak meluluskan dalam persidangan ini dan saya akan balik kenapa saya cakap, ini dari satu aspek. Dari satu aspek yang lain, saya juga akan menerangkan kenapa pada pendapat saya, saya rasa tidak perlu untuk akta ini. Saya akan jelaskan kemudian.

Saya balik kepada apa yang saya cakap tadi George Orwell punya novel. Kalau kita masih ingat novel itu, sesiapa yang baca novel itu. Kita tahu George Orwell dalam novel dia menceritakan berkenaan dengan satu negara di Oceania di mana negara itu, pemimpin, dipimpin oleh satu rejim totalitarian yang berkuku besi itu. Saya akan *draw parallel* antara novel itu dengan rang undang-undang ini. Kalau kita tengok dalam novel itu, dia, George Orwell menceritakan pelbagai konsep seperti *omnipresent surveillance*, sebagai *historical revisionism* dan sebagainya. Banyak lagi konsep, *double speak*, *double talk*, *talk crime* dan sebagainya. Di mana dalam negara tersebut juga terdapat satu *ministry* atau kementerian yang dipanggil *Ministry of Truth*.

### ■1230

Peranan *Ministry of Truth* ialah untuk menghasilkan berita untuk menyebelahi parti pemerintah dan hanya berita itu akan dianggap sebagai berita benar. Biar saya *draw parallels* itu, itu. Dalam apa yang George Orwell's maksudkan atau mengisahkan dalam buku itu ialah cara-cara konsep *big brother* di mana sesuatu pihak itu akan membentuk minda rakyat dengan mengawasi berita. Ini yang keluar dalam kepala saya. Ini kerana akibat dari taktik-taktik macam ini, *big brother*, *surveillance*, *historical revisionism*, *thoughtcrime*, *doublespeak* dan sebagainya. Akibat dari ini, masyarakat akan menjadi satu masyarakat *dystopian*.

Walaupun kalau kita tengok masa itu *thoughtcrime* itu adalah satu *neologism*, satu *neologisme* yang baru. Akan tetapi konsep *thoughtcrime* ialah *thoughtcrime* ini satu *neologisme* yang menyifatkan bahawa sumber kepercayaan yang tidak mengikut kehendak parti pemerintah adalah satu kepercayaan atau satu pendirian atau satu pendapat yang salah. *Illegal* dari segi undang-undang. Apa yang akan berlaku? Akhirnya macam saya cakap, *it will lead society* untuk menjadi satu *dystopian society*.

Kalau kita tengok sebab-sebab yang diberikan oleh kerajaan selain dari kepentingan awam, *national security*, *public order* dan sebagainya. Kerajaan juga telah memberi jaminan bahawa sebenarnya salah satu sebab rang undang-undang ini bukan untuk mengekang *freedom of speech*, *there will be freedom of speech*. Itulah jaminan yang diberi oleh kerajaan. Ini pun *my mind went back to the Butcher of Uganda*. Dengan rang undang-undang ini, *maybe we will have freedom of speech* tetapi sudah tentunya *there will be no freedom after speech*. Ini yang akan jadi isu.

Kalau kita masih ingat Idi Amin, *the Butcher of Uganda*, who says, "*There shall be freedom of speech but I cannot guarantee that there shall be freedom after speech.*" Ini isu dia. Kalau kita tengok kenapa saya cakap macam ini. Saya akan *connect it* dengan hukuman-hukuman yang ditentukan oleh akta ini. Akan tetapi sebelum itu saya cuma hendak *make one comment*.

**Tuan Ramli bin Shariff:** Tuan Yang di-Pertua, boleh mencelah? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tanya pula, bagaimana pula kedudukan dengan fasal 10 di bawah Perlembagaan Persekutuan itu sendiri yang menjamin kebebasan bersuara. Minta ulasan daripada Yang Berhormat sendiri kerana sudah ada jaminan tentang soal kebebasan bersuara di bawah Perlembagaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Saya akui kalau kita tengok Perlembagaan Malaysia memang ada *freedom of speech*. *Concern* saya dan selepas ini saya akan menunjukkan kenapa saya risau sangat bahawa rang undang-undang ini mungkin akan bertentangan dengan peruntukan Perlembagaan. *I understand* dan saya akui *there will be freedom of speech* tetapi yang saya fokus ini *there is no freedom after speech*. Saya akan cakap kenapa saya cakap *no freedom after speech*. Ini kerana proses yang ditentukan oleh rang undang-undang ini. Saya tidak soal. Saya tidak soal keperluan untuk mengawal, untuk *control fake news* dan sebagainya cuma dari segi kelemahan yang terkandung dalam rang undang-undang ini.

Saya punya fokus bukan konsep tetapi dalam *freedom of speech*. Ini kerana pada saya, saya setuju dengan Yang Berhormat. *Freedom of speech is not words. Freedom of speech is a principal*. Saya pegang kepada *principal* itu. Itu sebab *last week* saya pernah cakap dengan Yang Berhormat. Satu *quotation* oleh *Voltaire* where I said, "*I may not agree with what you say but I will defend to the death your right to say it. I do not agree with so many things that some of you say but I* tidak pernah soal *your hak* atau *your right to say it*. Itu pendirian saya.

So pada saya, sebelum saya fokus kepada fasal-fasal dalam rang undang-undang ini, pada saya pendirian saya, rang undang-undang ini adalah *the final nail* ini *the coffin of democracy as we know it* di Malaysia. Dia akan *paves the way* untuk satu...

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Boleh saya mencelah sedikit Yang Berhormat? Terima kasih. Nampaknya Yang Berhormat bercakap seolah-olah negara kita yang paling teruk dari segi *freedom of speech*. Bolehkah Yang Berhormat balik nanti buat *research* dari segi *ranking*. Kita yang ke berapa yang sebenarnya kerana saya akan pastikan kita termasuk dalam salah satu negara yang cukup *open* dibandingkan dengan mana-mana negara di seluruh dunia. Terima kasih.

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Berbanding dengan *North Korea*, saya setuju. Akan tetapi yang saya cakap sekarang bukan sekarang. Bukan realiti sekarang. Betul, kalau kita tengok realiti sekarang, banding dengan beberapa negara, *even some of our neighboring countries*, kita *better* dari konsep itu. Yang menjadi isu saya ialah selepas rang undang-undang ini diluluskan.

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Boleh saya mencelah sedikit lagi. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Yang Berhormat ini *confuse*. Kalau kita ada undang-undang, katakan undang-undang yang serius untuk menangkap *criminal*, kita tidak boleh soal undang-undang itu bagus tetapi yang tidak bagus selepas undang-undang. *What is this?* Apabila kerajaan menurunkan undang-undang baru demi untuk kepentingan rakyat.

Contohnya, kalau saya hendak tanya Yang Berhormat. Banyak perkara ataupun tohmahan yang cukup tidak betul. Apa salah kalau kita hendak buktikan benda itu betul atau tidak betul kerana itu perlu untuk memastikan rakyat tidak bergaduh sesama sendiri, tiap-tiap kali bergaduh dalam Parlimen, di luar Parlimen di atas tuduhan-tuduhan yang palsu. Apa salah? Contohnya, *good example*, Tuan Yang di-Pertua. Semalam, saya buka *website*. Seorang ustaz bercakap benda yang tidak elok. Tuduhan terhadap seorang pemimpin NGO. Tuduhan-tuduhan. Saya *straight forward*, Siti Kasim. Seorang ustaz. So, Siti Kasim jawab balik.

Maksudnya walaupun ustaz itu mengaku salah dan meminta maaf tetapi betapa besarnya Siti Kasim dari segi malunya, bukan sahaja kepada beliau tetapi kepada anak yang dituduh itu. Begitu juga kita pernah terdengar bekas Timbalan Perdana Menteri, Yang Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin dituduh ada skandal. Jadi orang marah. Dia katakan tuduhan. Jadi bila kata tuduhan, ada orang mula menimbulkan suasana tidak harmonis antara satu dengan yang lain.

Begitu juga termasuk satu lagi contoh apabila Dyana Sofya dituduh. Seorang wanita Islam melakukan akhlak yang cukup buruk. Berpeluk-peluk dengan suami orang, berciumlah, minum araklah dan hisap rokok. Jadi orang tuduh. Ini semua fitnah. Jadi kalau itu fitnah, buktikan fitnah. Matlamat kerajaan untuk memastikan kita tidak mahu benarkan langsung. Bukan sebab *election*. Tidak! Kalau benda ini berlaku, *election* kita akan jadi bertambah teruk. Kita boleh bergaduh. Itu sebab saya rasa saya menyokong kuat tindakan kerajaan ini. Terima kasih.

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Yang tadi itu nampak bukan macam soalan ataupun penjelasan tetapi dalam kepala saya, *I am not in the least confuse* sebaliknya *I am hundred percent convince consequences of this act. Hundred percent convince*. Akan tetapi saya akui di luar sana ada banyak sangat berita palsu. Berbalik kepada ini. Kalau kita tengok rang undang-undang ini, saya sebenarnya tidak mahu bahas secara mendalam fasal-fasal yang terkandung kerana banyak itu telah dibahaskan di Dewan Rakyat dan sebagainya, walaupun sudah jadi *public debate* pun di beberapa tempat.

## ■1220

Soal Muhyiddin Yassin, Dayana Sofea semua saya tidak hendak jawab fasal hari itu semasa saya *raise* satu soalan berkenaan dengan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah, saya dinasihati supaya *don't need to talk about the details* fasal orang itu tidak ada sini, tidak ada dalam Dewan itu. So, saya akan pakai *the same principles*, satu. Kedua, saya rasa dia orang ini *they can defend themselves*-lah. *I am not their keeper. That's my belief*. Kalau dia rasa pendapat itu tidak betul atau itu menjadi satu tohmahan atau satu fitnah terpulang kepada mereka kalau dia hendak ambil tindakan di mahkamah sivil ataupun *criminal* dan sebagainya. *My focus* adalah dalam kepala saya *I am very convinced* implikasi akta itu *and I won't change my stand*. Ini berdasarkan kepada rekod kerajaan sebelum ini tetapi saya hendak sambungkan dengan perbincangan saya berkenaan dengan akta atau apa yang terkandung dalam 14 fasal itu.

Macam saya cakap tadi kebanyakan dia telah pun dibahas di Dewan Rakyat dan saya tidak ingin mengulangnya. Cuma untuk mengatakan bahawa saya setuju dengan beberapa pendapat yang diberi oleh Ahli Parlimen Pakatan Harapan. Akan tetapi pada hari ini di dalam Dewan Negara ini ada beberapa isu yang saya akan bangkitkan yang tidak timbul atau kalau ditimbulkan di Dewan Rakyat saya tidak tahu sama ada sudah ditimbulkan atau tidak.

Pertama adalah isu siapa akan menentukan sama ada berita itu berita palsu atau tidak? Saya tahu kalau kita tengok dari segi fasal 4, kalau kita tengok dari fasal 4, *end of the day* keputusan akan dibuat oleh Mahkamah Sesyen, *end of the day*. Dia punya mahkamah akan buat keputusan. Isu saya ialah dari segi proses. *That means* siapa yang akan menentukan sama ada satu berita itu mengandungi unsur-unsur kepalsuan dan perlu dirujuk kepada AG dan lepas itu AG akan bawa ke Mahkamah Sesyen. Itu siapa ada kuasa? *Would it be Ministry of Communication?* Adakah dia akan di-*judge* oleh pihak polis? Ini tidak disebut dalam rang undang-undang ini. Fasal kalau kita tengok rang undang-undang ini tidak ada *provision* untuk *regulation* pun. So itu saya hendak tahu. *That means* dari segi mungkin saya pakai perkataan yang tidak berapa tepat dari isu *prima facie* itu. Siapa akan menentukan? Itu satu untuk merujuk kes itu kepada AG punya *Chamber*. Prosedur lepas dirujuk kepada *AG Chamber is a non-issue*, itu satu.

Soalan yang kedua adalah pendapat. Pendapat yang dikeluarkan oleh seorang bekas hakim. Ini pendapat dia sama ada betul, tidak betul saya hendak kementerian menjelaskan. Pendapat bekas hakim ialah peruntukan rang undang-undang ini melanggar Perlembagaan Persekutuan dari dua aspek. Satu, dia cakap daripada Perkara 8(1) dari aspek- walaupun Perkara 8 merujuk kepada *equality before the law* dan sebagainya yang pendirian dia ialah dia

melanggar kehendak *rule of law*. Kehendak *rule of law* seperti yang dikehendaki oleh Perkara 8(1), itu satu pendapat dia.

Kedua fasal kenapa dia cakap dia mungkin dia akan melanggar dengan 8(1) ialah dari aspek kalau kita tengok tafsiran di bawah seksyen 2 itu begitu luas. Walaupun / pernah baca satu *report* di mana Yang Berhormat Menteri telah menerangkan di Dewan, / rasa pada *committee stage*, di mana dia cakap takrifan berita palsu itu diambil daripada *Oxford Dictionary*. Isu saya bukan dari mana dia ambil itu tetapi saya masih berpendapat bahawa tafsiran itu masih samar-samar, *too vague*. So, bila dia *vague* itu dia akan konflik dengan *equality before the law* fasal dia akan menjejaskan seorang hak, hak orang untuk *mendefend* dia. Itu satu, Perlembagaan Persekutuan.

Kedua ialah Perkara 10(2). *Argument* bekas hakim itu ialah peruntukan-peruntukan dalam rang undang-undang itu kemungkinan tidak akan seimbang dengan Artikel 10(2). Ini terpulang kepada pendekatan yang digunakan oleh *Federal Court*, terpulang kepada pendekatan. Semenyih Jaya punya kes dan sebagainya, keputusan *Federal Court* dalam Semenyih Jaya ini. So saya hendak tahu soalan saya ialah saya hendak tahu pendirian kerajaan terhadap pendapat bekas hakim ini. Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua saya juga ada beberapa soalan sahaja. Saya harap Yang Berhormat Menteri boleh menjelaskan.

Soalan ketiga ialah kalau kita tengok sekarang lepas *committee stage* telah tukar perkataan, "*knowingly*" kepada "*malice*", atau "niat jahat", soalan saya ialah, siapa? Ini berkaitan dengan fasal 4 sub seksyen 1. Siapa yang akan menentukan atau kriteria lebih dari siapa yang akan menentukan ialah kriteria yang akan digunakan untuk menentukan *malice*? Secara am, biasanya cara yang kita menentukan sama ada *the malice* atau tidak ialah dari aspek *consequences of the action*.

*That means* dia buat sesuatu dan akibat darinya saya mengalami *some damage to my reputation* atau saya *suffer some injury* dan dia buat itu dengan satu niat yang jahat maka kita *establish malice*. So dari sini apa kriteria kita akan menggunakan untuk *measure malice*? Adakah orang yang *injured* itu perlu pergi ke mahkamah ambil atau perlu dapat satu keputusan di mana *reputation* dia telah di-*suffer* atau *was soiled by action* saya itu maka terdapat *malice*? Itu soalan yang ketiga.

Soalan yang keempat adalah seperti juga yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin bin S.M. Omar berkenaan dengan fasal 3. Fasal 3 adalah berkaitan dengan pemakaian luar wilayah. Pada saya secara mata kasar saya nampak macam tujuan fasal ini ialah *target foreign press*. Kalau *foreign press write* apa-apa artikel pun mungkin dari segi dua aspek. Satu

mungkin kita tidak boleh bawa dia pergi ke mahkamah tetapi melalui akta ini, melalui fasal 7 kerajaan boleh mendapat satu perintah untuk menyingkirkan atau mengeluarkan artikel itu.

Akan tetapi balik kepada fasal 3 ini saya hendak tahu contohnya kalau kita hendak ambil tindakan mahkamah atau hendak saman dia atau hendak bawa dia melalui seksyen 4(1) ataupun fasal 5, apa akan berlaku di mana orang itu tidak hendak datang ke Malaysia? Satu. Apa akan berlaku kepada negara-negara yang mana kita tidak ada *extradition treaty*? Dengan negara-negara yang ada *extradition treaty* pun sama ada kesalahan ini akan masuk bawah skop *extradition*, itu pun saya tidak tahu. So pada saya atau mungkin kerajaan akan menghukumkan dia atau membicarakan dia, akan menghukumkan dia *in absentia*. Akan tetapi kalau ini semua tidak berlaku *we will have a piece of legislation* yang kita tidak boleh *enforce*. Pada saya, kalau *you* ada *legislation* yang begitu cantik-cantik *if you* tidak boleh *enforce legislation* itu, dia akan jadi *a piece of paper*.

#### ■1230

Dua soalan akhir sekali yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri semasa membentangkan rang undang-undang ini pagi tadi. Di mana, Yang Berhormat Menteri menyebut tentang kewujudan atau *the existence of* banyak *law*. Apa yang saya panggil *the plethora of laws*. Kita ada banyak sangat undang-undang *in fact of full plethora*. Dia sebut banyak akta. Dia tidak sebut Akta Hasutan tetapi kita pun boleh pakai Akta Hasutan, *Printing Press and Publication Act, Communication and Multimedia Act*.

Salah satu sebab yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri ialah ketidakmampuan akta-akta ini untuk *handle* kesalahan-kesalahan macam ini. Fasal isu yang dia cakap itu, akta-akta ini digubal sebelum *this internet age*, dan sebagainya. Isu saya ialah kalau terdapat kelemahan dalam akta-akta atau dalam mana-mana undang-undang yang sedia ada, kenapa kita tidak pinda sahaja undang-undang itu? Kenapa kita perlu satu akta baru? *The easiest way is to amend existing laws*. Kalau tidak ada, macam I cakap ini, Malaysia akan jadi satu negara di mana *we will have surfeit*, ataupun *plethora of a laws*.

Satu lagi soalan berkenaan dengan fasal 7. Fasal 7 ini ialah berkenaan dengan pemerintahan. Di mana pihak yang berkenaan, mana-mana, bukan kerajaan sahaja. Kalau saya terlibat pun, kalau orang memfitnah saya pun, saya pun boleh pergi ke mahkamah dan mohon satu *order* yang akan dikeluarkan dalam bentuk Jadual 2. Ini saya *clear* daripada segi proses. Akan tetapi soalan saya satu, kalau sebahagian sahaja, fasal 7 *is applicable*. Fasal dia boleh mengarahkan. Mahkamah boleh mengarahkan bahagian itu dihapuskan. Kalau kita tengok tajuk fasal 2 ialah penghapusan penerbitan yang mengandungi berita tidak benar. So dia boleh



menghapus. Akan tetapi isu saya, kalau *the whole article is* berita palsu. *Then*, adakah melalui akta ini ya, bukan akta lain. *Printing Press and Publication Act* saya *clear*. Dia ada peruntukan untuk *band the publication* kalau kita tengok G25 punya...

**Tuan Ramli bin Shariff:** Mohon mencelah, Tuan Yang di-Pertua.

Saya hendak bertanya pada pandangan Yang Berhormat. Bagaimana pula yang ini dalam taklimat ataupun penerangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri pun menyatakan bahawa ini suatu RUU ini adalah *complement*, dengan izin, kepada undang-undang yang sedia ada. RUU ini bukan suatu benda yang baru. Ia adalah suatu benda yang sokongan atau sampingan kepada undang-undang Akta Hasutan, di bawah cetak, kanun jenayah. Macam mana? Ini *complement*, bukan suatu perkara yang asas. Terima kasih, Tuan yang di-Pertua.

**Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah:** Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Saudara, taklimat yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri hanya diberi untuk Majlis Senator Malaysia. Saya bukan ahli Majlis Senator Malaysia. Walaupun saya Senator Malaysia, tetapi keahlian Majlis Senator Malaysia dihadkan hanya untuk wakil Barisan Nasional. *Which to me I can challenge that* tetapi *I'm not interested* untuk *challenge that*. So dari segi taklimat, saya tidak dapat taklimat tetapi kalau saya dapat taklimat pun, masa itu saya akan tanya kepada Yang Berhormat Menteri. Apa yang saya akan suarakan di sini. *We don't need a new law to complement law* itu. Apa yang saya cadangkan pindahkan sahaja undang-undang yang sedia ada. *Sedition Act, Printing Presses Act, Multimedia Communication Act*, pindah sahaja. *Incorporate* apa-apa yang *you* hendak buat sekarang dalam akta itu. Tidak perlu satu akta baru.

Berbalik kepada fasal 7. Fasal 7 kalau kita tengok kefahaman saya. Tidak ada kuasa untuk *band* seperti *Printing Presses and Publication Act*, *I* masih *remember article G25* itu. *The book oleh G25. Breaking The Silence*. Itu *diband*. Itu *diband* oleh *Printing Preses and Publication Act*. Soal saya fasal 7. Dia berkuasa hanya untuk menghapuskan artikel atau sebahagian artikel? Itu isu-isu saya.

Soalan saya terakhir kepada Yang Berhormat Menteri ialah cadangan yang dibuat oleh pihak SUHAKAM. SUHAKAM dalam cadangan dia untuk kenapa dia tidak sokong rang undang-undang ini telah memberi 10 sebab-sebab dan banyak sebab. Saya tidak akan sebut semuanya. Akan tetapi SUHAKAM punya *argument* pun banyak dia fokus kepada kriteria untuk menentukan niat jahat. Akan tetapi saya lebih hendak fokus kepada cadangan SUHAKAM supaya kita menubuhkan atau kerajaan menubuhkan satu *Parliamentary Committee*. Saya faham dari segi prosedur rang undang-undang telah diluluskan di Dewan Rakyat dan sebagainya. tetapi saya masih rasa *it is still not too late* kepada *form Select Committee*.

Macam saya cakap tadi, Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan isu-isu telah dibahaskan di Dewan Rakyat. Saya sendiri macam saya cakap seolah-olah macam kita *rubber stamp Senate* ini. Saya tahu, *no matter what I say*, atau *no matter what all of you say*, dengan izin, rang undang-undang ini akan diluluskan. Fasal kalau kita tengok Malaysia sebahagian besar Ahli Parlimen sama ada di Dewan Rakyat atau di Dewan Negara kebanyakan kita, sebahagian besar mengundi mengikut *party likes* dan bukan mengundi ikut *options*. Pada saya dalam rang undang-undang penting macam ini sepatutnya parti tidak boleh pakai *wits*. Dia kena menggalakkan ahli-ahli mengundi mengikut *conscience*.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, *no matter what happens*, *no matter* sama ada rang undang-undang ini diluluskan, *no matter* selepas itu rang undang-undang disalahkan, atau disalah gunakan. Fasal kita pernah tengok ISA dan banyak undang-undang yang digubal untuk kepentingan rakyat, yang digubal untuk ketenteraman awam disalah gunakan untuk kehendak politik pihak-pihak tertentu.

Macam saya cakap tadi *no matter what happens* pada pagi ini *I can stand proud that I did my part to preserve Malaysia* sebagai satu *democratic institution*. Sekurang-kurangnya *my generation* lepas ini tidak akan padang ke saya *with disdain and disgust*. Terima kasih.

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Mohon mencelah sedikit, Yang Berhormat. Saya hendak tanya sedikit. Yang Berhormat...

**Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah:** Kalau boleh fasal *I* dah tamat. Kalau boleh, *I* benarkan. No isu dengan Tuan Yang di-Pertua.

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Terima kasih. Satu pandangan yang baik. Yang Berhormat, saya hendak tanya. Yang Berhormat bercakap itu selaku seorang ahli politik pembangkang ke ataupun politik pemerintah? Kerana kita tidak boleh tuduh orang lain tidak bersetuju dengan Yang Berhormat tidak mempunyai pemikiran yang logik. Kalau Yang Berhormat cakap tuduh saya pun boleh kata *100 percent don't agree with you*. Terima kasih.

**Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah:** Kalau dua, tiga aspek dalam soalan itu satu *loaded question*. Akan tetapi saya suka *loaded questions*. Pertama sekali, kalau kita tengok dalam lima tahun saya ada dalam Dewan ini, *I* tidak pernah sebut mana-mana parti politik. *I* tidak pernah mengambil pendirian partisan politik. *I* tidak pernah. Satu.

Soalan yang kedua sama ada saya berdiri di sini sebagai parti pembangkang atau apa-apa. Pertama sekali, saya diri sini sebagai *human being* yang mementingkan *human values*. Satu,

lebih dari itu, saya berdiri di sini sebagai rakyat Malaysia yang mencintai Malaysia dalam bentuk sekarang supaya saya dapat kekalkan Malaysia seperti sekarang. Saya tidak mahu...

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** So, kami bukan *human being* dan tidak mementingkan rakyat Malaysia maksudnya?

**Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah:** Kalau saya hendak jawab ini, saya akan petik apa yang di cakap oleh Yang Berhormat Menteri semasa membentangkan. Apa Yang Berhormat Menteri cakap, mereka yang melakukan berita palsu hanya perlu takut akta-akta macam ini.

■1240

So, begitu juga saudara Yang Berhormat. Jikalau saudara Yang Berhormat berpegang kepada prinsip yang saya pegang, *then you don't have to worry, you don't have to defend yourself. We will be judged by our concern.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Baik, terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan yang beri pandangan yang panjang lebar dan baik. Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeluing.

**Dr. Nuing Jeluing:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas peluang membahaskan Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar 2018, atau *Anti-Fake News Bill 2018*.

Memang tidak dinafikan bahawa banyak berita-berita tidak benar yang disebarkan, terlebih lagi dari dalam media sosial dan melalui Internet. Sebaran berita-berita tidak benar berlaku sekelip mata sahaja. *The speed of dissemination is instant*, dengan izin. Apa lagi dengan adanya sosial platform macam *WhatsApp, Instagram, Twitter, Facebook* dan lain-lain. Media cetak atau *print media* pun satu arus digunakan untuk menyebarkan berita yang tidak benar.

Oleh sebab keadaan yang sebegini, saya berpendapat memang ada tempat akta sebegini untuk menentukan masyarakat kita akan aman dan damai. Berita yang palsu atau tidak benar, ada kemungkinan membawa kesan yang buruk kepada negara dan dapat menyusahkan orang perseorangan. Di sini saya cuba memberi contoh-contoh berita yang tidak benar.

Satu, negara akan bankrap. Skrip yang akan sering diulang-ulang oleh pemimpin dan penyokong pembangkang bahawa Malaysia bakal bankrap jika terus diperintah oleh Kerajaan Barisan Nasional. Namun kini, prestasi ekonomi Malaysia terus dalam keadaan yang baik dengan yang terbaharu Bank Negara Malaysia mengumumkan ekonomi Malaysia di unjur terus berkembang antara lima peratus hingga enam peratus tahun ini.

Contoh kedua, dakwaan KWSP rugi. Seorang dari pihak pemimpin pembangkang berkata, beberapa kali menjaja cerita KWSP akan mengalami kerugian kerana pelaburan luar

dan kontroversi 1MDB, namun syarikat tersebut sekarang terus mengekalkan prestasi wang yang positif.

Ketiga, ahli pembangkang mendakwa seorang Menteri BN beri kontrak kepada abang sendiri. Dia mendakwa kontrak penganjuran Ekspo Negara Ku 2017 diberikan kepada abang Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Kemudiannya dia mengaku kesilapannya yang keliru kerana nama bapa penerima kontrak tersebut sama dengan nama bapa Menteri berkenaan walaupun tidak ada hubungan kait dengan Menteri tersebut.

**Tuan Ramli bin Shariff:** Mohon mencelah Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengemukakan satu pandangan atau apa pandangan Yang Berhormat, apabila berita palsu telah disebarkan, telah *diviralkan*. Bagaimana pula dia telah melakukan satu kerosakan, *damage already done*, dengan izin. Bagaimana kita hendak membaiki semula kerosakan itu yang telah dibuat oleh pencetus *viral-viral* ataupun pembawa-pembawa berita-berita yang palsu ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Nuing Jeluing:** Itulah pada pendapat saya akta yang kita bahaskan pagi ini, memang tepat sekali untuk mengambil tindakan kepada orang yang menuduh sebarang dalam peringkat negara atau peringkat syarikat atau ke peringkat orang perseorangan. Memang tepatlah akta ini boleh diguna pakai.

Adalah tidak dinafikan bahawa memang ada akta-akta yang sedia ada seperti, dengan izin, *Penal Code, Sedition Act 1948, Defamation Act 1959, Communication and Multimedia Act 1999, The Printing Press And Publication Act* yang mungkin boleh diguna pakai juga.

Oleh sebab itu banyak pendapat di sosial media yang mempersoalkan rang undang-undang ini. Iaitu Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar 2018. Ada di antara keraguan yang di uar-uarkan di media sosial ialah mengenai kebebasan media atau *press freedom* dan kebebasan bersuara atau *freedom of speech*.

Akan tetapi Menteri berkenaan sudah memberi penjelasan bahawa, dengan izin, *I quote, "this law is not intended to restrict freedom of speech, but to restrict the dissemination of fake news."* Walau bagaimanapun, saya menyeru agar akta ini tidak disalah gunakan oleh mana-mana pihak demi keharmonian dan kesejahteraan negara kita. Dengan itu saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat dan saya minta pula Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai.

**Senator Datuk Paul Igai:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya membahaskan Rang Undang-undang Antiberita Palsu.

Tuan Yang di-Pertua, kita difahamkan juga perkembangan pesat dalam arena ICT adalah menyebabkan penyebaran berita dan maklumat luar biasa dari siaran biasa ataupun tradisional kepada landasan baru seperti Internet dan gajet-gajet di sosial media. Kita tahu sudah banyak akaun palsu juga. Menyebarkan berita palsu atau berita tidak benar. Perkembangan ini kita perlu dihentikan dan dikawal. Berita tidak benar atau palsu adalah sangat bahaya dan bersifat dengan fitnah. Lebih banyak, malahan lebih bahaya daripada pedang. Dengan izin, *pen now is mightier than sword*. Itu bermaknanya berita palsu bolehlah membunuh sesiapa. Tekanan mental, *stress* dan akhirnya akan membunuh sesiapa.

Tuan Yang di-Pertua, negara yang mempunyai rakyat berbilang kaum, keturunan, agama seperti Malaysia, salah guna media akan dapat memecah belah kan rakyat dengan penyebaran berita palsu yang bertujuan untuk mendistablekan negara, politik dan keharmonian rakyat dan juga ekonomi negara.

■1250

Memanglah kita ada akta-akta yang sedia ada seperti Akta fitnah, Akta Hasutan, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan, Akta Kanun Keseksaan, Akta Komunikasi dan Multimedia, *Panel Court* dan sebagainya. Saya difahamkan tadi dan juga masih setakat ini tidak dapat kita kawal secara efektif dengan akta-akta tersebut dan kita faham juga akta baru ini ialah *complementing* dengan izin, untuk akta-akta sedia ada.

**Dr. Zaiedi Haji Suhaili:** Tuan Yang di-Pertua, mohon saya mencelah sedikit. Yang Berhormat tadi bercakap tentang soal penguatkuasaan akta-akta yang telah berkuat kuasa sekarang jadi isu yang hendak saya bangkitkan di sini ialah penguatkuasaan rang undang-undang ini nanti. Jadi kita hendak mengetahui agensi manakah yang menjadi *the lead agency* untuk menguatkuasakan rang undang-undang ini nanti bila ia berkuat kuasa, adakah PDRM, SKMM ataupun KDN? Bagaimana implikasi perundangan apabila kerajaan menguatkuasakan akta ini nanti? Terima kasih.

**Datuk Paul Igai:** Terima kasih rakan saya dari Sarawak. Yang Berhormat, jadi kita terlebih dahulu bacalah ini, buku yang *blue* ini, biru... [*Menunjukkan dokumen berkaitan*] Memanglah kita difahamkan SKMM yang akan meneliti dahulu dan juga ini bukan sahaja SKMM sahaja dan semua agensi kementerian dan mahkamah. Okey, berita palsu memang mencabar seluruh dunia, dua *example*. dengan izin, lebih daripada yang dikatakan Yang Berhormat Dr. Nuing tadi umpamanya *there was one fake news* dari *Twitter* BBC mengatakan bahawa *the queen is dead*. *Now*, inikan *resulting into* orang yang memang tertakluk kepada *the queen*, kemungkinan orang sama usia dengan dia mendengar cerita palsu ini mungkin dia akan jatuh dan mati.

Di negara kita juga tadi, ialah isu *McDonald's quarter pounder* yang disebar, cerita *McDonald's* tidak mengikut sistem halal ataupun dia ada bahan-bahan yang tidak patut di pakai itu menyebabkan *McDonald's* tutup kedai. Orang kita, banyak muda mudi yang kerja *McDonald's* hilang kerja ataupun ditamatkan sementara atau ini dapat mengelakkan atau *resulting* kepada rusuhan yang tidak dapat dikawal. Nasib baik pihak JAKIM telah meneliti dan ada dapat mengumumkan perkara ini tidak betul.

Tuan Yang di-Pertua, akta-akta seumpama ini sudah diambil kira di pelbagai negara, negara Perancis, Republik Yugoslavia, Czech, *United Kingdom*, Filipina dan juga *Germany* dan lain-lain negara pun akan mengambil tindakan bersama. Kita tahu *Germany* sekarang ada akta seumpama akta kita ini, hukumannya lebih besar daripada kita kesalahan dalam berita palsu ini ada *Euro Dollar* adalah 50 million.

Tuan Yang di-Pertua, kenapa kita takut kepada rang undang-undang ini? Kenapa kita fikir undang-undang ini berat sebelah? Tidak! Rang undang-undang ini hanya menghalang orang yang ada niat jahat untuk menyebarkan berita palsu, bertujuan untuk menghina seseorang, menghina negara atau kerajaan dan untuk memecahbelahkan rakyat, merosakkan keharmonian dan kesejahteraan rakyat dan ekonomi negara.

Kalaulah kita tidak mempunyai niat seperti ini, niat jahat, kenapalah kita takut tentang rang undang-undang kita ini? Akhirnya pihak mahkamah akan mengambil tindakan. Tuan Yang di-Pertua, sebaliknya kita mesti sokong rang undang-undang seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan minta kementerian-kementerian seperti Kementerian Pendidikan Tinggi, Kementerian Pelajaran, Kementerian Belia dan Sukan, MCMC atau SKMM dan lain-lain agensi kerajaan dan NGO juga masukkan perkara ini dalam dan berikan maklumat ataupun isu-isu yang sewajarnya kepada anak murid sekolah kita dan belia. Kita bimbang memang mereka akan tidak tahu dan menyebarkan berita-berita ataupun menyatakan berita yang palsu kepada sosial media...

**Tuan Ramli bin Shariff:** Tuan Yang di-Pertua, mohon mencelah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan Ramli bin Shariff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada sahabat saya, Yang Berhormat tadi juga disebut, sebelum pada ini disebut soal berita tidak benar atau berita palsu ini. Adakah Yang Berhormat bersetuju atau apa pendirian ataupun pandang Yang Berhormat, adakah ia mencakupi definisi ataupun tafsiran dibawa fasal 2 tadi, berita tidak benar ini. Adakah kita menerima pakai definisi ataupun tafsiran yang dibuat oleh negara lain-lain sebab Yang Berhormat juga menggesa supaya peringkat anak-anak kita harus difahamkan

dengan keadaan berita tidak benar ini. Adakah Yang Berhormat bersetuju setakat sekarang ini definisi ataupun tafsiran di bawah fasal 2 iaitu berita tidak benar, apa yang dinyatakan di bawah rang undang-undang ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Paul Igai:** Terima kasih Yang Berhormat, memanglah kita mesti memberi mereka ataupun belia kesedaran tentang negatifnya menyebarkan berita palsu dan setakat ini kita pun ada definisi berita palsu. Kita pun bukan setakat ini sahaja kerana perkembangan ICT perkembangan orang yang mahir dalam perkataan ataupun propaganda dapat memutar belitkan perkataan-perkataan dalam sosial media. Saya juga meminta MCMC atau agensi yang sedia ada untuk meneliti, macam mana kita dapat menyelidik ataupun meneliti di manakah berita palsu ini *origin* kerana kita tahu dalam internet memang ada gajet atau memang ada teknologi dalam sekelip mata kita dapat *identify* dari manakah berita palsu ini, punca dia.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, panjang lagi?

**Datuk Paul Igai:** Sebelum saya mengundurkan diri Tuan Yang di-Pertua saya akan memberi satu rangkap pantun.

*Cantik bergugus buah papaya,  
Masak dipetik satu persatu,  
Walaupun berlain bangsa dan budaya,  
Kerana muhibah hidup kita bersatu.*

Dengan itu saya menyokong Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar... [Tepuk]

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat dan saya telah mendengar Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar 2018 dengan penuh teliti. Membuatkan saya lebih insaf, jangan tabur fitnah. Ini bukan berita tidak benar, ini berita benar, bak kata orang tua-tua tadi Ahli Yang Berhormat.

*Buah durian buah berangan,  
Cincin emas cincin suasa,  
PM beri kita bayangan,  
PRU14 bila-bila masa... [Tepuk]*

Sekarang sudah pukul 1, saya tangguhkan Mesyuarat sehingga jam 2.30 petang, sekian.  
*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.02 tengah hari]**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

**[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**

■1430

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam sehati sejiwa. Sekarang...

*Buah langsung buah delima,  
Saya mahu panggil nombor lima.*

laitu Yang Berhormat Senator Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty. Dipersilakan.

**2.32 ptg.**

**Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim...* [Membaca sepotong ayat Al-Quran] Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Saya juga ingin mengambil bahagian di dalam perbincangan Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar 2018. Pendekatan saya, *insya-Allah*, saya tidak akan mengulangi lagi apa yang telah dibahaskan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat terutama sekali dua orang Ahli Yang Berhormat daripada oposisi. Kedua-duanya menarik perhatian yang dibahaskan dari sudut perundangan dan sebagainya.

Pendekatan saya, saya akan membaca sepotong dua ayat Al-Quran dan hadis Nabi. Oleh kerana akta ini sudah pun diluluskan- walaupun saya bersetuju dengan Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin tadi bahawa bagi pihak oposisi kami minta tangguhkan supaya dibahaskan semula rang undang-undang yang penting ini di Parlimen. Isunya ialah kerana ruang ataupun masa yang diberikan sangat terhad. Kami *appreciate*, mungkin ada rasionalnya di pihak pemerintah. Apatah lagi dalam konteks hendak menghadapi pilihan raya yang *anytime*, mungkin hari Jumaat esoklah, *dissolved* Parlimen dan dalam masa sebulan sahaja. Akan tetapi, kami rasa tidak puas hati- saya berbincang dengan ramai oranglah. Di kedai-kedai minum, di restoran, di surau, masjid, *public places*.

Mereka mengatakan, "Kenapa *rushing?*", itu soalnya. Kenapa *rushing?* Jadi, dengan izinnya, saya pun tidak faham. Ini kerana isu ini isu yang melibatkan soal maruah, soal *dignity*, soal hak asasi kemanusiaan. Walaupun saya tidak nafikan, bahawa dalam era digital ini, kita rakyat, masyarakat dan negara, di mana-mana pun dalam dunia menghadapi isu berita tidak benar. Akan tetapi yang menjadi persoalan saya juga, ialah kenapa negara jiran kita yang terdekat Indonesia yang 230 juta penduduk tidak ada pula Undang-undang Antiberita Tidak



Benar- 230 juta penduduk, kita ada 30 juta orang penduduk sahaja. Kenapa tidak ada di sana? Saya pun *check* dengan kawan-kawan di Indonesia, sebahagiannya anak-anak murid saya, mengatakan bahawa, "Kami dapat kontrol!".

"*Oh, hebat kamu ini*", saya kata. Malaysia dengan agensi-agensi, akta-akta yang sudah ada, tidak dapat *control*. Ini isunya. Kenapa kerajaan gagal mengatasi isu tersebarnya fitnah-fitnah liar. Kita sokong dalam beberapa hal. Jadi, saya ingin mengambil sedikit ruang di sini untuk berbicara dari segi agama, Allah SWT berfirman- *Bismillahi Rahmani Rahim...* [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Surah al-Hujurat, kalau tidak silap saya, ayat enam, iaitu Allah berfirman, "*Wahai orang-orang yang berfirman, jika datang kepada kamu semua orang yang fasiq*"- fasiq di sini disaksikan oleh orang yang jahat, orang yang selalu cakap bohong, orang munafik... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Dengan satu berita... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Kamu semua rakyat, masyarakat, bukan seorang itu ya... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Semua. Kena *check* dululah. Kena *cross examined*, dengan izin. Memang padahnya berita yang liar ini ialah fitnah dan kita tahu Al-Quran beritahu bahawa... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Betul dari segi itu,

Akan tetapi, saya berhujah di sini bahawa kalaulah semua kita ini berpegang pada prinsip *tabayyun*, kita tidak perlu pada Akta ini. Cuma, *tabayyun* ini kita dengar dalam ucapan-ucapan pemimpin-pemimpin negara sejak mutakhir ini digunakan istilah, "*Tabayyun*". Jadi, tidak perlu Akta ini sebab kita boleh menjalankan peranan dengan agensi-agensi yang ada dengan Kementerian Komunikasi dengan sosial media yang boleh digunakan oleh pemerintah dengan agensi-agensi agama dan sebagainya untuk membunuh berita-berita liar ini tanpa membawa akta yang baru ini yang dikemukakan secara tergesa-gesa.

Saya melihat bahawa negara Malaysia *alhamdulillah*, bukanlah negara komunis. Bukanlah negara *draconian 100 percent* tetapi unsur-unsurnya ada sejak sedekad yang lalu. Akan tetapi, kita mahukan rakyat yang kita mahu jadikan rakyat negara maju, kita kata. Kalau rakyat negara maju, masing-masing bertanggungjawab untuk berada di dalam keadaan yang selamat, yang aman, yang tidak diganggu gugat kehormatan mereka kerana takut pihak berkuasa mengenakan undang-undang yang keras.

Oleh sebab undang-undang ini baru dibahaskan kerana tentangan yang agak kuat turut dan turun daripada 10 tahun kepada enam tahun tetapi yang RM500,000 itu masih kekal. Jadi, persoalannya saya timbulkan tadi, dibuat dalam keadaan tergesa-gesa dan saya tertarik pula bagaimana SUHAKAM, salah satu agensi kerajaan yang kita muliakan kerana kedudukannya membela hak asasi manusia untuk semua kaum rakyat negara ini yang dipengerusikan oleh

seorang tokoh Tan Sri Razali Ismail bekas wakil kita ke Bangsa-Bangsa Bersatu, dengan 10 hujah dia menolak akta ini, yang disebutkan tadi oleh salah seorang Yang Berhormat oposisi tadi. Menolak.

Saya hendak bertanya kepada Menteri, tadi di dalam semua agensi-agensi yang disebut, nampaknya SUHAKAM tidak disebut. Akan tetapi saya baca di surat khabar hari ini, saya tengok di dalam *The Star*, dalam *The Straits Times*, dalam *The Sun* dan sebagainya, Tan Sri Razali Ismail menolak akta ini dan dia menaruh harapan supaya akta ini tidak tergesa-gesa tetapi, sudah pun diluluskan. Namun saya rasa, Al-Quran yang tidak boleh dipinda, undang-undang manusia, boleh dipinda.

#### ■1440

Justeru permintaan kita ialah supaya undang-undang ini diberikan ruang untuk dihadamkan, untuk diberikan peluang kepada rakyat untuk membicarakannya dalam masa yang tertentu sebelum diluluskan semula. Saya hendak berpesan kerana junjungan kita Muhammad SAW menyatakan dalam sebuah hadis... [*Membaca sepotong hadis*] Apa maknanya? Berhati-hati itu daripada Allah, bantuan Allah dengan Rahmat-Nya, negara akan selamat, rakyat akan selamat, ya. Akan tetapi kalau tergesa-gesa dalam keadaan yang gopoh-gapah maka syaitanlah kawannya. Itu junjungan Muhammad SAW.

Satu perkara penting juga dalam akta ini ialah soal definisi atau takrif *fake news*. Ini satu isu yang besar. Kalau saya ambil bicara daripada ahli-ahli hukum Islam, dia panggil takrif ini tidak *jami'* dan *mani'*. Maknanya takrif ini tidak *precise*, tidak cukup, hendak ambil daripada *Oxford Dictionary* semata. Akan tetapi saya bawa hujah dari segi agama, ilmu *Usul Fiqh*, *Science of Islamic Jurisprudence* menyatakan definisi berita tidak benar itu tidak *jami'* dan *mani'*. Maknanya tidak *comprehensive*, tidak *precise*, tidak kukuh dan teguh. Ahli-ahli hukum Islam menyatakan kalau takrif sudah tidak hukum, saya yakin ahli-ahli sivil pun, maka ia tidak boleh dijadikan akta. Tidak sah untuk dijadikan akta.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, selanjutnya ialah saya ingin mengharapkan bahawa akta ini hendaklah dilakukan dengan seadilnya. Timbul pertanyaan sejauh mana apabila kes telah berlaku, katakanlah seorang itu si A umpamanya telah terlibat dan akta ini telah diluluskan, saat sekarang ini, apakah ia akan dikenakan *automatically*? Ya, itu soalan saya kepada Menteri, adakah ia akan dikenakan secara automatik setelah Dewan Negara luluskan dan disahkan oleh Baginda Yang Di-Pertuan Agong? Adakah ia akan dilaksanakan sepenuhnya sekarang? Ini isunya.

Dalam hal inilah, saya mengharapkan bahawa keadilan hendaklah diberikan sebaik yang mungkin. Kezaliman janganlah berlaku ke atas, katakanlah orang-orang yang berkenaan terlibat sebab dalam bab kezaliman ini satu hadis *qudsi* daripada Rasulullah, daripada Allah SWT yang dilafazkan oleh Rasulullah SAW yang disebut sebagai hadis *qudsi*, Dia menyatakan, Allah SWT menyatakan... [*Membaca sepotong hadis*] “*Sesungguhnya saya mengharamkan kezaliman ke atas diri saya.*” Dia Allah tetapi kali ini Dia gunakan ‘diri saya’ dalam hadis *qudsi*, menunjukkan perbuatan zalim ini tidak adil, satu perkara yang besar. Walaupun sebahagian besar kita mengatakan kita bersyukur, kita duduk dalam aman dan damai dan sebagainya, ingat bahawa ini adalah dunia yang sifatnya sementara, fana, yang kekal abadi adalah akhirat. Kita akan ditanya kerana Rasulullah SAW juga menyebut bahawa salah satu yang tujuh itu yang akan mendapat perlindungan Allah maka hadis itu bermula dengan *imamun ‘adil-* imam yang adil.

Jadi dalam menjatuhkan hukuman akta ini kita sangat berharap proses keadilan boleh berlaku. Kalau akta ini hendak dijalankan juga, proses keadilan hendaklah berlaku sebab saya menengok dalam akta ini, banyak pihak yang akan terlibat terutama NGO-NGO, parti-parti politik oposisi, bagaimana tulisan mereka umpamanya katakanlah dia *attack* 1MDB, bagaimana kita hendak proseskan keadilan itu supaya betul-betul adil? Bawa kepada mahkamah kata Menteri, merekalah *body* yang neutral untuk menjatuhkan hukuman tetapi isunya Tuan Yang di-Pertua, krisis institusi kehakiman, mahkamah-mahkamah di negara ini walaupun ada keputusan mahkamah yang adil tetapi ada juga keputusan mahkamah yang *disputed*, dengan izin, oleh orang ramai yang terlibat di dalam kes-kes di mahkamah sebab *separation of power*, dengan izin, antara *executive* dengan *judiciary* nampaknya didebatkan oleh rakyat di negara ini kecuali kalau mahkamah itu sudah benar-benar *independent* dan adil.

Kita yakinlah bahawa ini adalah keputusan yang terbaik dan Allah SWT minta... [*Membaca sepotong ayat al-Al-Quran*]. Bila kamu sudah berazam yakinlah dengan mahkamah itu serahkanlah pada Tuhan. Mudah-mudahan negara akan dapat kebaikan daripada akta ini.

Akan tetapi nampaknya setakat inilah, setakat ini nampaknya ramai yang merasa tidak puas hatilah bahawa kenapa tergesa-gesa? Komen daripada seorang Timbalan Menteri yang menyatakan bahawa kalau dalam kes 1MDB kata dia isu 1MDB di sisi kerajaan, inilah akta yang sudah *diverified*, inilah isu yang sudah *diverified* oleh kerajaan. Selain daripada kerajaan, maka hukumnya tidak sah sedangkan isu ini masih terbuka kepada debat antara benar ataupun tidak. Selagi ini tidak dapat diselesaikan maka saya rasa akta ini tidak relevan. Mohon maaf, sekian, *Wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh*.

**Timbalan Yang Di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Senator Dr. Mohd Noor Monutty. Saya jemput pula Yang Berhormat Senator Dato' Ong Chong Swen.

**2.46 ptg.**

**Dato' Ong Chong Swen:** Tuan Yang di-Pertua, salam sejahtera dan salam Negaraku Malaysia. Terima kasih kerana bagi saya peluang berbahas Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar 2018. Dengan izin, *let me go straight to the point*. Saya ada beberapa soalan.

Pertama, adakah rang undang-undang ini akan dipakai dalam kes-kes di mana yang berita tidak benar itu adalah mengenai PR Malaysia dan bukan warganegara? Contohnya, berita tidak benar yang ditularkan mengenai perniagaan seorang PR Malaysia atau, dengan izin, *foreign investor* serta bagaimana kes ini berbeza dari, dengan izin, *defamation*? Adakah kerajaan mengadakan perbincangan dua hala dengan kerajaan negara lain untuk melaksanakan sama ada perbicaraan itu dijalankan di negara itu atau jika orang yang dituduh akan dihantar balik ke Malaysia? Bagaimana jika defendan menggunakan alasan, dengan izin, *political asylum* untuk memastikan mereka dilindungi oleh undang-undang negara yang berada di luar Malaysia?

Tuan Yang di-Pertua, pada mendapat saya hukuman yang dalam rang undang-undang ini walaupun telah dipinda hingga enam tahun bersama-sama dengan denda RM500,000 masih tinggi dan tidak berkadar dengan sifat jenayah contohnya jenayah kecurian dan sebagainya. Seperti hukuman untuk kecurian di bawah seksyen 379, dalam Kanun Keseksaan seksyen 325, dengan izin, "*punishment for voluntary causing grievous hurt*" adalah penjara hingga tujuh tahun.

Seksyen 318, dengan izin, "*concealment of birth by secret disposal of dead body*" hukuman penjara dua tahun dan ia bertindih dengan undang-undang lain seperti itu dalam perbuatan menghasut dan tindakan fitnah. Rang undang-undang tidak mengatakan apa yang akan dilakukan terhadap kanak-kanak di bawah umur 18 tahun yang menyebarkan berita palsu.

Berkenaan dengan seksyen 5, apa yang akan berlaku kepada orang-orang yang membayar langganan ke laman web berita dan laman berita menerbitkan berita palsu walaupun mempunyai rekod yang baik.

■1450

Adakah semua pelanggan dianggap melakukan kesalahan? Satu lagi perkara yang tidak ditangani di sini adalah sama ada ulasan dan pendapat mengenai, dengan izin, *current issue* dan berita akan tertakluk kepada undang-undang ini. Tuan Yang di-Pertua, di bawah seksyen 10, apakah yang dianggap bersubahat dengan penjenayah? Contohnya sekira sekumpulan individu memutuskan untuk berkongsi berita palsu itu di *Facebook*, adakah itu bermakna bahawa semua

orang bersalah? Jika ya bagaimana kementerian bercadang untuk menguatkuasakan undang-undang. Seperti yang kita tahu di *Facebook*, satu artikel boleh ada puluhan ribu *share*.

Di dalam seksyen 9, saya minta kementerian menjelaskan apakah situasi yang akan menentukan sama ada pendakwa raya membuat perintah untuk menggalakkan pegawai polis ataupun pegawai yang diberi kuasa di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1980 ataupun Akta 588. Kebimbangan saya adalah dalam hal, dengan izin, *streamlining* untuk memastikan tidak ada pencegahan di antara polis dan pegawai di bawah Akta 588 itu.

Walaupun saya ada beberapa soalan yang saya harap dapat dijelaskan tetapi keadaan terkini, tiap-tiap hari kita dapat dengar dan baca berita yang palsu dan tidak benar. Jika tidak dapat dikawal, dengan izin, *the country will be chaotic and flooded with the fake news. The bill has to be implemented wisely without fear or favour. It is very important, with your permission, to refer to a country that has implemented or intend to table the similar law. Based on Malay Mail online Mac 28th, "Germany has passed the Net Enforcement Act on June 30th, 2017 focus on hate speech and fake news."*

*France President on 3rd Jan, 2018 announced his plan for a new law to combat fake news.*

*Philippines on June 21st, 2017 proposed and tabled a law to penalised malicious distribution of false news.*

*Singapore is expected to introduce a new law in 2018 to combat fake news.*

*Indonesia on January 3rd, 2018 launched a new cyber security agency, walaupun bukan table a bill tetapi Indonesia sudah set up satu cyber security agency to deal with extremists, hate speech, fake news etc.*

*South Korea, law maker- Yoon Young Kwan on July 27, 2017 proposed a bill to delete fake news post.*

Ini menunjukkan beberapa negara di dunia, dengan izin, *are struggling with the growing problem of fake news that post a track to political honesty and stability. This increasing of false accusation especially near election. Misalnya America's President, Donald Trump was facing accusation of colliding with Russia. Kenya, facing fake news in the run up of General Election last year. Africa, mobile survey company, GeoPoll in their survey, nearly nine in 10 voters interview believe news regarding election is either misinformed or inaccurate. 87 peratus are spread intentionally.* Dengan *facts* yang saya dapat Tuan Yang di-Pertua, saya mengakhiri ucapan dengan menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat yang menyampaikan fakta yang baik.

Dan sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi Krishnan, ada?

**2.56 ptg.**

**Puan Bathmavathi Krishnan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk menyertai perbahasan Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar 2018.

Tuan Yang di-Pertua, memang dengan perkembangan internet yang secara luas dan bersama itu pelbagai jenis sosial media yang telah timbul, memang ada keperluan untuk mengadakan suatu rang undang-undang supaya kita dapat mengawal, supaya ia tidak disalahgunakan ataupun menjejaskan seseorang ataupun negara. Akan tetapi apabila kita lihat apa kandungan rang undang-undang ini, timbul juga pelbagai persoalan dan bahagian-bahagian yang perlu penjelasan yang lebih jelas ataupun penghuraian yang lebih jelas. Mula-mulanya saya ingin menyentuh tentang definisi *fake news*.

Terdapat dua situasi, saya boleh bagi contoh dua situasi di mana seorang yang ada masa, tidak ada kerja lain tapi merekakan cerita ataupun berita mengenai sesuatu, seseorang kah ataupun sesuatu tempat ataupun mengenai suatu kejadian dengan sendirinya dan rekaan itu hanya cereka, boleh disifatkan sebagai cereka. Adakah ini boleh ditafsirkan sebagai berita palsu? Pada pihak lain adakah *fake news*, situasi lain. Situasi yang kedua saya bagi ialah ada suatu kejadian yang berlaku ataupun mengenai sesuatu tempat ataupun mengenai seseorang. Ada suatu kejadian benar, kedudukan benar, ada fakta-fakta benar mengenai orang atau tempat atau kejadian.

Akan tetapi ada orang lain yang membuat cerita, mereka cerita berasaskan fakta itu tetapi tidak tepat pada fakta. Ia putar belit. Ia *exaggerate* dan jadikannya lebih menarik untuk mungkin menarik peminat ataupun melakukan ataupun dia mahu sesuatu, dia ada niat untuk mendapat sesuatu hasil dari rekaan dia.

Jadi yang mana boleh digunakan sebagai definisi? Berita palsu yang tanpa, yang tidak berasas ataupun yang ada asas tapi orang ataupun pihak yang berkenaan memutar belitkan dan jadikannya lebih menarik ataupun lebih hodoh ataupun lebih teruk.

■1500

Ini harus dihuraikan dengan terperinci bagaimana kita boleh *identify* dengan tepat apa dia *fake news*. Selalunya *fake news* ini mengenai siapa? Mengapa ia dijadikan sebegitu? Adakah ia dijadikan ataupun sengaja diadakan untuk menjatuhkan seseorang, mengganggu kedudukan dia ataupun apa niat untuk seseorang itu mereka cerita palsu ini. Siapa yang terlibat?

**Tuan Ramli bin Shariff:** Mohon mencelah Tuan Yang di-Pertua. Mohon mencelah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Puan Bathmavathi Krishnan:** Sila.

**Tuan Ramli bin Shariff:** Saya hendak tanya pendapat Yang Berhormat, bagaimana pula dalam dunia seni, dunia artis, soal gosip itu? Adakah ia termasuk? Macam manakah pandangan ataupun pendapat Yang Berhormat gosip yang direka ataupun yang dicipta untuk mempopularkan seseorang itu? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Bathmavathi Krishnan:** Ya, memang. Saya rasa itu pun termasuk dalam berita palsu juga. Oleh sebab nampaknya kalau kita lihat rang undang-undang ini, kita boleh *apply* pada apa-apa sahaja, gosip, umpat. Jadi adakah berita palsu ini *sophisticated form of gossip*? Boleh jadi juga. Selalunya kita tidak banyak bincang tentang kejadian ataupun tempat. Kita tumpu- saya pun telah mengikuti perbahasan di Dewan Rakyat. Saya nampak semua tertumpu kepada orang sahaja. Jadi, kalau seseorang itu dia menjadi mangsa gosip ataupun mangsa berita palsu itu, sekiranya ada macam saya bagi contoh tadi itu, kalau ada hakikat, ada *truth*, ada kejadian, ada sifat-sifat yang benar, jadi cerita palsu ini tidak akan bermakna. Walau bagaimana hodoh dan teruk, ia tidak akan mengganggu ataupun menukar fakta ataupun kebenaran.

Jadi, saya rasa ini adalah salah satu aspek itu melihat dan mentafsirkan apa dia berita palsu, *fake news* ataupun jenis-jenis media yang kita gunakan. *I mean* rang undang-undang ini meliputi seperti mana kita dengar taklimat daripada Yang Berhormat Menteri pagi tadi, ia diwujudkan bertumpu kepada media sosial. Media sosial yang sangat luas digunakan hari ini, *Facebook, WhatsApp, Instagram, WeChat* dan banyak jenis. Penyebaran berita palsu boleh berlaku dengan sekelip mata macam ini, *in a second* boleh menular.

Di Malaysia kita ada statistik menunjukkan bahawa *Facebook user* pada hujung tahun lepas 31 Disember 2017 mencecah 22 juta orang. Jadi ini adalah satu media yang sangat efektif untuk menyiarkan berita, cerita ataupun berita palsu. Ada juga statistik yang menunjukkan pada setiap hari orang yang tengok ataupun semak *WhatsApp* adalah sebanyak 250 kali sehari. Ini juga menunjukkan bahawa kita sangat terpengaruh oleh *WhatsApp* dan sosial media ini.

Satu lagi aspek saya ingin menyentuh yang harus juga diberi perhatian, saya ingin bertanya dan minta jawapan daripada Yang Berhormat Menteri kemudian ialah penguatkuasaan rang undang-undang ini apabila rang undang-undang ini menjadi akta nanti. Ada banyak pihak yang khuatir tentang penguatkuasaannya. Jadi ada juga disebut tentang *selective enforcement*. Jadi pertanyaan saya adalah apakah mekanisme yang sedia ada ataupun akan digunakan untuk mengelakkan berlakunya *selective enforcement*? Di sini sudah tentu kita- *I mean* apa yang

terlintas di fikiran kita adalah tentang situasi politik di sesebuah negara. Pemerintah *versus* pembangkang. Adakah ia akan disalahgunakan ataupun digunakan secara *selective enforcement* terhadap orang yang tidak disukai ataupun untuk mengehendkan ataupun untuk mengelak daripada pembangkang mengeluarkan cerita ataupun menyebarkan cerita yang palsu. Adakah ini tujuan rang undang-undang ini?

Begitu juga bukan sahaja situasi politik tetapi juga kalau kita lihat bagaimana sesuatu berita boleh menular dengan secepatnya mesti ada suatu punca Tuan Yang di-Pertua, ada punca. Jadi, kalau kita hendak *enforce*, kita pergi cari punca dia. Akan tetapi pada masa yang sama dalam beberapa saat sahaja ia akan menular secara *exponential* dan akan disebarkan kepada beratus-ratus, malah boleh jadi juta juga. Jadi apakah kriteria yang kita hendak gunakan, kaedah yang kita hendak gunakan untuk pergi *charge* ataupun tangkap orang yang menularkan ini? Separuh dari mungkin yang menular berita palsu ini, separuh mungkin akan buat secara diketahuinya *knowingly*, dan separuh mungkin tidak.

Jadi macam mana pada masa itu kita hendak pastikan sama ada ia sebarakan secara *knowingly* atau tidak. Jadi ini akan menimbulkan kerumitan. Adakah kita sanggup, *do we have the means to track down?* Jadi ini adalah isu-isu yang kita harus beri perhatian. Memang ada *positive, plus point*, mengapa undang-undang ini penting pada masa ini. Akan tetapi kita juga harus melihat kepada keefektifannya sama ada ia boleh *enforce* atau tidak.

Dengan hujah-hujah itu saya rasa rang undang-undang ini perlu dikaji lagi, perlu diberi perhatian, harus diperhalusi yang mana ada *lacuna* ataupun *loophole* harus diisi. Begitu juga yang saya utarakan tadi mengenai *selective enforcement* itu macam mana kita boleh elakkan daripada berlakunya *selective enforcement* dalam dua situasi yang saya beri tadi. Jadi saya cadangkan supaya rang undang-undang ini dikembalikan ke Dewan Rakyat untuk dikaji lagi sebelum ia- dan disebarkan dan mendapat perhatian dan juga pendapat orang awam sebelum ia dijadikan undang-undang. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi. Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail. Silakan.

**3.09 ptg.**

**Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, kepada Dewan yang mulia ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Walaikumussalam.*



**Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail:** Terima kasih sebenarnya kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk sama-sama membahaskan satu rang undang-undang yang saya kira hangat diperkatakan, orang kata sampai hari ini pun masih diperkatakan kerana ada banyak sebenarnya elemen-elemen yang masih lagi tidak mendapat perincian yang penuh untuk kita menyokong dan menyatakan sokongan.

■1510

Tuan Yang di-Pertua, saya adalah seorang orang muda yang masih sebenarnya, bukan saya tidak bersetuju bahawa perlunya undang-undang. Kita sudah mempunyai undang-undang dan perlukan penguatkuasaan yang lebih baik. Akan tetapi tidak perlulah sampai perlu wujudnya rang undang-undang seperti ini kerana saya masih lagi mengimpikan satu nilai politik yang matang dan baik kepada generasi di luar sana dan juga kepada masyarakat tentang bagaimana kita harus mendidik masyarakat untuk faham bahawa budaya fitnah, menyebarkan fitnah, mengada-adakan cerita itu adalah salah.

Akan tetapi bukan dengan cara kita menghukum masyarakat, menghukum parti-parti politik dengan mengadakan rang undang-undang seperti ini. Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, banyak sebenarnya komen-komen yang kita dengar yang kita nak nyatakan kepada pihak kementerian bahawasanya janganlah kita tutup ruang-ruang nilai kematangan politik rakyat Malaysia dengan meletakkan hujah-hujah seperti ini. Orang kata dengan hujah-hujah mengatakan bahawa berlakunya penyebaran ini tidak boleh dikekang dan sebagainya sedangkan kita mempunyai banyak elemen undang-undang yang kita boleh guna pakai, yang hanya perlu ditambah baik undang-undang ini. Saya yakin kita boleh *implement* kan ini kepada masyarakat dan rakyat di bawah dan akhirnya kita mendidik mereka dengan nilai politik yang lebih matang dan sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, perkara pertama yang ingin saya bangkitkan kepada pihak kementerian ialah sumber rujukan. Kalau saya dengar jawapan Yang Berhormat Menteri di Dewan Rakyat, dinyatakan bahawa kerajaan ataupun Menteri bukanlah orang yang akan masuk campur dalam setiap keputusan yang akan dibuat oleh pejabat peguam. Saya nak tanya setakat ini kalau tidak ada campur tangan kerajaan dan sebagainya, siapa bahan rujukan pejabat peguam terhadap kes-kes yang dilaporkan di mahkamah ataupun dilaporkan terus kepada pihak polis dan sebagainya? Siapa yang menjadi rujukan sehingga sesuatu perkara itu dianggap sebagai *fake news*, tidak benar dan palsu? Saya nak bertanya, itu yang pertama.

Kedua, kalau kita tengok dengan adanya macam undang-undang yang sebelum ini yang ada. Banyak sebenarnya laporan yang telah dibuat oleh teman-teman pembangkang, teman-

teman pimpinan tentang beberapa isu yang diangkat. Akan tetapi tidak ada laporan, tidak ada penyiasatan dan tidak pun berlaku apa-apa pendakwaan di pihak pendakwaan itu sendiri, jadi saya nak bertanya kepada pejabat Peguam Negara, bagaimana sesuatu isu itu nak dikatakan *fake news*, palsu? Maksudnya nak menutup isu pendakwaan terpilih di kalangan sesuatu laporan yang dilaporkan terus di mahkamah dan laporan polis kerana saya tidak melihat secara *detail* di dalam ini yang mengatakan bahawa siapa yang betul-betul yang boleh mengatakan itu adalah *fake news*?

Tidak ada, kerana sehingga sekarang kita masih lagi dibuai sama ada perkara ini akan ada campur tangan, tangan ketiga, tangan-tangan ghaib dan sebagainya. Jadi saya minta penjelasan daripada pihak mahkamah, pejabat Peguam Negara tentang isu-isu ini dan juga kementerian bersabit dengan siapa yang akan menentukan sesuatu berita itu adalah *fake news* ataupun tidak.

Ketiga, saya mengambil dalam fasa ini ada satu yang disebutkan kesalahan boleh tangkap. Saya nak minta penjelasan daripada pihak kementerian apa yang diklasifikasikan sebagai kesalahan boleh tangkap? Apa yang saya tahu kalau satu laporan dibuat seseorang individu yang dilaporkan itu akan di *serve* dengan satu surat notis yang mengatakan bahawa dia telah dilaporkan membuat *fake news* ataupun laporan ataupun berita palsu. Akan tetapi apa definisi kesalahan boleh tangkap? Jenis kesalahan palsu yang bagaimana seseorang itu boleh diklasifikasikan sebagai kesalahan boleh tangkap? Maksudnya kalau kita *serve notice* kalau sebelum ini perlu terus kepada tangan dan saya dimaklumkan kita boleh hantar melalui *WhatsApp* dan sebagainya. Jadi apa definisi kesalahan boleh tangkap, perincian daripada pejabat AG dan kementerian yang boleh dikategorikan agar kita semua tahu adanya nilai-nilai kategori dalam berita-berita palsu yang dilaporkan terus ke pejabat peguam.

Keempat, saya nak tanya pihak kementerian contohnya TV3, *Utusan* yang telah bersabit dengan banyak isu saman yang mana mereka kalah dalam isu-isu saman fitnah terhadap banyak individu. Adakah mereka ini juga akan dikenakan tindakan sekiranya kita membuat laporan ke atas mereka? Adakah orang yang memberikan sumber kewangan kepada syarikat-syarikat TV dan juga surat khabar ini juga akan dikenakan tindakan sekiranya kita membuat laporan ke atas mereka sebab ini *clear*.

Oleh sebab itu saya kata tadi Tuan Yang di-Pertua, kalau betul kerajaan mengatakan ini adalah rang undang-undang yang paling jujur dan adil yang nak dibuat, mengapa tidak kementerian memasukkan satu fasal dalam rang undang-undang ini yang jelas menulis bahawa

rang undang-undang ini terpakai untuk semua lapisan masyarakat dan pemimpin politik tanpa mengira latar belakang politiknya.

Kalau itu boleh dimasukkan ke dalam rang undang-undang ini saya boleh bersetuju untuk rang undang-undang ini. Akan tetapi ini masih lagi tidak ada, walaupun sifat kepada undang-undang itu ialah terpakai untuk semua tetapi kita tahu bagaimana pendakwaan terpilih yang kerap kali berlaku di luar sana, waktu Ahli-ahli Parlimen pembangkang bertemu juga dengan wakil-wakil Menteri dan juga pejabat Peguam Negara, yang kita bertanyakan terus bagaimana berlakunya *selective*. Maknanya pendakwaan yang terpilih dibuat oleh pejabat AG dan sebagainya, ini yang kita katakan kekusaran kita.

Maknanya yang keduanya, ialah dari segi politik itu kita menyatakan kekusaran kita tetapi dari segi jangka masa panjang Tuan Yang di-Pertua, saya berfikir juga masyarakat di luar sana, jenis kualiti masyarakat bagaimana yang kita nak lahirkan? Tadi kalau kita bercakap soal gosip-gosip artis tapi kalau kita nak cakap pula sekarang ini gosip makcik bawang, macam mana? Ramai di luar sana yang menggunakan aplikasi *WhatsApp*, kalaulah dia menyebarkan sesuatu cerita dan kemudian dengan adanya akta ini maka berlakulah lambakan laporan *fake news* di kalangan masyarakat kepada pejabat peguam. Apakah ini yang kita nak lihat kepada masyarakat kita yang hari ini melakukan perkara ini menggunakan undang-undang ini sehingga berlakunya perpecahan dalam masyarakat.

Maknanya, kalau sesuatu perkara itu disebarikan orang itu tidak puas hati dia boleh pergi ke mahkamah, dia ambil borang, dia isi borang, dia failkan laporan dan kemudian berlakulah pendakwaan dan sebagainya dan itu adalah kekhawatiran saya sebenarnya kepada masyarakat di bawah ini. Kalau kita ahli politik kita fahamlah kerana berlaku perselisihan faham di antara politik pembangkang dan kerajaan. Kita tahu dan kita faham tetapi dari segi masyarakat ini, bagaimana kita nak beritahu mereka bahawa *fake news* ini bukan sesuatu yang kita anjurkan mereka untuk buat ataupun untuk terima sedangkan kita meluluskannya di peringkat Parlimen.

Jadi, saya minta kepada kementerian untuk melihat semula, mengkaji semula ataupun macam disebut oleh kawan-kawan tadi, bawa semula ke Dewan Rakyat. Tengok semula sebab isunya ialah isu masyarakat. Kita jangan ingat kita hanya buat rang undang-undang ini untuk *survival* parti-parti politik semata-mata tetapi kita bercakap tentang penerimaan masyarakat kepada rang undang-undang ini kerana ia akan melibatkan satu generasi di luar sana yang akan merasakan bahawa *fake news* ataupun Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar ini sebagai alat untuk mereka mencetuskan apa saja rasa ketidakpuasan hati mereka kepada mana-mana individu. Maknanya tidak ada sekatan lagi, kalau dia tidak senang dengan makcik Senah sebab

makcik Senah fitnah dia, dia boleh pergi *fake news* dan mungkin lepas ini kerajaan terpaksa buka pula Mahkamah Antiberita Benar Khas untuk mengangkat laporan-laporan seperti ini.

Jadi saya minta di pihak kementerian dan kerajaan lihat semula, teliti semula, kalau boleh rujuk semula kepada NGO, masyarakat umum di luar sana. Adakah ini bertepatan dengan kehendak mereka? Jangan kerana kita gagal untuk mendidik masyarakat di luar sana untuk menjauhi fitnah dan sebagainya kita menghukum mereka dengan hukuman-hukuman seperti ini yang bagi saya tidak langsung mencerminkan sebuah kerajaan yang cakna kepada rakyat tetapi lebih kepada kita menzalimi masyarakat-masyarakat dan membiarkan mereka berada dalam kelompok-kelompok yang berterusan, orang kata mempergunakan satu rang undang-undang yang tidak kena pada tempatnya.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya tidak adalah banyak lagi nak dibicarakan sebab itu saya kata, kalau kata hari ini lulus di Dewan Negara. Saya nak ambil contoh, saya pergi ke mahkamah dan saya buat laporan 26 Mac 2018. "*Bantuan kerajaan akan dihentikan jika pembangkang memerintah,*" ucapan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak. Adakah kalau saya buat laporan ini, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak akan disiasat?

#### ■1520

Saya hendak juga perincian daripada pihak Majlis Peguam. Adakah kalau kita buat laporan-laporan seperti ini, Dato' Sri Mohd. Najib juga akan disiasat? Sebab itu saya kata, saya mengambil teguran daripada rakan Senator saya, Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim yang juga dalam petikan perbahasan beliau mengatakan, kritiknya pembangkang dan kami anggap itu sebagai kritikan yang membina dan membantu pembangkang untuk buat lebih baik. Akan tetapi adakah kalau kami buat laporan-laporan seperti ini termasuk bubar Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD), adakah ini akan diklasifikasikan juga sebagai *fake news* yang dibuat oleh kepimpinan utama kerajaan.

Jadi saya minta penelitian daripada pihak kementerian untuk lihat semula dan saya minta segala saranan yang diangkat itu dijawab kerana banyak lagi persoalan sebenarnya yang perlu dijawab dan dilunaskan oleh kementerian. Saya memang mengharapkan kalau hari ini lulus pun tidak boleh hendak buat apa dah, tetapi perlulah dikaji ataupun dibuat pindaan dalam beberapa perkara agar ia tidak menjadi barah kepada masyarakat khususnya rakyat Malaysia. Sekian, *wabillahitaufik walhidayah. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Walaikumussalam* dan terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya jemput pula Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed.

### 3.21 ptg.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Saya terus kepada perbahasan Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar 2018 yang saya kira terdapat dua aspek penting ataupun dua kriteria penting yang menjadikan Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar ini yang menjadi inti pati kepada rang undang-undang pada kali ini iaitu pertamanya adalah pemakaian luar wilayah dan keduanya adalah permohonan *ex-parte*, penghapusan penerbitan tidak benar dan juga perintah yang bersamaan dengan permohonan tersebut.

Sebenarnya, jika kita lihat sebelum ini sebagaimana yang telah dimaklumkan, telah terdapat dua akta yang berkaitan iaitu Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 dan juga satu akta lain iaitu Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Cuma, saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, kenapa dua akta ini tidak ditambah baik dengan elemen-elemen ataupun kriteria yang dimasukkan di dalam Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar ini? Jika kita lihat pada Akta Mesin Cetak dan Penerbitan, sebelum ini telah pun ada satu pindaan yang dibuat iaitu pada tahun 2012 iaitu melalui seksyen 8A di mana telah dimasukkan kesalahan kerana menyiarkan berita tidak benar. Jadi saya ingin mendapat penjelasan daripada kerajaan, kenapa *instead of* buat akta baru iaitu Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar 2018, kenapa tidak dimasukkan peruntukan-peruntukan ini di dalam akta-akta sedia ada dengan ditambah peruntukan-peruntukan baru. Jadi tidak perlulah ada suatu akta baru.

Saya juga ingin tahu berkait dengan asal usul kepada lahirnya Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar ini, daripada sudut kronologi penggubalan Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar sehingga ia dibentangkan dan telah pun diluluskan di Dewan Rakyat kelmarin. Adakah ia telah melalui peringkat-peringkat perbincangan terutamanya bersama *stakeholder* yang akan terkesan dengan penggubalan akta ini. Saya kira perbincangan-perbincangan yang lumat, yang masak akan memastikan rang undang-undang yang digubal adalah satu rang undang-undang yang praktikal, telus dan tulus dan melahirkan suatu akta yang tidak cacat daripada sudut pelaksanaannya. Itu yang pertama.

Kedua, melihat kepada fasal 3, Pemakaian Luar Wilayah. Pemakaian luar wilayah ini menjadikan akta ini kelihatan begitu gagah dan begitu gah. Namun, dalam persoalan yang timbul adalah kebolehlaksanaan ataupun keupayaan kerajaan untuk melaksanakan fasal tiga ini dan khususnya apabila ia melibatkan pemimpin-pemimpin di pihak parti pembangkang. Saya ingin ambil contoh suatu kes saman yang berlaku, yang berjalan hari ini iaitu berita fitnah, Presiden

Pas saman *Sarawak Report*. Jadi saya kira sekiranya akta ini ataupun peruntukan ini telah ada dalam undang-undang sedia ada, mungkin kita tidak perlu melalui suatu saman *defamation* yang melibatkan kos beratus-ratus ribu demi kerana untuk membersihkan nama kita daripada suatu tohmahan yang dibuat-buat.

Jadi saya ingin mendapatkan suatu jaminan daripada pihak kerajaan, sekiranya berlaku fitnah-fitnah yang melibatkan pemimpin-pemimpin parti pembangkang oleh penerbitan-penerbitan luar negara, adakah kerajaan boleh memberi jaminan tindakan boleh diambil melalui Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar 2018 melalui seksyen 7 dan juga melalui seksyen 9? Adakah sekarang ini terdapat suatu persefahaman ataupun telah ada satu kerjasama antara pihak kerajaan dan negara lain bagi tujuan pelaksanaan seksyen ini dan adakah sekiranya ia diwartakan dan diluluskan hari ini, terus boleh dilaksanakan ataupun perlu melalui suatu tandatangan persefahaman ataupun tandatangan persetujuan untuk melaksanakan seksyen ini. Adakah pelaksanaan seksyen iaitu *extraterritorial*, di fasal 3 ini melibatkan sebarang kos kewangan di pihak kerajaan. Itu yang kedua.

Seterusnya yang ketiga- saya ingin merujuk kepada Jadual Pertama di dalam rang undang-undang ini iaitu dalam hal permohonan bagi perintah penghapusan penerbitan yang mengandungi berita tidak benar di mana arahan kepada pemohon di nombor 3(c) iaitu pemohon hendaklah menyatakan dan mengesahkan asas atau alasan untuk membuat permohonan ini. Pengesahan ini termasuk butir-butir yang berhubungan dengan (c), identiti orang yang membuat penerbitan yang mengandungi berita tidak benar.

Jadi khusus bagi permohonan di bawah seksyen 7, pemohon mesti mendapatkan identiti orang yang membuat penerbitan yang mengandungi berita tidak benar. Jadi bagaimana sekiranya pemohon tidak pasti ataupun tidak tahu siapa yang telah menulis berita tidak benar itu khususnya apabila ia melibatkan berita tidak benar yang disebarikan melalui akaun-akaun palsu di *Facebook*.

Jadi adakah dengan adanya arahan kepada pemohon ini, bermakna sekiranya pemohon tidak mengetahui identiti orang yang membuat penerbitan yang mengandungi berita tidak benar, maka permohonan di bawah seksyen 7 tidak boleh dibuat ataupun adakah walaupun kita tidak tahu, masih lagi kita boleh membuat permohonan di bawah seksyen 7, mahkamah mungkin boleh mengarahkan SKMM untuk menyiasat siapakah pemilik ataupun identiti orang yang membuat suatu penerbitan berkenaan melalui akaun-akaun palsu tersebut.

Seterusnya, berkait dengan rang undang-undang yang dibentangkan pada hari ini juga, saya ingin tahu berkait dengan elemen ganti rugi. Adakah terdapat sebarang elemen ganti rugi

yang boleh dipohon melalui rang undang-undang ini kerana apa yang disebut di dalam rang undang-undang ini adalah daripada sudut hukuman adalah penjara enam tahun dan juga denda RM500,000.

Sebagaimana kita tahu dalam kes-kes *defamation* yang melibatkan saman malu, yang melibatkan penerbitan, yang melibatkan kenyataan-kenyataan yang tidak benar, terdapat elemen ganti rugi di mana pemohon boleh memohon dan antaranya adalah kerana apabila suatu penerbitan telah diterbitkan, *damaged* telah pun berlaku walaupun ia ditarik balik, sebenarnya *damaged* telah pun berlaku.

#### ■1530

Seterusnya yang terakhir, yang terakhir saya ingin tahu bagaimana dengan tuduhan palsu jika melibatkan bab agama? Contohnya, kita ambil contoh di dalam enakmen syariah kerajaan negeri biasanya akan ada kesalahan-kesalahan berkait dengan satunya adalah yang paling penting saya rasa adalah tuduhan zina. Apabila berlaku tuduhan zina adakah ianya diambil kira ataupun dibuat pertuduhan di dalam akta ini ataupun kemungkinan boleh dibuat suatu pengecualian di mana kesalahan-kesalahan yang berkait dengan hal agama ataupun kesalahan-kesalahan berita tidak benar ataupun palsu yang melibatkan enakmen-enakmen syariah di negeri-negeri ianya tidak terlibat di dalam akta ini? Jadi saya ingin tahu sekiranya boleh diwujudkan suatu pengecualian berkenaan di dalam rang undang-undang ini. Dengan demikian saya mengakhiri perbahasan saya. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah binti Mohamed.

Saya jemput pula Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram.

#### 3.32 ptg.

**Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Salam sejahtera, salam 1Malaysia dan salam sehati sejiwa. Memupuk legasi keharmonian di negara ini merupakan formula untuk membawa Malaysia ke ambang kejayaan kerana Malaysia memiliki komposisi penduduk yang terdiri daripada kepelbagaian budaya dan bangsa. Hubungan harmoni yang terjalin sesama kaum ini akan memperkukuhkan lagi kedaulatan dan pembangunan negara.

Agenda perpaduan sentiasa dititikberatkan kerana dengan bersatu hati kita dapat membina sebuah negara yang aman damai, sejahtera dan rakyatnya sentiasa mementingkan perpaduan, politiknya tidak huru-hara, serta ekonomi yang baik dan dapat menarik minat pelabur asing. Inilah perkara-perkara yang paling asas bagi kita sebagai rakyat Malaysia untuk menjadi

pemangkin kepada kemajuan negara. Walau bagaimanapun, kini negara kita sudah diancam oleh penyebaran berita tidak benar semata-mata untuk menimbulkan kekeliruan dan keresahan rakyat bagi menggugat keyakinan, perpaduan, kesejahteraan dan keselamatan negara.

Sebenarnya penyebaran berita tidak benar sudah dipopularkan sejak zaman-berzaman. Isu fitnah dan berita palsu ini bukan hanya berlaku ketika hampir musim pilihan raya tetapi sudah menjadi tradisi sejak berkurun lamanya. Hanya kini kaedah penyebarannya yang berubah dan lebih pantas. Jika zaman dahulu ia tersebar dalam bentuk surat layang dan khabar-khabar angin tetapi sekarang lebih cepat dengan perkembangan media sosial.

Sentimen berita tidak benar ini bukan hanya berlaku di negara kita malah di peringkat antarabangsa ekoran revolusi teknologi komunikasi yang berkembang dengan pesat dan terlalu pantas. Penyebaran berita tidak benar adalah untuk menarik perhatian masyarakat dengan menokok tambah berita supaya ianya lebih meyakinkan. Memang nyata berita tidak benar disiarkan dengan niat jahat yang mengaburi mata pembaca bagi menimbulkan keraguan rakyat terhadap kemampuan dan kecekapan agensi-agensi kerajaan serta kepimpinan negara dalam melaksanakan tugas mereka mentadbir negara. Banyak negara seperti Amerika Syarikat, *United Kingdom*, Jerman, Perancis, Singapura dan Filipina sudah mula bertindak untuk menangani isu penyebaran berita tidak benar melalui peruntukan undang-undang yang khusus.

Oleh yang demikian, kita sebagai sebuah negara yang berdaulat dan mengutamakan keharmonian adalah perlu untuk menguatkuasakan...

**Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah:** Penjelasan sahaja. Yang Berhormat Senator dalam perbahasannya merujuk kepada beberapa negara yang juga telah mengamalkan undang-undang lebih kurang macam undang-undang ini untuk menekan isu berita palsu. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat, daripada pengetahuan Yang Berhormat, adakah negara-negara ini mengikut proses yang sama seperti kita dari aspek *public engagement* atau *various stakeholder engagement*? Contoh macam *you* cakap Singapura, Perancis *even Germany for that matter*, New Zealand contoh, adakah pada pengetahuan Yang Berhormat ada proses *engagement*? Terima kasih

**Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram:** Terima kasih, Yang Berhormat. Memang ada peruntukan yang khusus di negara-negara seperti Amerika Syarikat, memang ada. Jadi oleh yang demikian kita sebagai sebuah negara yang berdaulat dan mengutamakan keharmonian adalah perlu untuk menguatkuasakan satu undang-undang bagi menyekat penularan berita tidak benar dalam kalangan masyarakat kita. Kita perlu perang habis-habisan budaya penyebaran berita tidak benar kerana ianya:



- (i) memecah-belahkan perpaduan dan keharmonian dalam kalangan masyarakat Malaysia;
- (ii) menjadi senjata untuk menabur kebencian terhadap kerajaan yang memerintah;
- (iii) melemahkan pentadbiran negara dengan memberikan persepsi negatif kepada pelabur;
- (iv) memberi kesan negatif kepada reputasi seseorang atau sesebuah organisasi;
- (v) menyebabkan kerugian jika melibatkan wang Ringgit;
- (vi) meruntuhkan institusi keluarga; dan
- (vii) menjadi satu budaya dalam kalangan masyarakat Malaysia walaupun ianya bertentangan dengan ajaran agama untuk semua kaum.

Undang-undang yang seiring dikaitkan dengan perkara ini adalah seperti Kanun Keseksaan, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 yang telah digubal pada atau sebelum tahun 90-an masih tidak dapat menangani sifat kesalahan yang kompleks seiring dengan peredaran teknologi terkini.

Justeru, bagi menzahirkan komitmen kerajaan untuk menangani penularan berita tidak benar ekoran revolusi teknologi komunikasi yang berkembang dengan pesat dan terlalu pantas ini adalah wajar untuk menguatkuasakan Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar 2018 yang memperuntukkan denda maksimum RM500,000 atau penjara sehingga enam tahun jika disabitkan kesalahan membuat atau menyebarkan berita tidak benar.

Akhir sekali, marilah kita bersama-sama berganding bahu untuk menyokong Rang Undang-undang Anti Berita Tidak Benar 2018 demi menjaga keharmonian dan kedaulatan negara. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram. Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas Umbul. Silakan. Ada?

Tidak ada kita beralih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhammad bin Mustafa.

**3.39 ptg.**

**Tuan Haji Muhammad bin Mustafa:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh... [Membaca doa dalam bahasa Arab]*

**■1540**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk sama membahaskan Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar 2018. Rang Undang-undang ini sudah di bahas dengan begitu panjang di Dewan Rakyat dan berbagai-bagai hujah dikemukakan. *Alhamdulillah* pada hari ini sekali lagi kita membahaskan undang-undang ini dan *Insyallah* kita akan mendapat satu lagi pandangan-pandangan hujah terhadap undang-undang ini.

Berdasarkan kepada Islam sebagai agama Persekutuan, di dalam Islam ini terdapat dua jenis undang-undang. Ini merujuk kepada Islam sebagai agama Persekutuan yang menjadi asas kepada semua undang-undang yang lain. Menurut Islam, undang-undang ini ada dua jenis. Yang pertama undang-undang yang telah ditetapkan oleh Allah SWT yang wajib dilaksanakan oleh kerajaan dan tidak boleh diketepikan sama sekali. Itulah undang-undang jenayah Islam yang dikenali dengan istilah undang-undang hudud atau qisas yang menjadi hak mutlak Allah SWT untuk kerajaan melaksanakannya.

Satu duka cita yang amat sangat. Undang-undang ini diketepikan ataupun ditangguhkan pelaksanaannya sehingga hari ini. Kita sudah merdeka selama 60 tahun tetapi undang-undang jenayah Islam yang menjadi hak Allah SWT yang mesti kerajaan mengambil berat untuk dilaksanakannya masih lagi tertangguh setakat hari ini. Sedangkan undang-undang yang lain sudah banyak dilaksanakan. Jadi saya bercadang supaya kerajaan juga melihat ataupun mengambil berat terhadap undang-undang yang menjadi hak Allah SWT untuk kita laksanakan.

Jenis yang kedua ialah undang-undang takzir yang diberi kuasa oleh Allah SWT kepada kerajaan ataupun pemerintah untuk membuat undang-undang mengikut keperluan negara dari semasa ke semasa. Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar ini termasuk dalam golongan undang-undang takzir di bawah kuasa pemerintah. Sebagaimana kita sedia maklum bahawa undang-undang ini ada hubung kait dengan agama khususnya agama Islam. Undang-undang yang menjadi hak Allah SWT sebagaimana saya katakan tadi, undang-undang hudud dan qisas ini menjadi undang-undang yang bertaraf fardu kifayah yang wajib dilaksanakan dan sekarang kita sudah menangguhkan sampai 60 tahun lamanya.

Sebagaimana juga kita sedia maklum setiap perintah Allah yang bertaraf fardu kifayah itu jika tidak dilaksanakan, semua pihak menanggung dosa dan dianggap sebagai satu kesalahan yang ditanggung oleh semua pihak sama ada kerajaan ataupun rakyat. Ini merupakan satu risiko. Sebagaimana juga kita sedia maklum, setiap orang Islam adalah berhak untuk hidup dengan undang-undang Islam dan berhak untuk menuntut kerajaan untuk melaksanakannya. *Alhamdulillah* di negara Malaysia sekarang kita sedang menikmati keharmonian dan juga

kebahagiaan, kemajuan sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat -Yang Berhormat sebelum ini. Kita adalah bertanggungjawab untuk menjaga negara ini daripada segala ancaman termasuklah ancaman yang boleh meruntuh perpaduan rakyat dan juga hubungan di antara parti pemerintah dan juga parti pembangkang.

Kalau kita tengok dalam sistem demokrasi kita, pembangkang sebenarnya bukan musuh kerajaan. Pembangkang bukan musuh kerajaan. Dia adalah pembantu kerajaan. Apabila kita tengok dalam budaya demokrasi di dalam negara kita ini, pembangkang dilihat sebagai musuh kerajaan. Bukan *partner building*. Padahal dalam sistem demokrasi, pembangkang juga diinstitusikan dan dibina oleh demokrasi institusi yang perlu dihormati. Sama ada kerajaan ataupun pembangkang sama-sama berusaha membina negara dan sama-sama membina kebaikan di negara ini. Sepatutnya kita saling hormat-menghormati. Kita cuba cari jalan supaya kita boleh bersatu dalam perkara yang disepakati dan saling hormat-menghormati di antara perkara-perkara yang berbeza.

Jadi saya harap budaya-budaya ganas dalam sistem demokrasi kita ini dapat dihentikan dan dibersihkan segera supaya rakyat dapat menikmati budaya demokrasi yang sihat. Bukannya budaya demokrasi yang ganas yang boleh menghancurkan perpaduan negara yang menjadi ancaman kepada negara itu sendiri.

Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar ini ada termasuk dalam golongan undang-undang takzir yang mana kerajaan berhak menyedia dan melaksanakan untuk menjaga kepentingan dan keselamatan rakyat dan negara. Oleh sebab Islam menjadi agama rasmi negara ini, maka sesuatu undang-undang yang hendak dilaksanakan mestilah mematuhi syariat. Oleh itu saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan sejauh mana undang-undang ini mematuhi syariat? Sekarang ini kita sudah- *alhamdulillah* kita tengok sistem ekonomi Islam yang dilaksanakan di Malaysia sekarang melalui sistem perbankan Islam. Di sana ada satu jawatan khusus untuk memastikan produk-produk bank itu tidak bercanggah dengan syariat dan mematuhi syariat.

Saya rasa pihak penggubal undang-undang juga perlu ada satu jawatankuasa khas yang memastikan supaya apa saja undang-undang ini tidak bercanggah dengan Perlembagaan negara dan juga mematuhi syariat kerana ia merupakan suatu tanggungjawab kerajaan supaya apa sahaja yang dilaksanakan itu mematuhi syariat demi kepentingan hidup di dunia ini dan juga di akhirat nanti. Kita jangan hanya melihat di dunia sahaja. Sebab kita hidup ini masih panjang lagi. Kita mempunyai siri kehidupan yang terakhir yang bernama akhirat. Oleh hal yang demikian, dalam undang-undang pun akidah ini mestilah diambil kira supaya undang-undang itu tidak membuat risiko di masa hadapan di akhirat nanti. Mendua undang-undang ataupun kita

meletakkan sesuatu undang-undang sama taraf dengan undang-undang Allah ataupun lebih daripada undang-undang Allah SWT.

Kita mendaulatkan sesuatu undang-undang yang bertentangan dengan undang-undang Islam. Itu akan termasuk ke dalam golongan syirik. Menduakan Allah dari segi undang-undang. Jadi kita bimbang akan berlakunya satu syirik nasional yang sangat berbahaya kepada masa hadapan rakyat dalam siri kehidupan di akhirat nanti. Oleh hal yang demikian kita mengharap negara kita Malaysia sebagai negara Islam yang bertauhid kepada Allah dan menjauhi segala jenis syirik yang boleh membuat risiko besar ke dalam kehidupan kita di akhirat nanti. Ini kerana orang-orang yang terlibat dengan syirik akan menghadapi empat risiko yang sangat besar.

Yang pertama, syirik itu sendiri boleh membatalkan seluruh amalannya di dunia ini. Yang kedua, jika ia gagal bertaubat sebelum meninggal dunia, maka dosa syirik itu tidak akan di ampun lagi oleh Allah di akhirat nanti. Walaupun semua manusia memohon ampun kepadanya. Yang ketiga, syirik juga akan mengharamkan seseorang daripada syurga Allah SWT. Yang keempat, syirik juga akan mengekalkan seseorang itu ke dalam neraka- *nauzubillahiminzalik*. Syirik itu akan berlaku apabila sesuatu undang-undang itu bercanggah dengan syariat Allah SWT sebagaimana yang disebut oleh Profesor Dr Yusuf Al Qaradawi dalam satu tulisannya... [*Berucap dalam Bahasa Arab*] “Maka sesiapa yang mengikut yang lain daripada Allah maka sesungguhnya dia telah melakukan syirik”.

#### ■1550

Oleh yang demikian kita tidak mahu, kita melakukan suatu syirik dalam undang-undang apabila undang-undang kita buat itu bercanggah dengan undang-undang Allah atau mengatasi undang-undang Allah. Saya juga ingin bertanya adakah penyediaan rang undang-undang ini sudah melalui satu jawatankuasa, yang selalu disebut sebagai jawatankuasa mengharmonikan di antara syariat dan undang-undang sivil.

Sejauh mana jawatankuasa ini berperanan, untuk mengharmonikan di antara undang-undang syariat dan undang-undang sivil di negara ini? Sudah berapa jumlah undang-undang yang dilaksanakan pengharmonian ini? Kita sangat bergembira sekiranya undang-undang jawatankuasa ini dapat berperanan mengharmonikan di antara syariat dengan undang-undang sivil, supaya sebarang undang-undang mematuhi syariat.

Tuan Yang di-Pertua, berita tidak benar atau berita palsu, adalah merupakan suatu jenayah yang sentiasa berlaku sepanjang sejarah manusia. Banyak mangsa-mangsa yang sudah dizalimi dengan berita palsu, sebagaimana yang disebut oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum ini. Berita tidak benar atau berita palsu bukan sahaja dilakukan terhadap manusia biasa, malah

berita tidak benar atau berita palsu ini dilakukan juga terhadap Allah itu sendiri. Banyak berita-berita palsu dalam agama yang sengaja diadakan terhadap Tuhan, terhadap Rasulullah, terhadap para Sahabat dan sebagainya. Banyaknya lahir hadis-hadis yang palsu yang boleh memecahbelahkan masyarakat.

Berita tidak benar atau berita palsu adalah suatu kesalahan dan dosa yang sangat besar di sisi agama Islam dan juga saya yakin agama-agama lain pun dianggap satu kesalahan yang besar. Saya juga mencadangkan supaya aspek keagamaan ini sama ada agama Islam ataupun agama-agama yang lain bersatu, berusaha mendidik masyarakat untuk membasmi tabiat yang buruk, supaya tabiat yang buruk ini tidak mengancam keselamatan negara.

Faktor keagamaan adalah sangat penting dikuatkuasakan, supaya negara kita ini bukan sahaja kuat dari segi ekonomi, dari segi tamadun, kemajuan dan sebagainya tetapi asas keagamaan, sama ada agama Islam dan juga agama-agama yang lain dikuatkuasakan. Ini kerana faktor agama merupakan satu faktor yang sangat penting untuk mendidik masyarakat, mendidik rakyat menjadi warganegara yang berakhlak mulia ataupun berintegriti untuk menjaga keselamatan negara.

Akibat daripada kelemahan aspek agama, sama ada agama Islam dan juga agama-agama lain, sekarang berlaku berbagai-bagai penyalahgunaan dalam negara kita seperti penyalahgunaan manusia, penyalahgunaan kuasa, penyalahgunaan undang-undang, penyalahgunaan dadah dan termasuklah penyalahgunaan media sosial. Ini semua adalah merupakan ancaman-ancaman kepada keselamatan negara.

Di dalam berita palsu ini ada tiga perkara yang terlibat. Pertama pembuat berita palsu itu sendiri, sama ada berita itu keluar di dalam negara ataupun di luar negara. Kedua ialah tajuk berita palsu itu dan yang ketiga mangsa berita palsu itu sendiri. Saya harap tiga perkara ini diberi perhatian dalam konteks untuk penguatkuasaan terhadap undang-undang ini, supaya berlakunya keadilan dan keadilan itulah merupakan teras kepada sesuatu undang-undang.

Mengikut prinsip Islam... [*Membaca sepotong Hadis*] iaitu, setiap orang itu tidak bersalah, kecuali ia nya di bukti bersalah. Dalam pembuktian inilah kita harap pihak kerajaan mempunyai satu pendekatan yang adil, supaya tidak ada orang yang dizalimi dan dianiaya dan setiap orang itu pada asalnya tidak bersalah kecuali ianya di bukti bersalah dan untuk membuktikan dia bersalah, sebagaimana mengikut kaedah Islam... [*Membaca sepotong Hadis*] Ini suatu kaedah yang masyhur dalam perundangan Islam. Bukti itu adalah menjadi tanggungjawab kepada orang yang berdakwa dan orang yang mengingkari dia adalah bertanggungjawab untuk bersumpah. Itu mengikut kaedah Islam. Adalah tidak adil kalau sekiranya seseorang itu dituduh, kemudian

diminta untuk membuktikan bahawa ia tidak bersalah. Sebenarnya bukti untuk menentukan ianya bersalah adalah menjadi tanggungjawab bagi pihak penuduh.

Jika ia gagal membuktikan ia bersalah, sebenarnya dia telah tidak bersalah. Saya juga ingin menyatakan bahawa pihak kerajaan harus melihat kepada orang yang menuduh dan gagal membuktikan sesuatu tuduhan supaya orang yang dituduh itu tidak di mangsakan begitu sahaja. Orang yang dituduh dan ternyata dia tidak bersalah mestilah diberi ganti rugi sebagaimana disebut oleh Yang Berhormat sebelum ini, supaya orang yang menuduh itu memberi ganti rugi kerana imejnya atau maruahnyanya sudah tercalar dan dia telah mengalami sesuatu penyeksaan kerana tuduhan yang palsu itu.

Kita harap, walaupun undang-undang ini ada pro dan kontranya, kita harap ia dapat dilaksanakan dengan baik demi untuk menjaga keselamatan negara kita ini daripada dibanjiri oleh berita-berita palsu. Jikalau sekiranya, berita-berita palsu ini tidak dapat dikawal, ia akan menjadi satu masalah besar dan menjadi satu ancaman bukan sahaja kepada rakyat tetapi juga kepada kerajaan itu sendiri. Kita harap kedua-dua pihak sama ada kerajaan ataupun pembangkang, ataupun rakyat saling menjaga supaya tidak melakukan berita-berita palsu ini dan undang-undang ini akan memberikan keadilan kepada semua pihak.

Saya berkeyakinan jika pihak kerajaan menjadi contoh kepada rakyat dalam masalah kejujuran dalam sesuatu berita, *Insyaa-Allah* rakyat juga akan mengikuti dan semua pihak akan menjaganya. Media-media massa di bawah kontrol ataupun di bawah kuasa kerajaan- adalah dipastikan tidak menjadi suatu agen untuk menyebarkan berita-berita palsu. *Insyaa-Allah* jika semua pihak dapat menjaga, supaya tidak mengadakan berita-berita palsu, negara ini akan menikmati keamanan dan keselamatan yang berterusan, dengan izin Allah SWT.

Dengan kata-kata itu, saya menyokong undang-undang ini, *Wallahualam. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhammad bin Mustafa dalam memperkatakan yang baik.

Sekarang saya menjemput semula Yang Berhormat Datuk Dr. Lucas Umbul.

### **3.59 ptg.**

**Senator Datuk Dr. Lucas Umbul:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya ruang dan peluang untuk membahaskan mengenai Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar 2018. Salam sejahtera dan salam negaraku Malaysia. Ibarat kata pepatah, berani kerana benar, takut kerana salah.

Tuan Yang di-Pertua, tidak ada apa yang perlu ditakutkan dengan penggubalan Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar 2018 ini jika kita tidak membuat apa-apa kesalahan melibatkan penyebaran maklumat yang tidak benar.

■1600

Perkara ini juga pernah berlaku ketika kerajaan melaksanakan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2010 atau SOSMA. Ketika SOSMA dicadangkan penggubalannya pelbagai pihak membantah dan mempersoalkan langkah tersebut. Namun begitu jika dilihat semula berapa banyak kes SOSMA yang kerajaan jatuhkan hukuman? Berapa ramai pula yang sudah dipenjarakan? Bukan semua yang disiasat di bawah SOSMA dikenakan hukuman penjara. Jadi setiap undang-undang digubal kerajaan adalah semata-mata untuk memastikan keharmonian, keamanan dan kestabilan negara kerana penyebaran berita sedemikian boleh menjatuhkan negara.

Undang-undang melibatkan berita tidak benar adalah penting dalam usaha memastikan Malaysia, negara kita ini tidak diancam terutamanya dari segi politik dan ekonomi sehingga akhirnya menggugat demokrasi negara kita. Masalah ini sebenarnya menjadi krisis global kerana kebanyakan negara menghadapi masalah kebenaran berita yang dikeluarkan terutamanya melibatkan isu keganasan.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya dahulu kita kenal dengan pepatah, dengan izin, *the pen is mightier than the sword* atau mata pena lebih tajam dari pedang. Akan tetapi kini zaman telah berubah dengan pantas, sesiapa yang pandai memanipulasi berita atau media sosial, mereka ini boleh memusnahkan sesebuah negara. Saya pernah berkata kepada bahas Titah Diraja baru-baru iaitu membina dan membangun sesuatu tamadun memang sukar tetapi untuk menjatuhkan sesuatu tamadun dan bangsa adalah amat mudah sekali. Jangan nanti apabila negara kita sudah tidak aman sudah tidak tenteram, sehingga persengketaan berlaku di mana-mana sahaja barulah kita sedar kenikmatan kemakmuran yang telah hancur dan kita menangis berdarah pun tidak ada gunanya lagi.

Syabas dan tahniah kepada kementerian dan kerajaan kerana membawa rang undang-undang ini dipenggal terakhir kita, bagi saya rang undang-undang ini lebih kepada dengan izin preventif di mana kita harus mencegah sebelum berlakunya malah petaka. Pencegahan rang undang-undang ini juga menunjukkan keprihatinan kerajaan dalam melindungi hak dan kebebasan rakyat tujuan rang undang-undang ini ditujukan oleh sebab lambakan berita palsu di media sosial contohnya di *Facebook*, *Twitter* dan sebagainya.

Semua platform yang saya sebutkan tadi berasal dari luar, pernah sekali kerajaan dicabar untuk menutup akaun *Facebook* tetapi mendapat banyak respons dan tentang dari orang ramai maka kerajaan membenarkan *Facebook* namun berita palsu masih lagi menular di media sosial. Sekiranya kita masih ingat insiden di negeri saya di negeri Sabah di Bawah Bayu, insiden Lahad Datu yang telah membuka mata semua pihak di negara kita, apabila berlaku insiden tersebut di negeri Sabah- insiden ini hampir menggugat kedaulatan dan keselamatan negara kita.

Pada ketika itu banyak cerita, berita seolah-olah Sabah sudah dijajah dan kerajaan tidak menjalankan tugas dengan sempurna. Saya bersyukur insiden Lahad Datu telah tamat dan negara kita berjaya di pertahankan tetapi dengan menjelangnya PRU ini dan ancaman terhadap Sabah maka saya melihat keperluan rang undang-undang ini amat penting sekali. Saya tidak akan berbahas panjang ini kerana sahabat Ahli-ahli Yang Berhormat telah berbahas dengan panjang lebar. Saya seperti biasa akan berbahas mengenai kepentingan dan perlindungan yang rang undang-undang ini boleh beri untuk rakyat kita di Malaysia.

Perkara pertama yang ingin saya sentuh ialah dari segi fitnah kepada kerajaan, ada pihak pasti akan membuat tuduhan di mana kerajaan akan mengambil peluang-peluang dari undang-undang ini dan akan menggunakannya untuk perkara-perkara yang tidak telus. Saya sama sekali tidak bersetuju dan menyangkal perkara ini maka saya pohon pencerahan dari pihak kementerian agar rakyat akan tahu bahawa semua usaha dan langkah-langkah yang diambil kerajaan adalah demi untuk melindungi rakyat kita.

Rang undang-undang ini untuk melindungi hak dan kepentingan rakyat tidak kira warna kulit, agama dan latar belakang politik. Saya ingin tahu sama ada kementerian akan mengadakan lebih banyak kempen kesedaran dan sesi dengan izin, *engagement* ataupun setidak-tidaknya menyediakan *infographic* ringkas di media massa bagi menerangkan keadaan sebenar dan yang paling utama dapat menerangkan kepada rakyat bahawa hasrat kerajaan membawa rang undang-undang ini ke Dewan untuk menyekat penularan berita palsu dan bukannya menyekat kebebasan bersuara.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh mengenai *guideline*, sedia ada bagi memerangi dan membendung berita palsu apakah *standard operating procedure* atau SOP yang ditentukan oleh kerajaan bagi memastikan berita itu benar atau tidak benar. Ada beberapa peringkat suatu berita itu akan dikaji, di analisa dan di label sebagai berita palsu oleh kementerian? Berapakah agensi kerajaan yang akan melibatkan diri dalam mengkaji berita itu?

Kenapa saya utarakan perkara di atas Tuan Yang di-Pertua? Ini kerana saya ada terbaca satu artikel yang sahih di mana sebuah universiti di Amerika Syarikat telah berjaya mencipta satu



perisian komputer bagi meniru atau mimik rupa wajah manusia termasuk suara orang itu. Ini bermakna muka dan wajah seseorang manusia boleh di ubah suai dengan perisian komputer. Universiti tersebut menyatakan bahawa tujuan diwujudkan perisian ini adalah bagi tujuan bidang pengiklanan tetapi saya lihat aplikasinya boleh membawa satu fasa baru dalam berita palsu atau *fake news*, dengan izin. Soalan saya, adakah kementerian sedar mengenai pembaharuan teknologi di luar negara? Adakah kementerian bersedia untuk menghadapi perkara ini?

Tuan Yang di-Pertua, selain dari rang undang-undang di hadapan kita yang ada sekarang ini, kita juga ada peruntukkan dalam undang-undang lain bagi membendung berita palsu sebagai contoh Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, Akta Hasutan dan Akta Fitnah termasuk juga seksyen 233, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Bagaimana rang undang-undang ini tidak akan berlaku konflik dengan akta-akta yang saya sebutkan tadi di atas?

Saya ingin bertanya mengenai fasal 7, di mana mengadakan peruntukkan untuk menghapuskan berita penerbitan tidak benar dengan kuasa mahkamah, peruntukkan ini juga memberi kuasa kepada mahkamah untuk menurunkan atau mengeluarkan berita dari media dan internet. Soalan saya, bagaimana pula dengan syarikat atau platform media sosial yang mendapat arahan mengeluarkan berita tersebut tetapi berpangkalan di luar negara dan sekiranya platform tersebut sebuah syarikat platform besar seperti *Facebook* atau *CNN* dan mereka tidak mahu mengikut arahan dari mahkamah Malaysia. Apakah tindakan kerajaan boleh lakukan untuk melindungi individu dan negara?

Akhir kata, saya berharap agar rang undang-undang ini apabila diluluskan akan berfungsi sepenuhnya dalam melindungi dan membawa kesejahteraan kepada rakyat Malaysia keseluruhannya, semoga kita semua dilindungi dari berita palsu, dengan izin, *fake news is bad news*. Sedarlah pada hakikat dan sedarlah siapa kita, kadangkala kebijaksanaan lebih baik daripada keberanian dan saya mengambil sebuah lirik penyanyi Indonesia yang bertajuk *Damai Bersamamu*, saya baca lirik dia.

#### ■1610

**Datuk Dr. Lucas Umbul:** Dia kata, kalau ku nyanyi saya tidak pandai- nanti terbang, dia kata,

*“Jangan biarkan damai ini pergi,  
Jangan biarkan semuanya berlalu,  
Hanya kepada-mu Tuhan,  
Tempat ku berteduh,  
Dari semua kepalsuan dunia.”*

Dengan kata-kata itu Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar 2018. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, kita mencari kedamaian, ya. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Dr. Lucas Umbul.

Sekarang saya minta pula Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid. Dipersilakan Dato'.

#### 4.11 ptg.

**Dato' Isa bin Ab. Hamid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya untuk sedikit perbincangan Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar ini. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam negaraku.

Berita tidak palsu atau tidak benar adalah suatu ancaman keselamatan. Jika dulu ancaman dilihat dalam bentuk fizikal sahaja, serangan senjata, pencerobohan sempadan, tawanan anggota dan sebagainya. Kini ancaman berbentuk serangan psikologi, serangan siber yang mencorak pemikiran dan elemen unsur tidak benar, palsu, hasutan, penipuan, fitnah dan apa jua yang menyebabkan kepada berita tidak benar. Berita palsu atau tidak benar ini akan melahirkan ketidakselesaan, curiga, prasangka, kebencian, perpecahan dan ketidakselamatan diri, keluarga, masyarakat, nagara dan agama.

Tuan Yang di-Pertua, bagi sebilangan masyarakat berita palsu juga mudah dipercayai malahan ia seolah-olah mengambil perhatian pembaca. Kandungan berita yang disensasikan boleh menyebabkan emosi seseorang terganggu, perasaan bimbang, mewujudkan penghinaan, menyemarakkan kemarahan, mewujudkan perasaan kecewa dan sebagainya. Ditambah dengan sikap tidak bertanggungjawab sesetengah individu ketika memuat naik maklumat di media sosial tanpa usul periksa dan akibat perbuatan ini terpaksa banyak pihak menanggung malu dan masalah.

Tuan Yang di-Pertua, berita palsu juga menular dalam masyarakat Orang Asli. Terdapat berita palsu ataupun berita tidak benar di mana JAKOA didakwa akan ditutup. Ini adalah agenda pihak tertentu yang sememangnya mewujudkan kebencian kepada pemimpin dan kerajaan. Sememangnya masyarakat Orang Asli adalah penyokong setia kepada Barisan Nasional dan kerajaan. Namun ia *diviralkan* untuk memecahkan hubungan baik kerajaan dan masyarakat Orang Asli dengan berita tersebut. Terdapat juga dakwaan Majlis Batin dan Pengerusi JAKOA, JK KOA Negeri Pahang yang menentang Dasar Pemilikan Tanah kepada masyarakat Orang Asli. Sedangkan seorang dua Batin yang menyokong perkara tersebut didakwa sebagai keputusan

majoriti Batin-batin dalam perkara ini. Akhirnya, Batin-batin dan pengerusi JKK Orang Asli selisih faham atas perkara tersebut.

Baru-baru ini timbul juga isu tidak benar lagi, tentang pembayaran elaun yang dikatakan tidak dibayar kerana Batin-batin tidak mempunyai alamat e-mel atau *email address*, dengan izin, walhal kelewatan tersebut kerana sistem pembayaran *online* yang terkini yang bermasalah kerana talian yang rendah. Perkara ini juga menyebabkan suasana yang tidak selesa di antara Batin-batin dengan JAKOA. Maka di sini melihat betapa pentingnya rang undang-undang ini perlu dilaksanakan demi kesejahteraan masyarakat dan negara.

Usaha kerajaan mengurangkan hukuman penjara 10 tahun kepada enam tahun amatlah dipuji sebagai langkah awal mewujudkan kesedaran dan pendidikan dan hukuman ini juga disarankan supaya diteliti dengan lebih baik. Manakala denda yang dikenakan sehingga RM500,000 menunjukkan kesungguhan kerajaan dalam membanteras berita tidak benar ini mahupun ia dilakukan di dalam negeri ataupun di luar negara. Perlaksanaan ini amat penting demi mencerminkan ketegasan dan komitmen kerajaan atas perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sesuai dengan kepentingan untuk menjaga keamanan dan keharmonian masyarakat terutamanya dalam negara, satu jawatankuasa khas yang terdiri daripada Polis Diraja Malaysia, Jabatan Peguam Negara, Majlis Keselamatan Negara, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia, Kementerian Komunikasi dan Multimedia dan Hal Ehwal Undang-undang telah dibentuk untuk meneliti sama ada peruntukan yang sedia ada masih boleh diguna pakai untuk menangani ancaman baru ini. Penelitian ini adalah penting kerana masalah penularan berita palsu ini bukan sahaja melalui medium pencetakan dan penyiaran, malah media di talian *online*.

Kesimpulannya, ancaman berita palsu dan penularan ini tidak akan berakhir dengan tindakan penguatkuasaan dan pemantapan undang-undang semata-mata. Ia juga berkaitan dengan sikap dan mentaliti para pembaca dan pengguna talian media. Berita palsu atau berita tidak benar secara perlahannya mencero bohi hampir setiap ruang kehidupan kita. Kita mestilah mendahului, kita mestilah terlebih dahulu memahami tujuan dan kemudian membuat segala usaha untuk menghentikan penularan ini. Akhir sekali, saya menyokong rang undang-undang ini demi kesejahteraan negara. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid. Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Dato' Fahariyah binti Haji Mohd Nordin. Silakan.

#### 4.16 ptg.

**Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan dan memberi peluang kepada saya untuk turut serta membahaskan Rang Undang-undang Akta Antiberita Tidak Benar 2018.

Semestinya rang undang-undang ini yang menjadi polemik, politik dan juga dijadikan *viral* berita tidak benar akan mencuri tumpuan rakyat Malaysia apabila ia diluluskan dan diwartakan oleh Dewan Negara.

Sebelum saya mengutarakan pandangan saya dalam perbahasan ini, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana amat cemerlang dalam membentangkan rang undang-undang ini dan lulus di Dewan Rakyat walaupun terpaksa menepis tohmahan liar dan prasangka negatif pihak-pihak yang selepas ini tidak lagi mempunyai *avenue* untuk menularkan fitnah, kejian dan maklumat palsu di dalam media sosial.

Tuan Yang di-Pertua, penggunaan media sosial pada masa kini amat *significant* kepada masyarakat kita. Dari warga emas hinggalah kepada budak tadika, penggunaan telefon bimbit pintar dan aplikasi *internet* jalur lebar telah menjadi sinonim dalam masyarakat kita.

Saya ingin menegaskan dan mengingatkan sahabat-sahabat Ahli Dewan yang mulia ini, rang undang-undang yang dikemukakan untuk kita bahas ini bukanlah hanya memberi manfaat kepada pihak kerajaan sebagaimana yang dimomokkan oleh sesetengah pihak. Kita perlukan rang undang-undang ini sebagai gandingan lengkap dan pemantapan siri perundangan digital terutamanya seksyen 233, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 agar tindakan bersepadu dapat dilakukan tanpa mengira bahan terbitan berita tidak benar ini dibuat oleh individu, pegawai kerajaan atau institusi mahupun pemimpin dan pengikut parti politik.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berkongsi sedikit tentang masalah *accountability* dan keutuhan pengguna akaun media sosial dan kebertanggungjawaban mereka dalam menular penerbitan berita tidak benar ini. Fenomena ini bukan sahaja berada dan berlaku di institusi politik, malah di pelbagai sektor termasuklah sektor awan juga masalah ini berlaku. Pada sidang Dewan Disember yang lalu, saya mendapat makluman bahawa ada seorang sahabat saya yang mana terdapat seorang individu telah *screenshot* status *Facebook* beliau dan *dipaste* dalam *WhatsApp group* rasmi pejabat beliau.

Dalam pejabat beliau ada pegawai dalam kumpulan tersebut memaklumkan kepada sahabat saya bahawa cetakan skrin status *Facebook* beliau telah ditular dalam *WhatsApp group* pejabat mereka. Salinan cetakan skrin *WhatsApp group* rasmi pejabat diberikan kepada saya.

Sahabat saya telah menulis surat kepada Ketua Pengarah dan disalinkan kepada Timbalan Ketua Pengarah dan Ketua Pengarah agar memohon supaya pentadbir *WhatsApp group* pejabat yang menularkan dalam kumpulan mereka menghapuskan cetakan skrin status *Facebook* beliau kerana ia satu fitnah dan berita yang tidak benar. Hendak tahu apa jawapan Ketua Pengarah berkenaan kepada sahabat saya? "*Go ahead, do whatever you think right and appropriate*", dengan izin.

#### ■1620

Bayangkan, senang sahaja jawapan oleh sebab isu berita tidak benar ini tidak mempunyai kerangka perundangan sebagai set pelengkap. Sahabat saya ada bertemu dengan MCMC, tetapi pada masa tersebut MCMC memaklumkan kita tidak ada satu peruntukan undang-undang untuk memastikan akauntabiliti pemilik, atau pentadbir *group WhatsApp* diarah untuk menghapuskan atau menyahturunkan kandungan penerbitan tidak benar kerana kekangan perundangan. Ini adalah kekangan yang terdapat di dalam had seksyen 233, Akta Komunikasi dan Multimedia.

Oleh itu saya menyeru agar semua pihak menyokong pembentangan RUU ini dan ia perlu dikuatkuasakan segera bagi membendung fenomena penularan penerbitan berita palsu yang merencatkan keharmonian negara, integriti institusi dan tatasusila pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini penggunaan aplikasi *WhatsApp* sebagai saluran komunikasi amat diminati dan majoriti pengguna telefon pintar menggunakan aplikasi ini. Akan tetapi, sedarkah kita bahawa *WhatsApp* ini hanya ditetapkan penggunaannya kepada pengguna yang berumur melebihi 13 tahun sahaja? Kalau kita lihat dalam undang-undang *WhatsApp*, ada mengatakan bahawa dalam segmen, '*about your services*' dia ada sebut, "*on the category of age...*" dengan izin, "*...you must be atleast 13 years old to use our services.*" It means that, *WhatsApp* menetapkan hanya umur sekurang-kurangnya 13 tahun yang boleh menggunakan servis yang ditawarkan oleh *WhatsApp*.

Oleh itu saya ingin mendapatkan kebenaran atau penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, sejauh manakah RUU ini dapat membendung perlakuan jenayah menyebarkan berita tidak benar ini dapat ditetapkan kepada kanak-kanak atau remaja? Hal ini kerana RUU ini tidak menyatakan secara jelas mengenai batasan umur dan ruang lingkup terhadap kanak-kanak.

Oleh itu saya mohon penjelasan, bagaimanakah implikasi perundangan dari segi kesalahan juvana dan Akta Kanak-Kanak 2001 apabila akta ini dikuatkuasakan?

Kedua, apakah boleh tinjauan dan kajian dilakukan bagi memastikan penjaga atau ibu bapa bertanggungjawab sepenuhnya yang memberikan kebenaran kepada anak-anak di bawah

13 tahun sebagai mana terma perundangan *WhatsApp* mematuhi ketetapan perundangan ini lebih signifikan dan sesuai?

Ketiga, apakah agensi penguat kuasa seperti Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia atau agensi penguat kuasa lain diberikan hak secara *legitimate* untuk menguatkuasakan akta ini bagi memastikan rangkuman penguatkuasaan dapat dilaksanakan secara total dalam persekitaran zon maklumat digital negara?

Akhir kata Tuan Yang di-Pertua, saya yakin bahawa RUU ini tepat pada masanya dalam cabaran negara berdepan dengan ledakan maklumat. Pasti RUU ini bukan hanya bermotifkan politik tetapi ia akan memberikan kesan yang besar dalam usaha kita membangunkan negara dan membentuk pemikiran masyarakat madani, bermoral dan berintegriti. Sekian, saya dengan ini menyokong RUU ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah. Dipersilakan.

#### **4.23 ptg.**

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Terlebih dahulu, saya mengucapkan terima kasih kerana saya diberikan peluang untuk bercakap dan juga tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana telah berjaya membawa rang undang-undang ini telah pun diluluskan di Dewan Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ini hendak bercakap secara ikhlas sebagai seorang yang telah lama hidup di negara ini. Saya ingin memberikan sedikit nasihat kepada rakan-rakan supaya kita berfikir dengan lebih waras untuk kepentingan negara kita. Sebelum itu saya patut mengucapkan tahniah kepada semua Yang Berhormat saya perhatikan apabila kita berhujah, hujahnya baik, hujahnya bagus. Walaupun adakala kita dengar kita sakit hati, sakit telinga, sakit kepala tetapi kita tidaklah sampai kita mahu bergaduh. Iaitu kita lebih baik daripada banyak Parlimen-parlimen di negara ini, di luar negara yang kita lihat, baling kerusi, panjat meja, pukul orang, tumbuk orang dan macam-macam. Akan tetapi, ia tidak berlaku di Malaysia. Ini satu perkara yang positif yang patut kita amalkan dan sepatutnya kita berbangga sebagai rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, memanglah apabila kita membincangkan apa-apa isu sudah pasti, dengan izin, *there is always two sides of a coin*. Ia pandangan masing-masing dan adakala pandangan kita ini walaupun kita kata pandangan ini tidak berpolitik tetapi suka ataupun tidak suka disebabkan *background* kita adalah parti politik, kita memang bias terhadap parti politik yang kita anuti. Ini yang menjadi masalah bila kita sebagai manusia ada kalanya kita menjadi tidak rasional disebabkan isu-isu yang terlampau kita *taksab* yang menyebabkan banyak negara yang menghadapi banyak masalah dalam membincangkan perkara-perkara yang penting untuk negara mereka.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita bercakap tentang rang undang-undang ini, kita bukan menegah orang bercakap benar. Kita hendak mereka bercakap benar. Kita bukan tidak mahu mereka bersuara dan kita ingin menyekat kebebasan bersuara. Kita bukan bercakap dari segi menyekat kebebasan bersuara. Kita hanya minta supaya mereka bercakap benar. Ini kerana, bercakap tidak benar ini dengan fitnah, dengan berita-berita palsu tidak betul telah banyak menimbulkan banyak masalah kepada seluruh dunia. Kepada seluruh dunia.

Bahkan saya ingin mengatakan kalau kita melihat di negara kita sendiri kita cukup terbuka, kerajaan pada hari ini cukup terbuka, cukup mengambil kira perasaan orang lain dan tidak kira dia parti pembangkang. Ada kalanya kita tidak kisah sangat. Contohnya dari segi kebebasan bersuara saya hendak beritahu rakan-rakan, di negeri tempat saya tinggal di negeri Selangor, mengharamkan- saya tidak mahu *quote* negeri lain ya, saya duduk di negeri Selangor. Mengharamkan *Utusan Malaysia*, tidak dibenarkan- arahan secara *official* dikeluarkan dan tidak dibenarkan pejabat-pejabat membeli surat khabar *Utusan Malaysia*. Apakah ini satu kebebasan bersuara yang kita laung-laungkan? Bahkan, kita tahu surat khabar-surat khabar tertentu seperti *Harakah* dan *Suara Keadilan* dibenarkan.

Bagi pihak kita, saya membaca kedua-dua surat khabar ini banyak berita-berita yang tidak betul. Akan tetapi, apakah Kerajaan Pusat dan Kerajaan Barisan Nasional memerintah, mengharamkan surat khabar ini? Kita tidak mengharamkan. Kita membenarkan tetapi di negeri Selangor, sampai hati mengharamkan *Utusan Malaysia* padahal *Utusan Malaysia* ini surat khabar yang berbahasa Melayu. Kita mengharapkan sokongan orang Melayu supaya baca surat khabar Melayu. Akan tetapi, politik punya hal, sikit punya hal, kita hentam dia, kita haramkan. Apakah ini sifat yang kita laung-laungkan? Apakah ini *inhuman* ataupun tidak *inhuman* yang saya katakan tadi? *This is very inhuman!* Itu betul *inhuman*.

Maksud saya apabila kita berbincang, saya- ya lah, kita pun *alhamdulillah* saya katakan tadi, kita tidak bergaduh. Tidak seperti Parlimen yang lain ya. Saya pun walaupun nampak saya

ini garang, bermisai, tetapi saya baik hati. Saya tidak pernah marah orang. Saya tidak ada marah, saya kalau dengar sahabat-sahabat saya bercakap saya akan senyum dan saya akan angguk. Yang mana saya boleh tahan, saya akan tahan. Saya tidak bangunlah. Kalau sudah lebih sikit, saya bangun. Maksudnya kita tidak gaduh, *alhamdulillah*. Kita *Malaysian, we are good people. We should maintain this*. Saya mahu perkatakan- itu dalam negara, ini di luar negara.

Saya hendak *quote*, bulan Januari yang lepas, dua ulama dari Syria dan Iraq datang ke Malaysia. Apa ulama ini cakap? Ini ulama dari Iraq cakap apa, Al-Shaykh Al-Sayyid Afeefuddin Al-Jailani- panjang punya nama. Ulama ini berkata, "*Malaysia negara Islam terbaik amalkan kebebasan hak bersuara.*" Malaysia yang terbaik dalam semua negara Islam yang mengamalkan kebebasan hak bersuara dan beliau menegaskan bahawa Malaysia ini terbaik, mengamalkan kebebasan bersuara dan berjaya menangani masalah menerusi cara tersendiri dengan memastikan keselamatan dan keamanan dinikmati kekal iaitu bertujuan untuk keselamatan dan keamanan.

#### ■1630

Beliau mengatakan bahawa beliau mengakui Malaysia tidak 100 peratus sempurna. Namun kepimpinan sedia ada berjaya menangani setiap permasalahan sama ada di dalam atau luar negara dengan hikmah agar kedudukan baik dikecapi tidak tergadai. Maksudnya kalau kita lihat di kalangan negara-negara Islam yang sedang musnah, yang hancur, yang terbunuh, mereka menyedari betapa pentingnya kita memastikan kerajaan kita *firm* ya, tegas dalam menangani apa-apa masalah.

Saya masih ingat beberapa tahun yang lepa saya menghadiri satu seminar. Saya ingat seorang wakil daripada Pakistan bercakap. Dia kata, *you can say what you want, but* dia kata *I would like to invite you, dengan izin, to come and stay with us in Pakistan. Then you understand what I am saying*. Suasana Pakistan kita *dok* kutuk macam-macam tapi dia punya *boss* kata, kau orang ini pandai cakap saja. *Why not you come to Pakistan then you faham*. Ini contoh, ini pengalaman saya.

Begitu juga ulama di Syria ini, dia mengatakan orang Malaysia, kamu sudah cantik, kamu sudah elok, negara-negara Arab yang *homogeneous* ini pun satu kaum satu agama, satu kulit. *Yet* kita bergaduh, berbunuh-bunuhan. Negara kamu *multiracial, mutlireligious, multicultural* dapat berbaik. Dengan kekuatan kerajaan sedia ada dapat mencantumkan rakyat dan bergerak ke atas, ke hadapan. Kita lebih hebat daripada kebanyakan negara di dunia ini. Maka ulama sekali lagi kata, *come on* lah. Janganlah buat benda-benda macam ini. Kamu menghancurkan. Cukuplah, kami sudah hancur, kami cukuplah. Kamu jangan ikut kami. Maka disokong oleh ulama



daripada Syria. Apa pak sheikh ini kata, Al-Sheikh Dr. Muhammad bin Yahya Al-Ninowy. Dia kata kita jangan arahkan kesalahan kepada orang lain. Kita kena arahkan kesalahan kepada diri sendiri. Cermin muka sendiri.

Kita sepatut mengekalkan perpaduan tetapi kamu dia kata, kita di Malaysia nampaknya sekarang dia kata tidak bersatu. Asyik-asyik hendak bantai orang. Iaitu saya hendak katakan tidak kisah Tuan Yang di-Pertua kita ini parti apa, tidak kisah parti apa, saya tidak marah. Banyak rakan-rakan saya daripada parti-parti pembangkang, tidak ada hal. Saya pun orang *WhatsApp* saya pun ada parti pembangkang, tidak ada hal. *We are good friends*. Ideologi-ideologi, tetapi matlamat kita sebagai pemimpin, sebagai Ahli Dewan Negara, matlamat dalam kepala kita apa? Kita membantu kerajaan, membantu negara ini supaya negara ini menjadi sebuah negara yang aman, negara yang hebat, negara yang maju. Untuk apa? Untuk anak cucu cicit kita. Kita akan pergi. Kita hendak anak cucu cicit kita pun hidup senang, ada makan minum, tidak dibunuh, tidak dirogol, tidak dirompak, tidak dibaling bom. Itunya matlamat kita.

Makanya apa yang kerajaan buat, rang undang-undang ini itulah dia kerana seperti yang saya selalu katakan kalau kita lihat apa yang berlaku di *Arab Spring* bahkan di Iraq contoh yang saya bagi di Iraq. Ianya berlaku kerana tuduhan, fitnah terhadap Saddam Hussein, fitnah dan diterima oleh rakyat Iraq dan bersekongkol dengan kuasa-kuasa besar. Sama-sama menjatuhkan Iraq, membunuh Saddam Hussein. Hingga ke hari ini pun tidak ada bukti sedikit pun Saddam Hussein mempunyai senjata, pemusnah besar-besaran tetapi Saddam sudah mati dan rakyat Iraq pada hari ini habis. Begitu juga Syria, begitu juga *all the Arab Spring*. Dengan kebangkitan negara-negara Arab konon, dengan tuduhan. Tuduhan yang sama macam berlaku di Malaysia. Tuduhan semua pemimpin tidak guna, pemimpin korup, pemimpin itu, pemimpin ini, pemimpin diktator.

Sebenarnya pemimpin itu terpulang kepada situasi dan tempat masing-masing. Macam saya katakan, *Saddam Hussein is good for the Arabs* sebab Arab ini memang bergaduh saja kerjanya. Pemimpin Arab kena orang gedebeh sikit, yang ada misai sikit, yang kaki pukul sikit. Baru betul kan Arab. Kalau lembik-lembik pondan, dia tidak boleh jaga Arab. Maksud saya keadaan negara kita yang begitu *multicultural*, berbagai kaum, saya rasa cukup bangga, cukup bersyukur kerana kita tidak bergaduh. Apa yang kerajaan buat melalui rang undang-undang ini untuk memastikan kerana ulama ini kata, saya sebut apa dia kata, ulama daripada Iraq ini, "Jangan biarkan sebarang percikan kecil sekalipun memusnahkan negara ini. Jangan biarkan sekecil percikan, sedikit percikan, jangan kamu biarkan. Kalau kamu biarkan, kamu akan jadi macam kami. Semua mati". Sebelum berlaku dia kata, "Kamu jangan biarkan".

Maksudnya pihak kerajaan begitu tegas, kerajaan tidak akan membiarkan sama sekali walaupun dituduh berbagai-bagai, dengan berbagai-bagai tuduhan terhadap pihak kerajaan, tidak kisah. Sebab matlamat kita untuk menjaga kebajikan rakyat kerana berdasarkan kepada pengalaman kedua-dua ulama Iraq dan Syria, mereka memang merayu. Cukuplah, cukuplah, jangan, jangan, jangan. Sudah, sudah. *Enough is enough* kata dia. Jangan benarkan percikan kecil sekalipun, dia akan merosakkan keamanan dan kestabilan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, bahkan kita patut bersyukur. Ya saya mendengar sahabat saya Yang Berhormat Tuan Haji bercakap tadi, terima kasih ya. Kalau hendak kira dari segi perundangan, saya ingin *quote* bekas Hakim Negara kita yang dulu, Tun Abdul Hamid Mohamad. Beliau mengatakan lebih 90 peratus undang-undang di Malaysia ini adalah ikut syariah. Lebih 90 peratus undang-undang di negara ini adalah mengikut syariah. Beliau mengatakan, sekiranya Malaysia melaksanakan undang-undang Islam sepenuhnya, lebih daripada 90 peratus undang-undang sedia ada tidak akan berubah.

Bahkan saya *quote* sebuah buku yang ditulis oleh Eliza Griswold yang bertajuk, '*The Tenth Parallel*', dia kata, Malaysia satu-satu negara dalam dunia yang mengamalkan konsep Islam hampir sepenuhnya. Ini Orang Putih cakap dan dia bagi contoh. Lihatlah pada hari ini dari segi politik, pembangunan ekonomi, *development* dibuat *towards Islamic*, mengikut syariah. Bahkan dia kata mana ada negara dalam dunia ini, tengok apa yang Malaysia buat, dengan Tabung Hajinya, dengan universiti Islamnya, dengan takafalnya dengan mendirikan masjid, dengan memberi gaji kepada pegawai-pegawai masjid. Tidak dilakukan bahkan di negara Indonesia.

Maksud saya apa yang dibuat oleh kerajaan, kita mengambil kira semua iaitu *trust* kita tetap kepada agama Islam sebagai agama rasmi dan sudah pasti Islam tidak berniat untuk menjahanamkan orang, merosakkan negara, untuk menganiaya mana-mana kaum di negara ini. Iaitu saya hendak pertekankan di sini Tuan Yang di-Pertua, yang saya hendak katakan kita kena sedar.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Saya memahami hujah- kita berbagai-bagai hujah, saya faham. Itu sebab saya jarang bangun. Kalau tidak betul-betul, saya tidak bangun. Kita membenarkan tetapi kalau sekiranya kita berhujah, saya berbalik kepada matlamat kita apa yang sebenarnya sebagai orang yang telah berumur, yang ada anak cucu. Apakah matlamat? Ya saya tekankan, ideologi kita ketepikan. Apa

saja kita buat tidak kira kita *pro-government* ataupun *anti government*, matlamat kita untuk negara kita, untuk anak cucu cicit kita. Jadi, dengan ada undang-undang ini saya cukup menyokong, bahkan saya lihat satu fasal yang saya rasa cukup relevan iaitu di dalam sub fasal 4(1), “Apabila perkataan diketahui, digantikan dengan perkataan berniat jahat”. Ini satu perkara yang *quite interesting* kerana saya kata apabila mereka mengeluarkan apa-apa berita, sudah pasti orang yang hendak mengeluarkan berita itu tahu. Ini berniat jahat ke tidak. Sudah pasti dia tahu.

Jadi perkataan kita gantikan ya, perkataan diketahui diganti dengan perkataan berniat jahat, cukup *clear*, supaya rakyat memahami kita kalau kita berniat jahat, memang kita tidak sokong. Kalau berniat jahat untuk menjahanamkan negara ini seperti kata ulama-ulama Arab tadi, janganlah jahanamkan negara ini, kamu sudah cantik sudah. Jangan dibenarkan satu percikan pun menimbulkan masalah.

**Tuan Ramli bin Shariff:** Mohon mencelah Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Ramli bin Shariff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ada satu persoalan hendak tanya pandangan daripada Yang Berhormat Profesor.

#### ■1640

Bagaimana pula soal *maliciously*- dengan niat jahat ini. Ada dua kategori. Pertama dari segi tajuk. Kedua, dari segi *content*. Kalau sekiranya berlakunya tajuknya berlainan, *content* berlainan, di mana yang kita hendak cari soal niat jahat dia? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Silakan.

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua.

Memang kita lihat sosial media selalunya kita boleh mengatakan *problemnya* anak-anak muda 80 peratus berita yang dia dapat adalah daripada sosial media, *80 percent*. Banyak daripada sosial medianya, satu *information* yang tidak *complete* dan adakala termasuk- bila tidak *complete*, dia berniat jahat. Selalunya mereka tidak ambil *the whole content*. Mereka akan ambil tajuk sikit.

Misalnya saya di-*viral*-kan dikatakan kalau PRU kita Barisan Nasional kalah, dua tahun kita akan hancur. Dia ambil itu, dua tahun itu. So, banyaklah komen. “Apa profesor bodoh ini”. Ada pula komen, “Saya mencadangkan kerajaan mendirikan *company* buat *Gillett*, cukur misai dia”... *[Ketawa]* “Saya cadangkan Senator ini berhenti jadi Senator buka kedai jual misai palsu”. Maksudnya sepatutnya mereka membaca daripada *sentence* pertama saya berucap sejam lebih sampai habis *then they will understand*. Macam mana dapat perkataan itu. Ini berniat jahat. Kalau

orang berniat suci, betulkah pakcik misai ini cakap? So, dia baca daripada *start, word-by-word then analyze*, tengok apa pakcik misai punya fakta. Kalau tidak setuju, *call me*. Itu tidak berniat jahat.

Akan tetapi tiba-tiba ambil satu, dua perkataan dan di*viralkan* dengan kata-kata, walaupun tidak ada *substance* tuduhan itu tetapi menyakitkan hati. Dia panggil saya beruang, dan macam-macam... [*Ketawa*] Maksudnya itu sebab dalam rang undang-undang ini kata kita tidak mahu berniat jahat. Apa yang kita hendak tahan ini mereka yang kurang ajar dan berniat jahat, menyusahkan orang. Bila berniat jahat, esok kita bergaduh. Itu yang kita tidak mahu. Oleh sebab ulama cakap tadi, jangan biarkan percikan kecil. Itu yang berlaku di negara Arab. *Start* dengan percikan kecil, *the whole nation will collapse* Tuan Yang di-Pertua. Ini yang Dato' Sri Mohd. Najib hendak buat. Tidak akan kita benarkan sama sekali.

Maka dengan sebab itu Tuan Yang di-Pertua saya memang secara ikhlas saya memang sokong benda ini walaupun rakan-rakan saya tidak sokong, ada yang tidak sokong. Saya *100 percent* saya sokong untuk kepentingan kita bersama.

Dengan kata-kata itu saya menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Silakan Yang Berhormat Senator Dato' Shahanim. Kalau boleh dalam 10 minit.

#### 4.43 ptg.

**Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* salam sejahtera... [*Membaca sepotong doa*] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan izin kepada saya untuk turut serta dalam membahaskan rang undang-undang berhubung dengan Akta Antiberita Tidak Benar 2018.

Saya mengambil peluang di sini untuk mengucapkan tahniah dan terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Berhormat Menteri- Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said, dan pegawai-pegawai di Jabatan Peguam Negara serta mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam merangka undang-undang bagi membendung penularan berita-berita palsu atau tidak sah, yang benar-benar mengancam ketenteraman awam dan kerukunan keharmonian rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat mengalu-alukan pembentangan Rang Undang-undang Akta Antiberita Tidak Benar 2018 ini kerana ianya memberikan gambaran dan bukti betapa seriusnya kerajaan dalam membanteras jenayah-jenayah menyebarkan menular apa-apa berita

tidak sah yang memudaratkan institusi dan individu di Malaysia. Saya berpandangan masyarakat Malaysia perlu lebih terbuka untuk menghayati dan menerima pakai kerangka perundangan ini sebagai salah satu set pelengkap siri perundangan platform persekitaran digital dan ICT negara. Oleh yang demikian, segala ketetapan dan peruntukan-peruntukan perundangan yang dimaktubkan dalam rang undang-undang ini perlu dikira sebagai benteng bagi merukunkan pengguna media sosial agar lebih berhemah, lebih bertanggungjawab dan lebih beretika dalam mematuhi tata kelola penggunaan aplikasi media digital sebagai saluran komunikasi dan media hebahan maklumat.

Tuan Yang di-Pertua, saya selaku pengguna media sosial pernah menjadi mangsa penyebaran berita tidak benar atau tidak sah di persekitaran media sosial ini. Saya berpandangan rakan-rakan Ahli Dewan Negara mungkin juga pernah menjadi mangsa kes-kes berita tidak sah ini. Justeru, saya yakin dan percaya bahawasanya inisiatif kerajaan memperkemas siri perundangan bagi kawalan terhadap tata kelola penggunaan media sosial ini bukanlah ancaman ataupun sekatan kebebasan masyarakat dan institusi atau individu politik. Akan tetapi ia juga akan memastikan semua pihak berkepentingan seperti penguat kuasa, jabatan dan agensi kerajaan, syarikat korporat dan entiti perniagaan mendapat manfaat besar dengan adanya Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini saya ingin memaklumkan 10 tahun lepas saya adalah mangsa berita tidak benar. Kalau hari ini Tuan Yang di-Pertua atau sahabat-sahabat Yang Berhormat boleh *Google* tengok masuk nama "Shahanim", sampai ke hari ini satu perasaan sedih, kecewa, rasa tekanan emosi yang amat sangat bukan kepada saya Tuan Yang di-Pertua tetapi kepada anak-anak saya.

Di dalam *YouTube* 10 tahun lepas telah diletakkan badan seorang artis yang seksi iaitu yang bernama Zila Bakarini tetapi muka telah ditukar kepada muka saya. Jadi Tuan Yang di-Pertua, perasaan hati seorang ibu ini untuk makluman Dewan yang mulia ini saya terpaksa, ini perasaan orang yang kena fitnah berita palsu ini. Saya terpaksa menukar sekolah anak saya daripada sekolah di Sungai Petani sehinggalah di Kuala Lumpur untuk bersekolah di Kuala Lumpur dan dijaga oleh kakak saya. Ini kerana 10 tahun lepas gambar *superimposed* adalah baru dan kebanyakan orang ini macam percaya. Jadi pertanyaan-pertanyaan kepada anak-anak saya oleh sahabat-sahabat mereka di sekolah adalah menjadi satu tekanan dan kesedihan yang amat sangat. Saya mengharapkan apabila ada rang undang-undang ini, saya ada satu perasaan yang rasa *insya-Allah* kerajaan akan bantu kepada mangsa-mangsa berita tidak benar ini termasuk diri saya sendiri.

Jadi sampai ke hari ini Tuan Yang di-Pertua, dalam *YouTube* masih ada. Tadi saya berkesempatan berjumpa dengan Menteri Komunikasi dan Multimedia, 10 tahun benda ini orang akan tengok dan orang akan lihat. Dari segi Islam kalau kita fitnah itu orang kata tanggunglah dosanya. Selama 10 tahun saya menderita kerana ini dan dua orang anak saya terpaksa saya tukarkan bersekolah di Kuala Lumpur. Pandangan masyarakat 10 tahun lepas kepada saya, saya dapat merasakan seperti satu pandangan yang hina, jijik dan keji kepada saya sedangkan dalam *YouTube* itu bukanlah badan saya. Banyak gambar *superimposed* badan seksi, siapa- yang lucah tetapi muka ditukar kepada muka saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menekankan kepada semua dan rakyat Malaysia sebenarnya setiap individu yang mengguna aplikasi media sosial telah pun menyatakan kerelaan dan kesanggupan mereka untuk mematuhi tatacara dan tata kelola perundangan yang ditetapkan syarikat pemilik aplikasi agar tidak menyebarkan berita-berita tidak sah dan tidak benar. Kalau kita merujuk kepada syarat dan terma aplikasi *WhatsApp* dalam isi kandungan *setting* yang mengandungi tatapan *terms and privacy policy* bahawa pengguna aplikasi adalah dilarang menggunakan aplikasi *WhatsApp* untuk menyebarkan perkara yang tidak sah, tidak benar atau menjatuhkan maruah seseorang individu atau mengakibatkan kemudaratan kepada sesiapa atau organisasi.

Tuan Yang di-Pertua, suka di sini pengalaman saya yang kedua yang kena kepada diri saya sendiri. Selaku pemimpin, kita kadang-kadang kita ada di Kuala Lumpur. Apabila orang kawasan kita, kawasan saya di Sungai Petani, orang sebelah Pantai Merdeka sana lebih kurang 400 kilometer datang melawat Kuala Lumpur dalam sebanyak sebuah bas, isteri-isteri nelayan. Jadi ini terkena kepada diri saya di mana apabila kita berada di Kuala Lumpur mereka tanya kita, Yang Berhormat ada di mana? Kita datang lawatan ke Kuala Lumpur sambil belajar dan sebagainya.

#### ■1650

Saya cakap saya ada di KL, boleh jumpa saya dan saya telah memberi wang atas bas, seorang saya bagi RM50 lah untuk duit makan. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, kerana saya bagi duit RM50, ada seseorang itu, dia telah ambil gambar itu masuk dalam *group WhatsApp* dan dalam *group WhatsApp* itu ada yang berniat jahat, terus ambil gambar dalam *group WhatsApp* masuk dalam *Fb* dan sebagainya, menuduh saya memberi rasuah, memberi dedak kepada orang-orang kawasan saya. Benda ini Tuan Yang di-Pertua, saya telah dihina, dikeji, satu Malaysia kutuk saya bagi rasuah. Bukan ada pemilihan, bukan ada apa-apa.

Saya yakin Yang Berhormat ada dalam Dewan ini pun kalau orang kawasan kita dari jauh datang, isteri nelayan, kita nak bagi duit makan. Apa yang salahnya? Akan tetapi satu Malaysia menghina saya, menuduh saya memberi rasuah kepada kumpulan wanita ini. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya amat berterima kasih kepada kerajaan yang telah mewujudkan Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar ini, saya rasa satu perasaan lega. *Insyallah* lepas ini tidak ada lagi fitnah yang dilemparkan kepada mangsa-mangsa yang seperti saya.

Tuan Yang di-Pertua, justeru soalan saya kepada kerajaan. Pertama, sejauh manakah kerangka rang undang-undang ini dapat menyepadukan ketetapan-ketetapan terma penggunaan aplikasi yang disyaratkan oleh syarikat pengendali aplikasi media sosial? Kedua, bagaimanakah cara terbaik kerajaan apabila pewartaan rang undang-undang dilaksanakan, pengguna media sosial lebih celik dan memenuhi ketetapan atau syarat aplikasi dan akta ini? Ketiga, sejauh manakah persediaan Mahkamah Sesyen di Malaysia berupaya memuktamadkan kes-kes individu atau organisasi yang terkesan akibat penyebaran berita palsu sebelum akta ini mula berkuat kuasa, memohon prosiding bagi menghapuskan penerbitan berita tidak benar ini di zon media digital.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan bahawa ketelusan kerajaan merangka Akta Antiberita Tidak Benar 2018 ini perlu dilihat secara komprehensif dan persediaan masyarakat untuk mematuhi larangan dan had sekatan bagi memastikan pengguna akaun media sosial lebih bertanggungjawab dan *accountable*. Justeru, kita tidak mahu persepsi rakyat bahawa rang undang-undang ini hanya untuk kepentingan politik saja, ia juga untuk semua termasuk individu-individu, masyarakat, jabatan, agensi kerajaan dan pihak swasta.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin ambil contoh kes penularan berita tidak benar akibat kenyataan akhbar bahawa *sample* coklat Cadbury yang diambil di pasaran dan diuji oleh Kementerian Kesihatan telah- isu kesangsian status halal syarikat pengeluar produk itu. Akibat salah tafsir dan ketidaktepatan kenyataan akhbar oleh Ketua Pengarah Kesihatan pada tahun 2014, produk ini di pulau dalam pasaran tempatan dan syarikat mengalami kerugian yang amat besar. Kes ini bukan saja mencetuskan pertikaian dan *public outcry* di antara JAKIM, Kementerian Kesihatan, KPDNKK dan pengguna tetap integriti dan tahap profesionalisme ujian pensampelan juga menjadi isu pertikaian.

Mujurlah dengan kebijaksanaan Kementerian Kesihatan yang mengaku bahawa *sample* ini tercemar dan sumber pencemaran tidak dapat dikesan, isu ini dapat diselesaikan segera. Namun Tuan Yang di-Pertua, prestasi syarikat dan pemegang saham kilang *Cadbury* terjejas teruk. Tuan Yang di-Pertua, saya merupakan gila stesen minyak. Jadi, di kedai Petronas, di

stesen minyak saya, saya mempunyai kedai Mesra dan kesan kepada saya Tuan Yang di-Pertua, saya mempunyai stok coklat *Cadbury* yang banyak di mana pelanggan-pelanggan bila dia orang dapat tahu kes macam ini semua percaya.

Jadi dia orang bila masuk ke kedai tengok masih ada lagi kita pameran coklat *Cadbury* ini kita dihina dan dimarahi. Saya rasa amat terkesanlah dengan berita-berita palsu ini dan saya nak maklum di sini saya dapat maklumat prestasi syarikat dan pemegang saham kilang *Cadbury* terjejas teruk. Saya juga dapat maklumat FELDA mempunyai saham dalam kilang ini justeru, sudah tentu ianya menjejaskan urusan perniagaan FELDA.

Oleh yang demikian, kita perlu akur dan akui bahawa rang undang-undang ini penting dan perlu dikuatkuasakan segera tanpa mengira siapa atau institusi mana. Soalan saya kepada kerajaan yang pertama, sejauh manakah kerajaan memastikan apabila berkuat kuasanya akta ini semua jabatan dan agensi kerajaan meningkatkan kesiapsiagaan dan perlindungan terhadap integriti maklumat dan data agar ianya tidak dijadikan sumber berita tidak sah.

Kedua, bagaimanakah perancangan kerajaan agar hebahan dan pemahaman orang awam terhadap tanggungjawab dan *accountability* mereka untuk mematuhi akta ini dapat di promosi dan diberikan panduan yang sewajarnya melalui *public service announcement* (PSA) dan kerjasama syarikat pengendali jalur lebar, talian *cellular* dan agensi kerajaan.

Ketiga, apakah perancangan agar akta ini turut diperkenal dan diajar di sekolah, di institusi latihan kemahiran, di IPTA, di IPTS atau melalui hebahan peringkat komuniti seperti kuliah agama dan khutbah Jumaat agar matlamat dan kandungan kerangka undang-undang ini dipatuhi dan diketahui rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar 2018. Harapan saya, dengan adanya kerangka perundangan ini ketertiban dan kerukunan pengguna menyebarkan maklumat lebih bertanggungjawab. Pastikan sah, jika anda sangsi jangan kongsi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Dato' Suhaimi.

**4.56 ptg.**

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya nak mengalu-alukan kedatangan Pertubuhan Kaum India daerah Temerloh ke Dewan Negara dan diharap lawatan ini akan memberikan manfaat kepada rakan-rakan kita



daripada Temerloh. Dapat melihat sendiri bagaimana Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Dewan dan inilah yang terbaik setakat ini yang dapat kita tonjolkan... [*Dewan tepuk*]

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berterima kasih kerana diberi peluang untuk berbahas di Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar, atau *fake news* ini. Saya melihat Dewan Rakyat dan juga rakan-rakan saya daripada minoriti yang ada di sini semuanya dalam ucapan-ucapan mereka meminta supaya dibahaskan lagi, dipanjangkan lagi. Kemungkinan diminta supaya jangan disokong, bawa dan bincang lagi. Saya berpendapat lain sikit kerana saya nak menjadi orang pertama yang nak menyokong rang undang-undang ini kerana saya melihat kepada manfaatnya, faedahnya rang undang-undang ini.

Saya jauh sedikit kepada anak cucu saya yang ada di rumah kerana saya tidak mahu anak cucu saya menjadi seperti ibu mereka nanti, menjadi seperti Yang Berhormat Dato' Shahanim. Yang Berhormat Dato' Shahanim yang badannya seksi dan yang bukan badannya. Badannya sudah seksi tapi ditambah dengan badan orang lain, itu yang saya hairan. Jadi saya tidak mahu...

**Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta tarik balik ayat itu, bahaya itu [*Ketawa*]

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Itu satu pujian Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak mahu isteri kita, anak-anak perempuan kita menjadi mangsa seperti Yang Berhormat Dato' Shahanim. Kita kalau boleh nak luluskan hari ini, petang ini juga, selesai hari ini kerana undang-undang ini *direct* kepada *fake news* itu. Betul ada undang-undang lain, ada undang-undang lain yang bersabit dengan *fake news* ini tetapi ini *direct*, terus kepada kes dan kita ada interim, ada masa.

Kita nak supaya contohnya, timbul tadi cerita Yang Berhormat Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim, misainya, yang itu bukan *fake news*, itu betul... [*Disampuk*] Itu bukan *fake news*. Itu betul, misainya *handsome*. Katalah dikatakan *fake news* bahawa misai Yang Berhormat Tan Sri ini hodoh, kita boleh minta supaya diangkat, dibuangkan, *Facebook* ataupun *Google* buangkan berita ini dan selepas itu kita lawan di mahkamah sama ada 'misai' itu betul ataupun tidak.

#### ■1700

Itu yang saya kata saya menyokong penuh. Saya pun hairan kenapa hendak minta dibincangkan lagi. Apa akan jadi kepada anak cucu kita suatu hari. Saya hendak menjadi orang yang pertama dalam dunia kalau boleh hendak meluluskan rang undang-undang ini. *Germany is coming soon. France is coming soon. Singapore is coming soon. Indonesia is coming soon, why*

*not?* Sudah keluar dalam *Facebook* sekarang ini. *Facebook* yang telah pun *viral* seluruh dunia, Malaysia telah pun mewujudkan undang-undang *fake news*. *My goodness, people respect us. People respect us*. Kenapa hendak dibincangkan lagi, kenapa hendak dipanjangkan lagi. Saya tidak mahu hendak melihat *fake news* dalam negara. Saya tidak mahu kawan-kawan saya terasa hati. Saya hendak ambil *fake news*. *We go to the world fake news*.

Saya tengok dalam senarai ini banyak sekali. *70news*. Ini nama *fake news* itu. *70news*. Semasa *election Donald Trump*, *fake news* ini kata sebelum keputusan keluar, *Donald Trump* telah menang katanya. *Won the popular vote of the people of United State of America*. Ahli-ahli Yang Berhormat, kesannya sebelum habis, tengok bagaimana *Clinton* kalah. Kemudian, *ABC News* mengeluarkan logo yang bukan-bukan. *It is another fake news*. Kemudian, *American News*. *Publish a false story claiming Denzel Washington endorse Donald Trump as a President*. Macam di sini. Dia kata Siti Nurhaliza sokong Tuan Guru Dato' Seri Haji Abdul Hadi . Contoh saya beri, contoh. *It is a fake news*. Kita hendak supaya *news* itu dikeluarkan daripada *Facebook*. Itu yang kita minta. Kemudian, baru kita lawan sama ada benda ini *fake* ataupun tidak.

*Before it is a news, another one, before It is a news*. Dia tulis di sini- *President Donald Trump release* telah menyatakan bahawa 17 perempuan telah menjadi mangsa. Ya lah, 17kah, 20kah, sampai sekarang pun tidak habis-habis lagi kita tengok dalam CNN. But *Donald said, "It is a fake news"*. Tidak apalah dia menang. Kalau dia kalah, Tuan Yang di-Pertua? Oleh kerana *fake news* ini, dia kalah, aniaya.

Kita ambil satu lagi saya hendak bawa, *The Washington Post*, *"Following its promotion of conspiracy terrorist relating to Malaysia Airlines Flight MH17"*. *Washington Post*, kata MH17 ini ada konspirasi. Ini di Washington dan bukan di Malaysia. Saya tidak mahu contoh di Malaysia kerana rakan-rakan kita nanti sensitif. Sekiranya *fake-fake news* ini tidak diatasi dengan betul, tengok apa jadi dengan MH370, MH17? Berapa banyak *fake news* semasa itu?

*Intel shares dove on report Apple making own Mac chips*. *Intel shares* jatuh dengan begitu teruk apabila *fake news* menyatakan *Apple* buat cip sendiri. Kan selalu kita beli komputer, *Intel inside*. Itu cip yang dibuat oleh *Intel*. Bila *fake news* keluar kata *Apple* buat cip sendiri, merudum habis jatuh *shares Intel*. Berapa banyak manusia yang rugi?

Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri pun sudah *standby* hendak menjawab. Saya tak nak bercakap panjang. Seperti mana yang saya katakan tadi, cuma soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri. Dalam setahun, kita ada satu hari *fake news*. Macam-macam *fake news*. Anak saya pun suka buat *fake news* hari itu. Hari *April Fool*.

Kalau hari *April Fool* ada *fake news*, *how are we going to consider that?* Yang Berhormat Menteri, saya mohon supaya Yang Berhormat Menteri menerangkan lebih banyak kepada rakan-rakan kita ini apa yang dimaksudkan interim tadi ini. Ini kerana mereka tidak mahu hendak mendengar ayat interim itu kerana kita ada masa untuk berlawan. Kita hendak supaya *fake* itu dikeluarkan daripada *Facebook* dan sebagainya. Kemudian kita bertengkarlah di mahkamah untuk membuktikan siapa salah dan siapa yang betul. Contoh, masing-masing bimbang dengan pilihan raya yang akan datang. Apa salahnya kita mempunyai pilihan raya yang bersih tanpa *fake news*. Apa salahnya, berdosakah kita? Kalau kita tidak ada *fake news* semasa pilihan raya ini, berdosakah kita? Saya rasa dari segi agama pun...

**Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff:** Mohon mencelah Tuan Yang di-Pertua. Boleh mencelah?

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Sila.

**Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff:** Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Suhaimi, saya ingin bertanya pendapat Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Suhaimi. Semaklum saya, PRU Ke-13, ada seorang calon daripada kerajaan, daripada Barisan Nasional, sehari sebelum pilihan raya, beliau telah difitnah, berita tidak benar. Maka pada keesokan harinya, pilihan raya, beliau telah kalah. Jadi apa pendapat Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Suhaimi mengenai *fake news* ini di mana calon ini tidak sempat hendak *counter*? Hari ini fitnah, esok sudah pilihan raya. Adakah satu penganiayaan Yang Berhormat rasa? Saya hendak tanya pendapat Yang Berhormatlah, apakah hukuman kepada orang-orang yang macam ini? Beliau telah difitnah oleh calon dari pembangkang dan akhirnya calon daripada Barisan Nasional ini kalah pada hari pilihan raya. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Saya percaya ini di antara Yang Berhormat Nurul Izzah dengan Raja Nong Chik kalau tidak salah saya. Berita terakhir yang dibawa oleh Nurul Izzah dan selepas itu minta maaf di mahkamah dan Raja Nong Chik kecundang pada pilihan raya tersebut. Kalau Yang Berhormat tanya saya hukumannya, jawablah di *Lauh Mahfuz* nanti. Jawablah. Itu kerja Tuhan dan bukannya kerja kita. Jawablah dia kepada Tuhan, jawablah dia kepada ibu bapa dia bagaimana pembohongan beliau itu mengelirukan rakyat sampai hamba Allah itu kecundang dalam pilihan raya tersebut. Saya kenal Raja Nong Chik. Orang yang cukup tulus ikhlas dan sebagainya. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, usul Yang Berhormat Menteri.

**USUL****WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN  
DARIPADA PERATURAN MESYUARAT****5.08 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai diputus dan diluluskan Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar 2018 seperti tertera di aturan Nombor 1 di dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* pada hari ini, dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Rabu, 4 April 2018.”

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Devamany A/L S. Krishnasamy]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong,.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah Usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah di setujukan.

*[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri menjawab.

**5.09 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan di atas Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar 2018 iaitu Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin; Yang Berhormat Senator Tuan Ramli bin Shariff; Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi Haji Suhaili; Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan; Yang Berhormat Senator Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah; Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeluing; Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai; Yang Berhormat Senator Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty; Yang Berhormat Senator Dato' Ong; Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi Krishnan; Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah; Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah; Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ananthan; Yang Berhormat Senator

Tuan Haji Muhammad bin Mustafa; Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas Umbul; Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah; Yang Berhormat Senator Dato' Shahanim; Yang Berhormat Senator Dato' Isa; dan paling akhir sahabat saya, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Suhaimi. Peminat setia Siti Nurhaliza.

■1710

Tuan Yang di-Pertua, saya telah mendengar dan meneliti semua isu-isu, pandangan, cadangan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Senator yang mana saya akan menjawab satu demi satu setiap isu yang dibangkitkan. Saya tegaskan dari mula dalam penggulungan pembacaan rang undang-undang ini dalam Dewan yang mulia ini. Rang undang-undang ini hanya bertujuan untuk menyekat penyebaran berita tidak benar bukannya kebebasan bersuara seorang rakyat, dengan izin, "*this law is not intended to restrict the freedom of speech but to restrict the dissemination of fake news*", dengan izin.

*Fake news is bad news*, Tuan Yang di-Pertua dengan izin. Jadi jelas dinyatakan dalam huraian kalau kita tengok Tuan Yang di-Pertua kalau kita tengok dalam huraian bil biru ini. Huraian dia telah dinyatakan dengan terang. Dengan izin saya baca, ini huraian ini ada dalam buku biru ini, *the bill*. Akta Antiberita Tidak Benar 2018 bertujuan untuk memperkatakan tentang berita tidak benar dengan mengadakan peruntukan mengenai kesalahan-kesalahan yang tertentu dan langkah-langkah untuk mengekang penyebaran berita tidak benar dan untuk mengadakan peruntukan bagi berita yang berkaitan. Dengan berkembangnya teknologi selaras dengan pengedaran masa, penyebaran berita tidak benar menjadi kebimbangan global dan semakin serius sehingga menyentuh orang awam.

Akta yang dicadangkan bertujuan untuk melindungi orang awam daripada penyebaran berita tidak benar dan pada masa yang sama bertujuan untuk memastikan hak kebebasan bercakap dan bersuara di bawah Perlembagaan Persekutuan dihormati. Saya baca separuh. Bererti Tuan Yang di-Pertua, dalam rang undang-undang ini sendirilah huraian diletakkan menunjukkan ketulusan kerajaan hari ini bahawa rang undang-undang ini adalah rang undang-undang yang meletakkan penekanan utama kepada maslahat umum. Maknanya Tuan Yang di-Pertua rang undang-undang ini adalah rang undang-undang yang menerima hakikat bahawa bila bercakap tentang berita palsu, berita tidak benar terutama sekali dalam sosial media. Kita lihat bahawa ia adalah satu yang boleh disebut dalam bahasa Inggeris, *fast and furious*- laju.

Sebelum saya masuk kepada isu-isu yang dibawa oleh Yang Berhormat Senator-Senator. Saya dengar contoh-contoh yang dibuat tetapi saya hendak tekan sedikit kepada beberapa isu yang saya rasa saya hendak buka sebagai mukadimah jawapan saya.

Pertama sekali perkataan yang disebut selalu bahawa adanya artikel yang menyatakan *the psychology of fake news*. *Fake news* ini Tuan Yang di-Pertua jadi satu masalah yang besar kerana ia laju. Pertama ia laju.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, masalahnya ialah sesiapa boleh menjadi *source of fake news*. Sesiapa boleh buat berita palsu. Dia boleh buat dalam bilik kah, luar bilik kah, tengah baring, tengah tidur- tidak tahulah mungkin macam Dewan Rakyat itu ada hantu raya, kan. Mungkin tengah tidur kah macam-macam dia boleh buat. Semua orang boleh menjadi *the source of fake news*.

Keduanya ialah sebab dia terlampau laju Tuan Yang di-Pertua hendak *confirm*-kan ataupun hendak bezakan *to separate fact and fallacy*, hendak *separate*-kan benar dengan tidak benar itu tidak sempat, laju. Ini sebab sosial media ini laju. Dahulu di bawah Akta PAPA- *Printing and Publication Act* lain, dia minta lesen. Dalam *Facebook, Twitter* ini Tuan Yang di-Pertua tidak ada lesen langsung. Kalau kita tengok nombor *handphone* kita sekarang pakai sistem pendaftaran sebab banyak orang SMS benda-benda yang tidak senonoh dan palsu. Hendak *Facebook* ini Tuan Yang di-Pertua berjuta-juta *user*, *Twitter* berjuta-juta dan paling masalah *fake account*. Hendak register lesen *fake account* macam mana? Hendak kenal orang macam mana?

Jadi masalah di sini dua. Satu pantas, kedua hendak *clarify*, hendak mendapat kepastian ini begitu laju. Hendak tengok belum lagi sudah habis baca lagi satu lagi masuk. Sekarang ini Tuan Yang di-Pertua bukan sahaja elemen berita, gambar. Macam kata Yang Berhormat Senator lain bahawa kepala lain badan lain, badan lain kepala lain. Bila kita tengok dalam rang undang-undang ini definisi dia termasuk *caricature*. *Caricature* ini saya hendak sebutlah mukadimah saya tentang Charlie Hebdo di Perancis sebab dia buat kartun wajah Rasulullah yang mana bagi orang Islam sesuatu yang sensitif. Seramai 12 orang telah dibunuh, 11 orang cedera termasuk mereka yang bekerja, bertugas dalam majalah tersebut.

Cuba bayangkan kalau perkara ini kita sebagai kerajaan hari ini tidak peka apa akan menjadi? Tidakkannya bila orang sudah kena bunuh, sudah kena bakar kerana isu agama, isu bangsa, kerana *fake news* yang bertanggungjawab adalah kerajaan. Kita sebagai Ahli Dewan Negara, sebagai Senator-Senator memang bertanggungjawab kepada rakyat tetapi lebih penting kita bertanggungjawab kepada negara. Undang-undang ini dibawa kerana kita tahu bahawa seluruh dunia. Tadi saya dalam pembukaan saya ceritakan bahawa seluruh dunia *the whole world* berhadapan dengan isu yang sama. Ya saya dengar ada kata, kenapa tidak hendak buat Jawatankuasa, kenapa begini.

Ada orang sebut pula Indonesia. Saya hendak tergelak- Indonesia itu ada undang-undang satu baharu, tidak boleh kutuk orang politik masuk jel. Macamana kita buat undang-undang macam itu. Dalam Dewan Rakyat, macam-macam kena kutuk, kerajaan. Macam-macam kena tuduh, tidak ada masalah. Kalau betullah kerajaan hari ini hendak buat undang-undang ini, undang-undang kuasa eksekutif kerajaan Tuan Yang di-Pertua. Pertama, hidupkan balik ISA. Apa susah? Sesiapa yang memerintah Malaysia dengan adanya ISA sudah 22 tahun tidak ada masalah. Pada masa yang sama juga tidak ada sosial media masa memerintah Malaysia 22 tahun. Senang perjalanan mudah. Tidak suka hakim, hakim kena buang. Tidak suka orang politik- Operasi Lalang. Paling dahsyat lagi Tuan Yang di-Pertua, kuasa mahkamah hendak membuat keputusan dibuang kerana isu keselamatan- kerajaan sahaja yang boleh buat keputusan.

Akan tetapi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hari ini jadi Perdana Menteri sudah sembilan tahun, hari ini sembilan tahun- saya ucap tahniah. Direkodkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, sudah sembilan tahun.

Ada pula sempat lagi keluar *fake news*, ini tidak lamalah ini. Biasalah, belum lagi Dewan Negara hendak luluskan. Tidak apalah hendak lanyak, lanyaklah tetapi lepas adanya rang undang-undang ini kena berjaga-jaga. Apa yang lebih penting sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, kalaulah sebenarnya niat kerajaan hendak menggunakan undang-undang ini dalam falsafah *draconian*, kuku besi, kezaliman, tidak ada masalah. Kerajaan buat sahajalah undang-undang. Tidak payah dalam fasal-fasal ini mahkamah diberikan kuasa. Kenapa hendak bahas isu mahkamah? Tidak payah.

Menteri diberi kuasa, Menteri diberikan jadual, Menteri memutuskan, tidak ada masalah. Ini sebab kita kerajaan tetapi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan Menteri-Menteri Kabinet bersetuju bahawa perlu mahkamah badan yang bebas yang membuat keputusan. Bukankah itu proses keadilan? Bukankah kerana kita menghormati hakim-hakim dalam negara kita? Apa yang paling penting sebelum saya masuk kepada *point-point* yang dibawa oleh Yang Berhormat Senator-Senator ialah rakyat boleh pergi ke mahkamah memohon *relief interim order*. Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah tanya fasal Siti Nurhaliza. Siti Nurhaliza boleh pergi ke mahkamah berapa banyak kali pun boleh. Yang Berhormat bawa dia pun tidak ada masalah. Yang Berhormat hendak isikan affidavit bagi pihak dengan dia sekali pun tidak ada masalah.

Semalam saya beritahu Yang Berhormat Baling. Dia boleh bawa Neelofa. Neelofa pun kena fitnah. Saya tidak tahu mungkin Tuan Yang di-Pertua tidak kenal sangat Neelofa dengan

Siti Nurhaliza. Mungkin Tuan Yang di-Pertua kenal Deepika Padukone saya tidak tahulah Tuan Yang di-Pertua kan begitu *handsome* [Ketawa] Boleh dilihat sebagai bukan hero *Bollywood* tetapi hero cerita Tamil [Ketawa] *Handsome* kawan saya. Akan tetapi dalam perkara ini *quasi-criminal*.

Begitu cantiknya undang-undang ini yang mana bukan sahaja kerajaan yang membuatkan permohonan tetapi rakyat jelata boleh pergi ke mahkamah minta satu perintah. Ini kerana *Facebook, Twitter, Instagram* ini semua cakap tidak ada *court order* macam mana dia hendak turunkan, Tuan Yang di-Pertua. *Facebook, Instagram, Twitter* ini dan macam-macam sosial media ini tidak berpusat di Malaysia. Ini bukan MCMC boleh telefon suruh turun, bukan. Dia punya pemegang saham beratus juta, beribu-ribu orang *complaint*, Tuan Yang di-Pertua. Bukan sahaja di Malaysia- satu dunia. Dia sendiri mengaku, mereka sendiri mengaku dalam beberapa artikel mengatakan *social media can be negative for democracy*, dia orang mengaku. *Facebook* juga mengaku bahawa mereka tidak mampu hendak selesaikan sebab dalam setiap minit beribu-ribu cerita lalu dalam *super highway*.

#### ■1720

Ini bukan calang-calang punya *highway*. Ini tidak ada tol Tuan Yang di-Pertua. Dia main lalu sahaja. *Gohed gostan*- suka dia sahaja. Sebab *gohed gostan* itu macam orang *forward*-lah. Tidak baca, *forward*. Tidak baca, *forward*. Ini saya duduk ni. Kakak saya baru mesej saya. Macam itulah juga. Sebab tidak baca surat khabar. Fasal kadang-kadang generasi muda ini tidak baca. Dia tengok, *forward*. Dia tengok, dia *forward*. Dia tidak ada tanggungjawab. Itu sebabnya saya bagi tadi mukadimah. Kerajaan di bawah kementerian KKMM mewujudkan *website SEBENARNYA.MY*. Saya sebut tadi 20 juta sudah masuk *website* ini 25 juta. *We can clarify government issue* tetapi isu macam Yang Berhormat Senator Dato' Shanim, isu yang macam saya hendak cakap ini, Tuan Yang di-Pertua.

Sebelum saya mulalah. *Twitter* ini. *Twitter* ini saya cakap semalam *toxic. Twitter toxic*. Perempuan dalam *Twitter* selalu bukan sahaja dihina tetapi diancam. Tidak percaya, kita uji sekejap lagi. Yang Berhormat Dato' Shanim cakap, saya cakap, Yang Berhormat Dato' Hajah Fahariyah cakap. Tembak satu kenyataan, dia belasah beribu-ribu menghina, memberi amaran dan paling dahsyat hendak bagi kritikan. Tidak percaya saya bunuh awak. Tidak percaya, dengan izin, saya rogol awak. Macam-macam sebab pengecut sahaja buat macam itu.

Undang-undang fitnah, *slander and libel*, Tuan Yang di-Pertua. Kita kenal siapa. Betul tidak? Kalau berani cakap, berani tanggung. Dulu politik macam itu cakap tidak ada masalah. Tanggung lah bila kena saman. Belah sini kena saman, belah sana kena saman. Akan tetapi sekarang ini disebabkan *fake account*, dalam *Twitter* pun ada *fake account*. Bila kita *check*, Tuan



Yang di-Pertua, rupanya orang itu tidak wujud dalam negara kita. Wujud luar negara. Kenapa? Sebab dia tidak suka kalau perempuan bersuara- contohnya.

Itu sebab dia orang buat kajian di *United Kingdom*, Tuan Yang di-Pertua. Dalam *article* banyak menyatakan 80 peratus wanita-wanita yang bersuara dalam *Twitter* akan diancam nyawa, keamanan, keselamatan oleh mereka-mereka yang tidak bertanggungjawab dalam kategori selalunya *fake account*. Cuba Tuan Yang di-Pertua bayangkan. Jadi apa yang kita hendak buat dalam *entry model* ini ialah hendak turunkan cerita itu. Kalau kita saman fitnah *slander and libel* di mahkamah macam kes Lembah Pantai dengan Yang Berhormat Dato' Raja Nong Chik. Pergi ke mahkamah tidak ada masalah. Saman lah. Pakai peguam. Tunggu hakim. Akan tetapi masalah yang paling besar ialah cerita itu masih ada dekat *super highway* ini. Masih ada cerita. Masih berjalan cerita. Jadi apa yang kita hendak ialah supaya *Facebook, Twitter, Instagram* dengan *court order* turunkan cerita.

*What you need to do*, turun kan cerita, dengan izin. Kita hendak banding dengan Singapura. Singapura itu dia hendak buat jawatankuasa. Singapura itu kalau kita tengok video dia tanya *Facebook* pun, *Facebook* marah dia balik. Menteri kena marah dengan *Facebook*. Hendak *Facebook* marah menteri dekat Malaysia? Hendak marah *defector law minister*? Berani *Facebook* hendak marah Malaysia punya menteri. Dekat Singapura dia marah menteri Singapura. Dia cakap, "Eh *you cannot tell us what to do. We have no moral of obligation. We only have legal obligation*". Bererti *legal obligation* itu ialah kalau ada perintah mahkamah tidak ada masalah. Senang hendak buat.

Interim order ini Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak terang sedikit yang mana Yang Berhormat Senator Dato' Suhaimi tanya saya ialah apa- kalau kita percaya itu adalah palsu, kita pergi mahkamah kita bawa affidavit, bawa laporan polis, cakap dengan mahkamah. Mahkamah nilai. Yang penting terima *order* itu mahkamah keluarkan *Order* supaya cerita itu diturunkan. Akan tetapi di dalam fasal 8 katakan, kalau sesiapa yang tidak bersetuju contohnya Dato' Suhaimi buat cerita fasal Siti Nurhaliza. Dato' Suhaimi sayang Siti Nurhaliza. So dia fitnah lah Neelofa. Dia kata dekat Neelofa dalam *blog* dia. Awak muda tapi tidak macam Siti Nurhaliza kononnya lah. Mungkin Neelofa pergi mahkamah turunkan cerita dia. Betul. Akan tetapi Dato' Suhaimi *can set the order* mengatakan memang betul lah dia tidak cantik. Sebab bagi saya lain orang tengok, lain orang rasa. Bagi saya mungkin Siti Nurhaliza sudah berumur tetapi bagi saya masih cantik. Neelofa mungkin masih anak dara bagi saya tidak cantik. *Justified*. Hakim mungkin kata *this is not fake news*.

Tidak ada masalah tetapi jangan lupa dalam undang-undang ini yang lebih penting ialah mana pindaan kerajaan buat semalam *maliciously*- niat jahat. Kalau Yang Berhormat tanya budak-budak *April Fool, April Fool* itu mana ada niat jahat. Dia main-main sahaja. Kalaupun polis tanya yang *hang* pergi buat ini apa hal. Saja buat lawak *April Fool*. Tidak ada masalah. Yang masalah itu bila niat dia memang jahat. Yang ini dia kena bukti dekat mahkamah. Apa itu niat jahat.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, undang-undang ini cuba mengatasi masalah sosial media platform yang berhadapan dengan kita pada tahun 2018. Kemungkinan tahun 2020, tahun 2028 mungkin undang-undang ini tidak relevan. Saya pun tidak tahu. Akan tetapi *Printing Publication Act* MCMC punya akta yang diwujudkan 1990 an kalau kita lihat secara lebih *detail* ada yang tidak relevan. Sebab papa hanya wujud kepada *offline media*. Tidak *online media*. Akta MCMC juga bila dia tengok tentang jenis-jenis kesalahan, dia kena ikut proses yang betul. Itu sebab banyak orang yang bagi laporan dekat MCMC. MCMC kena buat forensik, MCMC kena bawa mahkamah, MCMC kena bicarakan kes. Apa pun MCMC buat lebih baik untuk melindungi rakyat. Cerita itu masih ada di belakang. *On the super viral*. Jadi apa yang kita hendak buat. Akta ini sebenarnya membantu dan dibaca bersama *complementary* kepada akta PAPA, kepada akta MCMC. Akta ini tidak *on its own*. Maksudnya boleh dibuat sendiri ataupun dibaca bersama. Tidak ada masalah.

Akan tetapi kerajaan mengambil kira bahawa kepantasan teknologi maklumat perlu penyelesaian yang begitu pantas juga. Itu yang sebenarnya pendekatan yang dibuat. Itulah mukadimah saya, Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya hendak jawab soalan-soalan Yang Berhormat. Yang Berhormat hendak *interject* dipersilakanlah. Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin tanya saya tentang kebebasan bersuara. Saya dengar dengan begitu teliti. Saya hendak nyata pada Yang Berhormat Senator bahawa tiada mana-mana undang-undang yang digubal dan diluluskan oleh Parlimen adalah bertujuan untuk menyekat hak kebebasan bersuara.

Dalam Perlembagaan kita, Perkara 10 dalam Perlembagaan, fasal 2(a) menyentuh isu tentang kebebasan bersuara. Akan tetapi dia ada syarat dia. Kena baca menyeluruh. Semalam dalam Dewan Rakyat dia baca separuh sahaja. Biasa lah pembangkang. Tidak akan dia hendak baca menyeluruh. Tugas dia hendak membangkang. Membangkang itu bila orang sudah tidak suka, wangi pun kata busuk. Bila orang suka, busuk pun wangi, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi kalau kita baca Perkara 10 itu, Perkara 10 memberi kuasa mengatakan bahawa peruntukkan tersebut memberi kuasa kepada Parlimen iaitu kita untuk membuat undang-undang bagi mengawal selia kebebasan bercakap demi kepentingan ketenteraman awam, keselamatan Persekutuan, dengan izin, *the interest of public order national security morality or to provide*

*against the definition incitement of any offense.* Tadi Yang Berhormat bahas semua menyentuh tentang isu *public order* ini. *Nasional security*. Maksudnya dia boleh menggugat. Macam saya cakap kartun dalam *Charlie Hebdo*. Kartun boleh membunuh 12 orang. Itu masalah ketenteraman awam. Jangan kita main-main dengan isu kartun. Macam juga kes *Cadbury*.

Kalau ada orang revolusi marah. Orang boleh bakar kedai sebab marah kenapa jual coklat yang mengandungi perkara-perkara yang tidak diizinkan sebagai contoh. Jadi kalau kita tengok di sini. Hak kebebasan bersuara adalah hak yang tidak mutlak, dengan izin, *not absolute freedom of speech*. Perkara ini secara jelas diputuskan oleh Mahkamah Agung. Mahkamah Agung sudah putuskan perkara ini dalam kes *public prosecutor* melawan Pung Chen Choon yang mana mahkamah menyatakan bahawa, "*In considering this question we also kept in four front of mind and one hand the principal of the right freedom of speech and expression enshrine in article 10(1)(a) of the Constitution is not absolute because the Constitution authorizes Parliament to impose restriction*".

Maksudnya kita ada kuasa. Ini tidak menentang kuasa kita. Kalau kita tengok tadi dalam huraian yang saya sebut, Tuan Yang di-Pertua. Saya sebut dalam huraian memberikan kenyataan bahawa adanya *balance* antara kebebasan bersuara dengan hak undang-undang. Bererti kerajaan tidak ada niat hendak menafikan hak kebebasan rakyat. Kita mesti tahu bahawa kita ada keluarga, kita ada anak. Tidak akan kita hendak bagi dia kebebasan mutlak. Macam Dato' Suhaimi sebut anak kita. Kalau dia salah kita tegur. Tidak akan sebab kita sayang anak. Itu orang kata sayang anak tangan-tangankan. Sayang isteri tinggal-tinggalkan. Sayang suami lapor-laporkan.

#### ■1730

Akan tetapi saya tidak ada pengalaman bab ini, tapi memang betul, itu *fake news* [Ketawa] Betul tidak Profesor Emeritus? Itu lagi seorang hero macam cerita Tamil, misai dia [Ketawa] Saya kenal dia daripada saya di UiTM, orangnya nampak bengis, garang tetapi antara paling sporting punya- nombor satu di UiTM. Orang Melaka macam itulah. Macam orang Melaka, macam orang Johor kan, nampak garang tetapi hati lembut saja. Tidak macam orang Kedah, orang Kedah kadang-kadang Dato' Suhaimi nampak lembut saja, kadang hati dia keras [Ketawa]. Betul tidak Dato' Suhaimi?... Betul? [Ketawa] *Fake news*.

Jadi Dr. Arifin pula tanya tentang bagaimana seorang yang melakukan kesalahan di bawah undang-undang ini berada di luar Malaysia hendak dituduh dalam negara kita? *Extra territorial application*- jadi kita ada.

Kesalahan ini merupakan kesalahan, dengan izin, *borderless crime*. Saya sebut tadi bahawa *borderless* sebab, *social media* ini dia tidak ada pagar, betul tidak? *Is borderless*. Bila dia tidak ada pagar, tak kan lah undang-undang kita hendak berpagar. Bodohlah kita buat undang-undang berpagar *when we know the crime can be committed outside our country*. Akan tetapi yang kita prasyaratkan, sesiapa yang membuat kesalahan ini menyentuh rakyat Malaysia, kita melindungi rakyat kita. Saya percaya itu tanggungjawab kerajaan melindungi rakyat. *We must protect our people*. Saya tidak kisah orang Indonesia kah, orang Singapura kah, orang Thailand kah, orang Filipina kah tetapi bila *fake news* terhadap rakyat Malaysia, tugas dan tanggungjawab kerajaan melindungi rakyat Malaysia. *That's our job*.

Itu sebabnya Tuan Yang di-Pertua, pemakaian undang-undang seperti yang saya sebut tadi ini berkaitan seperti akta bantuan bersama dalam perkara jenayah dan akta ekstradisi bahawa undang-undang ini dilaksanakan bersama *treaty* antara kedua-dua negara yang terlibat. Memanglah kena ada *treaty*, dia hendak bawa orang itu balik ke negara kita.

Kalau kita tengok juga dalam undang-undang yang ada sekarang dalam negara kita, ada *clause* untuk *extra territorial application*. Jadi apa yang kita buat dalam undang-undang ini bukan sesuatu yang unik, *it's done before* iaitu Akta Multimedia dan Komunikasi 1998 dan juga dalam Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007. Akta Antipenyeludupan...

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Boleh saya celah? Saya hendak tanya tentang *extra territoriality*. Ini berdasarkan kepada persetujuan daripada negara yang luar yang sanggup bekerjasama dengan negara Malaysia melalui sistem kehakiman di sini. Macam mana kalau ada negara yang tidak mahu bekerjasama dengan negara ini, apa yang kita hendak buat? Yang menghinakan negara dan warga Malaysia.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Memang soalan yang betullah. *It's a right question*. Itu we akan *continue speak* antara negara-negara. Macam perdagangan saya hendak sebut tadi contoh *for trafficking*. *Trafficking* itu *not necessary come from*, dengan izin, negara yang kita tahu, kadang *trafficking* datang daripada negara kita tidak tahu dan mungkin negara itu ada undang-undang yang lain. Itu sebab ke hubungan diplomatik antara setiap negara itu penting.

Jadi apa proses dan prosedur selalunya Jabatan Peguam Negara akan menghubungi Jabatan Peguam Negara negara tersebut dan kemudian akan berbincang. Kalau tidak adanya perjanjian, kemudian kerajaan akan mewujudkan *mutual legal assistance* yang mana sentiasa dilakukan. Jadi sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, ini bukan suatu perkara yang unik. Ia boleh dilakukan, ia telah dilakukan dan ia sedang dilakukan. Jadi Yang Berhormat juga Senator tanya

saya tentang adakah rang undang-undang ini *redundant* memandangkan terdapat beberapa undang-undang sedia ada untuk mengekang isu penyebaran berita tidak benar.

Saya terima banyak soalan ini ya, berkata bahawa sudah ada undang-undang kenapa hendak buat lagi satu undang-undang baru? Walaupun terdapat beberapa undang-undang yang berkaitan namun sehingga hari ini masalah ini tidak dapat dikawal secara efektif dan pantas berikutan perkembangan semasa teknologi maklumat yang semakin pantas dan kompleks. Kanun Keseksaan, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 telah digubal pada atau sebelum tahun 90an yang tidak dapat menangani sifat kesalahan yang kompleks seiring dengan pengedaran teknologi terkini. Rang undang-undang ini bersifat eksklusif untuk menangani penyebaran berita tidak benar, itu yang tajuk dia Akta Antiberita Tidak Benar, dalam bahasa Orang Putih senang, *fake news*.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, saya hendak terang sikit, bawah dia itu bila kita baca dalam fasal, definisi, dia kata dalam Bahasa Inggeris itu *fake*, bawah dia ada *false*. Sebenarnya *fake* itu adalah *umbrella*, *false* itu di bawah *fake*. Sama dengan berita palsu, berita palsu itu adalah sebagai payung, bawahnya berita tidak benar itu payung, bawahnya adalah palsu. Sebab palsu itu *narrow*, sama dengan *false*. *False* itu *narrow*. *Fake* itu lagi besar, itu yang dimaklumkan oleh Jabatan Peguam Negara, saya hanya menerima arahan daripada dia orang. Saya bukan Peguam Negara ya Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya *de facto Law Minister*...

**Tuan Yang di-Pertua:** Belum lagi ya.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Jangan cakap macam itu Tuan Yang di-Pertua  
[Ketawa]

Jadi, saya hendak terangkan di sini bahawa kewujudan akta khas ini bagi menangani kesalahan secara khusus bukan perkara yang baru. Kita pernah lakukan perkara ini seperti *Kidnapping Act* 1961, berbanding dengan Kanun Keseksaan, *Penal Code*. Kita ada Seksyen 359 hingga Seksyen 369 untuk kes-kes *kidnapping* tetapi kita ada undang-undang khas Akta *Kidnapping Act*.

Kemudian kita ada *Malaysia Corruption Act 2009*. Seksyen 161 hingga Seksyen 164 di bawah *Penal Code*, Kanun Keseksaan memang undang-undang rujuk kepada penculikan. Akan tetapi kita masih ada undang-undang, maaf undang-undang merujuk kepada rasuah tetapi kita ada juga Akta *Malaysian Anti Corruption Act*. Contoh saya yang kedua.

Ketiga Seksyen *Offenses Against Children* yang saya bawa di dalam Dewan Negara ini tahun lepas. Dalam *Penal Code* kita ada Seksyen 375 hingga Seksyen 377e untuk kesalahan

berhubung dengan seksual termasuk kesalahan seksual dengan kanak-kanak. Akan tetapi kita wujud juga undang-undang khas, *Sexual Offences Against Children Act 2017*.

Jadi bererti dalam perkara ini, mengadakan undang-undang yang khas selain daripada undang-undang yang ada adalah *complementary*, Tuan Yang di-Pertua. Jadi ia tidak bercanggah dengan proses undang-undang. Kemudian elemen-elemen baru yang dicadangkan undang-undang ini yang mana kita kenalkan seperti *extra territorial application*, dengan izin. Kita wujudkan bantuan kewangan orang yang bagi duit, kita wujudkan mereka kesalahan kalau tidak menghapuskan berita tersebut, kemudian kita mewujudkan *interim measures*.

Jadi sekarang saya rujuk kepada yang mana Senator juga tanya saya tentang berita tidak benar. Adakah maksudnya luas yang mana boleh di salah guna. Skop yang luas adalah kerana teknologi masa kini yang membolehkan sesuatu berita atau maklumat palsu diterjemahkan dalam bentuk grafik atau apa-apa yang seumpama dengannya.

Pertuduhan di bawah fasal 4 di bawah rang undang-undang ini hendaklah membuktikan tiga elemen jenayah. Dia ada tiga elemen jenayah, Tuan Yang di-Pertua.

Pertama niat jahat- *maliciously*. Kena ada niat jahat. Kedua- niat jahat ini *mens rea* lah, siapa yang belajar undang-undang tahulah, *mens rea*- niat itu mesti ada.

Kedua, perbuatan mengadakan, menawarkan, menerbitkan, mencetak, mengedarkan, mengelilingkan, menyebarkan adalah *actus reus*- itu adalah perbuatan.

Ketiga, ia mesti adalah berita tidak benar dalam tafsiran. Bererti dia kena baca tiga, sebelum tindakan boleh dikenakan, bukan maknanya semua berita palsu itu kita buat tindakan.

Seperti saya sebut kepada Dato' Suhaimi, Senator Dato' Suhaimi, kadang-kadang niat dia tidak jahat. Kerajaan mengambil kira, itu sebab pindaan kita buat dalam jawatankuasa. Sebelum pindaan kita pakai *knowingly*, pengetahuan, itu bahaya orang marah. Sebab kadang-kadang kita tahu kita tidak ada niat, tetapi dalam perkara ini, kerajaan tertulis semalam dalam jawatankuasa mesti ada niat. Pembangkang pun setuju dengan kerajaan, kena ada niat. Sebab sekurang-kurangnya dengan niat jahat ini kita *target* dan fokus kepada yang betul-betul jahat, bukan yang gurau-gurau.

Kemudian fasal 5 ini yang juga kesalahannya ada dua fasal- fasal 4 dan fasal 5. Jadi bila sudah jadi akta, seksyen 4 dan seksyen 5.

Fasal 5 pula mengatakan ada tiga elemen jenayah juga.

Pertama niat untuk memberikan bantuan, digunakan, mengetahui mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa bantuan itu akan digunakan. Maknanya dia bagi bantuan.

Kemudian bantuan kewangan diberikan secara langsung atau tidak langsung adalah *actus reus*. Tadi yang pertama saya baca adalah *mens rea*.

Nombor tiga, melakukan atau memudahkan pelaku kesalahan di bawah fasal 4. Penetapan-penetapan ini di bawah fasal 4 dan 5 memastikan tidak berlakunya sebarang penyalahgunaan oleh mana-mana pihak.

Kemudian ada juga soalan daripada Senator Tuan Chandran tanya kerajaan, kenapa tergesa-gesa. Jawapan saya semalam, hari ini konsisten *if it is not now, when?* Dengan izin. Kita mesti terima hakikat bahawa yang penting, isu penyebaran berita tidak benar adalah masalah global yang perlu ditangani dengan segera seiring dengan perkembangan teknologi komunikasi yang semakin pantas dan kompleks. Baru-baru ini dalam Jurnal Sains, 9 Mac 2018 yang diterbitkan oleh MIT, *The Straight of True and False News Online* oleh MIT Data Scientist, Soroush Vosoughi.

Dia sebut Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, *the study analyse millions of tweets send between 2006 to 2017 and came to this chilling conclusion, "Falsehood diffused significantly faster, farther, deeper, and more broadly than the truth in all categories of information, lies spread faster than the truth."*

#### ■1740

Jadi dalam saat kita bercakap ini orang mewujudkan fitnah, mewujudkan berita palsu itu, tengah berjalan atas kah, berlari kah, naik kereta kah atas *superhighway* ini. Silakan.

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Terima kasih, dulu semasa I sekolah, cikgu saya cakap kalau *you* tanya soalan mesti ada jawapan tetapi tadi I tengok soalan dijawab oleh dengan soalan. *If not now, when?* Akan tetapi I hendak memberitahu Yang Berhormat Menteri *where I'm coming from*. Bila I tanya kenapa tergesa-gesa selepas itu, ayat saya ialah adakah dia kita perlu buat? Dari segi konsep I setuju perlu buat tetapi soalan saya adakah dia berkaitan dengan pilihan raya? *That was my main thing, the urgency* bukan dari segi peristiwa-peristiwa yang sedang berlaku *out there* kita perlu ada undang-undang, cuma I *connect* itu pada pilihan raya. Ada tidak *connection* dengan pilihan raya?

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Yang Berhormat Tuan Chandra, *unfortunately* jawapan saya ialah saya boleh jawab mengatakan tidak ada *connection* dengan pilihan raya sebab saya tidak tahu bila pilihan raya. Akan tetapi orang kata pilihan raya kena tahun ini sebab kita tahu bahawa had limit kita pada pertengahan tahun ini tetapi bagi saya orang melihat sebagai *coincidentally*. Kita mesti ingat bila tahun 2018 bermula, ini adalah sesi sidang kita yang pertama dalam Dewan bererti kalau kerajaan hendak buat undang-undang hari ini dalam masa kita

bercakap sebelah itu Yang Berhormat Brig. Jen. Khairy membawa pindaan akta baru untuk sukan. Yang Berhormat Tan Sri Haji Noh bin Omar iaitu Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan membawa akta untuk bomba. Kemudian, terdapat beberapa pindaan.

Ini adalah proses kita yang diletakan dalam kalender negara Persidangan Dewan Rakyat dan Dewan Negara pada bulan Mac dan juga masuk pada bulan April. Jadi jawapannya *coincidentally* dan saya bukannya Perdana Menteri hendak beritahu bila pilihan raya walaupun kita baca macam-macam saya tidak tahu *fake news* kah ataupun *true news* tetapi *coincidentally*. Akan tetapi kalau kita baca surat khabar khususnya artikel-artikel oleh pembangkang daripada negara luar itu konklusi yang mereka buat tetapi sebab itu saya kata *freedom of expression*, itu pandangan kita. *We are entitled to your opinion*, dengan izin.

Jadi izinkan saya sambung, di mana universiti, saya sudah sebutkan tadi tentang MIT dan kemudian saya ingin menyatakan bahawa di Amerika Syarikat seorang remaja wanita dalam tahun 2010 bunuh diri disebabkan buli siber. Saya rasa Yang Berhormat semua tahu tentang isu ini dan kalau kita tengok contoh-contoh kita pada hari ini banyak kes-kes terutama sekali anak-anak kecil, budak-budak di sekolah, bila banyak-banyak cerita ini kadang-kadang dalam perasaan kelam-kabut dia banyak mereka akan lakukan sesuatu yang akan menimbulkan masalah yang lebih besar.

Saya dengar tadi perbahasan Yang Berhormat Senator banyak tentang isu ekonomi, isu peribadi. Saya hendak sebut, saya berhenti sekejaplah, hendak sebut macam dalam negara kita jangan cakap cerita MH yang hilang Yang Berhormat Senator, saya dapat senarai- saya tahulah, Yang Berhormat Senator semua tahu saya dulu sekejap jadi pengerusi FINAS. Saya percaya tiga bulan sahaja. Hendak bercakap tentang fungsi FINAS ini, artis kita yang selalu banyak jadi mangsa *fake news* dan saya dimaklumkan dalam kategori *fake news* ini, saya ada bawa bukti.

Contohnya, penyanyi Awie, *Tragedi Oktober* saya memang minat Awie. Mereka kata dia sudah mati, tidak kesian kah? Ini Mas Idayu, ratu dangdut pun sudah mati. Selepas itu perempuan ini, Rozita Che Wan anak dia kan mereka kata comel. Orang letak anak dia, kononnya seolah-olah gambar anak dia semasa *baby* itu, konon bayi ini telah dibuang. Siapa yang hendak jadikan anak angkat boleh minta permohonan.

Saya tidak tahulah Tuan Yang di-Pertua, *between nuisance* dengan *malicious*. Akan tetapi kalau orang tidak tahan, yang hilang sabar mereka akan respons cara negatif, kita tidak tahu. Mungkin bagi kita, kita gelak tetapi bagi yang kena, jadi *target*, mangsa itu, macam Yang



Berhormat Senator Dato' Shahanim dia kata sudah 10 tahun. Betul Yang Berhormat Senator? Dia kata dia pun malu sampai anak dia pindah sekolah.

Mungkin Yang Berhormat Senator Datuk Haji Megat tidak akan buat tidak tahu, dia silat, mahaguru. Cakap apa, saya pun takut, orang Gombak [*Ketawa*] Tuan Yang di-Pertua, saya mangsa, apa yang orang tidak cakap pasal saya? Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Suhaimi cakap dekat saya, saya Menteri selimut sebab saya ini bukan apa Yang Berhormat [*Ketawa*] Itu bukan *fake news* lah, saya cakap dengan dia sebab saya ini ada masalah resdung. Saya tidak boleh, bila sudah masuk pukul 4, hendak masuk ke Maghrib jika tidak jaga, esok lusa sakit tujuh hingga lapan hari. Puteri-Puteri semua tahu, sinus yang begitu teruk.

Kemudian, apa pula orang yang tidak tuduh? Macam-macam orang tuduh, tuduh ini, tuduh itu tetapi Tuan Yang di-Pertua, kita mesti sedar dua perkara *this is quasi-criminal*. Terpulang kepada kita. Kalau saya, Dato' Haji Mohd Suhaimi, Dato' Shahanim, Datuk Haji Megat, Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah dan Tuan Yang di-Pertua sendiri tidak mahu buat tindakan kerana kita percaya sebagai orang politik *good news, bad news, is still news* tidak ada masalah. Jangan buat tindakan, tidak payah buat permohonan *interim order*. Biarlah, sekurang-kurangnya cerita itu, bila di *Google* nama itu, macam-macam cerita. *Good news, bad news, is still news*. Tiada masalah.

Akan tetapi ada kita yang sensitif maka kita memerlukan satu proses undang-undang *for immediate relief* itu sahaja. Jadi macam pemain bola sepak ini Johor Darul Takzim, ini tim bola-Muafakat Johor. Kita orang Johor kan, tim Johor, Safee Sali siap ada *al-Fatihah* kena *accident*. Bagi saya kadang-kadang kita macam, mungkin kita yang berakal kita tahu ini tidak betul, ini gilalah ini tetapi ada kita yang berakal pun akan percaya dan kesan dia adalah lebih buruk. Ini bukan sahaja orang gelak-gelak dan keduanya, *forward*, dia tidak fikir dia *forward*. Jadi daripada orang tidak tahu, semua orang tahu, jadi saya hendak ulang lagi sekali ini, semalam ini baru keluar *Kosmo*, ada gambar potret wanita mengemparkan negara macam cerita hantu, puntianak atau lain-lain. Rupanya *advertising* cerita '*Dukun*'.

Mungkin *creative advertising* lah, itu *style* dia tetapi isu yang saya hendak sebut ialah kalau orang itu tidak faham *Kosmo* ini surat khabar utama, *main media*. Orang percaya eh! Betul kah, ada perempuan begini pakai baju merah? Yang kita tahu dalam hantu Parlimen ini Dewan Rakyat sahaja sejak kebelakangan, hantu raya agaknya itu sahajalah...

**Seorang Ahli:** [*Berucap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Jadi sebenarnya yang saya ambil sedikit masa Yang Berhormat Senator ialah hendak menerangkan bahawa tertakluk kepada individu yang

terasa atau yang tidak terasa, jadi *it up to us*, kita bagi pilihan. Jadi Yang Berhormat Tuan Chandra juga tanya saya perkataan *maliciously* dalam rang undang-undang ini dan saya sebut tentang definisi *malicious act* iaitu *doing any internationally wrong act*, *Free Dictionary Online*. *An act done maliciously is one that is wrongful and performed willfully or intentionally, and without legal justification*. Maksudnya, bila niat jahat ini Yang Berhormat Senator, dia memang sengaja hendak lakukan, dia memang niat hendak lakukan benda yang jahat, dia ada niat. Bermakna dia bukan tersalah taip, dia memang ada niat. Jadi Yang Berhormat Senator juga tanya, saya apakah yang...

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** / balik kepada soal niat jahat ini, semasa perbahasan saya setuju isu apa yang diberitahu oleh Yang Berhormat Menteri dari aspek *quasi criminal* dan juga dari aspek *mens rea* tetapi yang dalam perbahasan saya, saya tidak sebut dari segi *intention* dari segi *mens rea*. Secara khusus apa yang saya tanya ialah sama ada perlu ada *consequent* walaupun *intention* dia *clear*, *mens rea clear*, sama ada perlu ada *consequent* atau tidak. Contohnya kalau / keluaran satu berita palsu terhadap Mr. Ada, perlu atau tidak Mr. A membuktikan *that he suffered some loss or some injury or damaged to his reputation*, sebelum isu niat jahat. *That means* ada *consequent* dan oleh sebab ada *consequent* itu dia buat repot lah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini ada perbezaan dari segi *civil* dan *criminal*, silakan Yang Berhormat Menteri

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Tuan Yang di-Pertua, yang saya hendak sebut dalam rang undang-undang ini, kita kena tengok apa pun keputusan adalah bagi pihak mahkamah, mahkamah yang akan menentukan sebab kadang-kadang *to be fair* dalam proses mahkamah, kadang-kadang walaupun niat dia jahat, saya rasa ada tiga elemen pertama, *actus reus*, kedua *mens rea*, ketiga sebagai tafsiran berita palsu.

Sudah tentu dia akan beritahu mahkamah, yang pembuat ini dia akan berikan sebab dia, mungkin dia marah, mungkin dia hanya hantar ke satu orang ataupun dia mungkin kata dia hanya lakarkan dalam *Facebook* dia seronok-seronok dan dia tidak ada niat hendak *forward* kan. Orang *paste* dan *forward* macam-macam. Itu terpulang kepada mahkamah sebab itu dalam negara kita dalam rang undang-undang ini kerajaan membuat keputusan mahkamah adalah institusi yang terbaik membuat keputusan.

#### ■1750

Mahkamah adalah bebas. Kalau katakan dalam undang-undang ini mengatakan pihak Menteri yang membuat keputusan, saya setuju. Macam mana Menteri mahu membuat *balancing*? Saya tahu Tuan Yang di-Pertua, Menteri pun sudah banyak kerja, tidak akanlah ini pun mahu tengok *fake news* yang beribu-ribu ini, biarlah mahkamah yang putuskan. Siapa yang rasa dia

menjadi mangsa, dia boleh pergi ke mahkamah. Jadi, elemen *malicious* itu ialah salah satu daripada elemen yang boleh mewujudkan- macam orang kata orang hendak buat, kuihlah atau mahu masak nasi. Dia kena cukup air, dia kena ada masa yang tertentu. *So, it builds up into the element of the matter being a criminal offence.* Itu sahaja, dengan izin.

Kemudian, Senator Dr. Zaiedi bin Haji Suhaili bertanya, siapakah agensi yang akan menguatkuasakan undang-undang ini? Rang undang-undang ini akan dikuatkuasakan oleh pihak PDRM berdasarkan kuasa yang diperuntukkan di bawah Akta Polis...

**Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah:** Tuan Yang di-Pertua, *just* satu soalan. *I* tidak tahu sama ada *all my topics* sudah habis atau belum sebab kalau saya ikut *approached*, dia ikut melalui orang yang bahas tetapi kalau topik-topik saya sudah habis, then saya mahu cakap pada satu dua perkara yang tertinggal. Satu, saya juga minta pendapat...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh tanya bila Menteri tidak dapat jawab.

**Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah:** Saya tidak tahu...

**Tuan Yang di-Pertua:** Rasanya kemungkinan bawah itu ada juga...

**Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah:** *I thought*, sebab *you are going by person* atau *by topic*?

**Tuan Yang di-Pertua:** *Compilekan* perkara atau isu.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang kita mahu buat *per topic* tetapi dia akan *flip over* kepada sesiapa yang berbahas.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya. Tidak apa Yang Berhormat. Yang Berhormat duduk dahulu. Biar Menteri habis, lepas itu kalau tidak keluar, saya panggil.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Mana yang saya tidak jawab, Yang Berhormat boleh jawablah. Mana yang saya sudah jawab- jadi, Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah dengan Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin bin S.M. Omar tanya, apakah pesalah seorang akan dituduh, dibicarakan secara *in absentia*- maknanya orang itu tidak ada, kan?

Jadi seksyen 173 Kanun Tatacara Jenayah memperuntukkan bahawa, tertuduh mesti dibawa ke mahkamah untuk dituduh oleh itu tiada bicara dalam *in absentia* boleh dibuat. *Trial in absentia*, sebagai mana di dalam seksyen 425(A) Kanun Tatacara Jenayah hanya terpakai dalam keadaan di mana orang yang telah dituduh telah *abscond* semasa perbicaraan. *So, you have to be present- "setier"*.

Yang Berhormat Senator Tuan Chandra tanya saya tentang tafsiran *fake news* nampaknya termasuklah *setier* juga akan diharamkan. Secara teknikal, "*setier*" termasuk di dalam takrif berita tidak benar, jika ia mengandungi sebahagian atau seluruhnya berita palsu.

Maknanya, *in total or in portion*. Walau bagaimanapun, sebelum satu keputusan untuk mendakwa dibuat, lain-lain perkara akan dipertimbangkan seperti kesan *setier* itu sama ada menjejaskan atau menyebabkan haram *or injury*. Saya beri contoh Charlie Hebdo, gambar itu sendiri, saya sudah tengok gambar itu Tuan Yang di-Pertua, dia buat *caricature*, mungkin bagi orang yang tidak sensitif tidak melihat itu sebagai memperlekehkan agama Islam. Akan tetapi, bagi golongan Al-Qaeda, mereka melihat itu sebagai menghina agama Islam. Jadi, mereka memberikan *respons* dan *reflect* yang membakar bangunan, memberikan *warning* dan seterusnya.

Maknanya ada golongan yang tidak suka kepada kartun dan *setier*, walaupun orang itu tidak cakap sebab dalam kategori, pada mereka adalah berita palsu. Yang Berhormat Senator Tuan Chandra juga tanya saya tentang apakah implikasi rang undang-undang ini kepada masyarakat awam? Dengan izin, *what kind of society are we trying to create with this law?* Berita tidak benar bukan sahaja mengelirukan masyarakat, malah boleh memberikan ancaman kepada keselamatan ekonomi, kemakmuran dan kesatuan rakyat dan negara. Melalui akta ini yang dicadangkan adalah diharapkan masyarakat menjadi lebih bertanggungjawab dan berhati-hati dalam berkongsi berita dan maklumat.

Yang Berhormat Senator Tuan Chandra juga bertanya tentang tafsiran *fake news*, dengan izin, terlampau *too vague* menurut bekas hakim dan bercanggah dengan Perkara 8, Perlembagaan Persekutuan. Seseorang akan terkeliru dan tidak dapat bersedia untuk membuat pembelaan. Skop yang luas dan teknologi masa kini yang membolehkan satu berita atau maklumat palsu diterjemahkan dalam bentuk grafik atau apa-apa yang seumpama dengannya.

Oleh yang demikian, rang undang-undang ini, tidak bercanggah dengan mana-mana perkara dalam Perlembagaan Persekutuan termasuk Perkara 8 mahupun Perkara 10. Prosedur kes terhadap peguam negara. Yang Berhormat Senator Tuan Chandra juga tanya saya, prosedur merujuk kes kepada AGC untuk tuduhan siapa yang tentukan itu adalah *fake news*. Selepas satu laporan polis dibuat, siasatan akan dijalankan oleh pihak polis dan setelah disiasat, ke atas siasatan akan dirujuk kepada pendakwa raya. Pihak pendakwa raya akan meneliti segala keterangan yang ada, sama ada memenuhi tafsiran tidak benar dan elemen-elemen pertuduhan sebelum menuduh mana-mana pihak. Setelah seorang itu dituduh, mahkamah akan memutuskan

sama ada pertuduhan tersebut telah dibuktikan ataupun tidak sama ada berita itu adalah berita benar ataupun tidak.

Jadi, saya jawab juga yang mana Yang Berhormat-Yang Berhormat ada bertanya, Yang Berhormat Senator Dato' Ong Chong Swen ada? Kalau tidak ada saya berikan jawapan bertulislah. Boleh Tuan Yang di-Pertua? Yang Berhormat Senator Dato' Ong Chong Swen tidak ada. Kemudian, Yang Berhormat Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail? Yang Berhormat tanya saya setakat ini siapakah yang akan dirujuk oleh Jabatan Peguam Negara dalam menentukan berita itu tidak benar? Jabatan Peguam Negara akan meneliti pada kesemua keterangan dalam siasatan sama ada memenuhi takrif *fake news* dan sama ada keterangan memenuhi elemen-elemen kesalahan di bawah rang undang-undang ini, untuk keputusan menuduh seorang. Mahkamah kemudiannya akan memutuskan sama ada berita itu adalah berita tidak benar dan sama ada semua elemen kesalahan telah dipenuhi.

Yang Berhormat Senator juga tanya saya apakah yang diklasifikasikan sebagai kesalahan yang boleh ditangkap, jenis kesalahan palsu bagaimana boleh diklasifikasikan kesalahan boleh ditangkap. Kesalahan yang boleh ditangkap "*sizable offence*", ialah kesalahan-kesalahan serius di mana pihak polis boleh membuat tangkapan tanpa adanya waran tangkap. Semua kesalahan di bawah akta ini, diklasifikasikan sebagai kesalahan boleh ditangkap seperti di dalam rang undang-undang.

Yang Berhormat juga tanya saya, adakah kerajaan akan mengamalkan *selective prosecution* dan *persecution* pendakwaan terpilih dalam melaksanakan rang undang-undang ini apabila ia dikuatkuasakan kelak? Keputusan untuk mendakwa mana-mana orang atas apa-apa kesalahan di dalam mana-mana undang-undang dalam negara kita sekalipun adalah bergantung kepada segala keterangan yang diperoleh setelah siasatan yang lengkap dijalankan. Tiada *selective prosecution* dan *persecution* diamalkan dan segala keputusan pendakwaan hanyalah berdasarkan keterangan yang dapat membuktikan setiap elemen pertuduhan.

Oleh itu, orang yang dituduh perlulah mengemukakan segala bukti dan keterangan untuk membuktikan kes pembelaannya di mahkamah dan pada akhirnya pihak mahkamah satu badan yang adil dan neutral berdasarkan prinsip *separations of powers* yang akan menentukan sama ada pihak yang tertuduh bersalah ataupun tidak. Ini jaminan daripada kerajaan.

Yang Berhormat Senator Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty, mengapakah SUHAKAM menolak bulat-bulat rang undang-undang ini? Untuk makluman, SUHAKAM telah pun dilindungi semasa di peringkat awal kerajaan adalah amat terbuka untuk menerima apa-apa cadangan semasa proses rundingan dan kerajaan sentiasa bekerjasama dengan SUHAKAM dalam

pelbagai isu berkaitan dengan hak asasi. Dalam isu berkenaan dengan pandangan, itu sebabnya kerajaan di Peringkat Jawatankuasa membuat pindaan kepada dua perkara iaitu hukuman penjara daripada 10 tahun kepada enam tahun dan definisi dalam *knowingly* ditukar kepada *maliciously*. Bererti kerajaan respons kepada pandangan NGO.

Yang Berhormat juga bertanya saya adakah rang undang-undang ini akan dikuatkuasakan sepenuhnya setelah mendapatkan perkenan Yang di-Pertuan Agong? Seperti mana yang telah dijelaskan, gejala penularan berita tidak benar membawa kesan yang sangat negatif kepada masyarakat secara seluruhnya. Oleh itu kerajaan berhasrat untuk menguatkuasakan undang-undang ini setelah mendapat perkenan Yang Di-Pertuan Agong melalui penetapan tarikh kuasa yang disiarkan di dalam warta.

Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi Krishnan, ada? Ya. Beza dengan fitnah *definition*. Tuan Yang di-Pertua, peguam, dia tahulah. Dia pun boleh jawab bagi pihak saya tetapi saya jawab jugalah. Kesalahan fitnah di bawah seksyen 499, seksyen 500 Kanun Keseksaan fokus kepada fitnah yang boleh menjatuhkan reputasi orang. Fitnah ini tidak semestinya berita tidak benar. Rang undang-undang ini fokus khusus kepada berita tidak benar sahaja. Maknanya, *definition* itu kadang-kadang benda itu benar, tetapi *reputation* dia turun. Walhal berita tidak benar ini, benda itu memang dalam kategori yang kita sebut yang di dalam taksiran termasuk palsu dan seterusnya.

Walau bagaimanapun, mana-mana orang yang terkesan dengan apa-apa fitnah terhadapnya dia boleh mengambil tindakan sivil terhadap orang yang memfitnahnya. Yang Berhormat Senator juga bertanya bagaimana dengan langganan kepada *web* berita palsu? Langganan itu akan menjadi kesalahan sekiranya pelanggan itu menyebarkan, mengedarkan, mengelilingkan berita yang tidak benar yang ada dalam web tersebut di bawah fasal 4 akan menjadi kesalahan.

Maknanya dia kena, kalau dia jatuh di bawah fasal 4. Itu satu kesalahan. Maknanya ada *maliciously*lah, niat. Kemudian Yang Berhormat juga tanya, apakah mekanisme yang akan digunakan untuk mengelakkan *selective enforcement*. Jawapannya, tidak akan ada *selective enforcement* kerana laporan polis dan perintah interim boleh diambil oleh mana-mana pihak. Dalam rang undang-undang ini Tuan Yang di-Pertua, kita pun ada wujudkan jenis jadual yang-maaf, dalam rang undang-undang ini kita pun adanya Jadual. Maknanya sesiapa pun boleh *zerox* kah, *download* kah Jadual ini- *application for Oder for removal of publication containing fake news*. Ini dalam Jadual 1.

■1800

Jadi maknanya, semua orang boleh pakai, tetapi kenalah ada dengan affidavit dengan laporan polis supaya perintah interim boleh diambil oleh mana-mana pihak. Kenapa perlunya laporan polis itu, hendak menunjukkan kesahihan laporan dan kita tahulah kalau orang bagi laporan palsu kepada polis pun akan dilihat sebagai satu kesalahan. Sebelum satu keputusan untuk...

**Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah:** Tuan Yang di-Pertua, *this topic*.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Sebelum satu keputusan untuk pertuduhan dibuat, semua keterangan akan diteliti sama ada memenuhi semua elemen kesalahan terlebih dahulu. Silakan.

**Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah:** Topik fasal 8, *application* untuk *removal of order*. Kalau kita tengok tadi, saya faham kenapa ada seksyen 8 itu, Artikel 8 itu fasal 7 itu *is ex-parte application*, so dia beri ruang untuk *you apply to set aside the order*. Akan tetapi isu saya berkenaan dengan apa yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri yang...

**Tuan Yang di-Pertua:** *Interim. It is an interim relief.*

**Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah:** ...Dia jelas tadi *underline statement is you have legal recourse* itu *the underlying statement*.

Akan tetapi isu saya ialah kalau kita tengok 8(2) satu, fasal 8 *is time but you* kena buat dalam masa 14 hari. Kedua, *you* tidak ada *stay*. *You* tak ada *stay*. *That means, you* tidak tahu bila *court* akan bicara walaupun itu bukan isu kementerian. Itu isu mahkamah. *So, there may be a delay and the injustice* masih akan berterusan. Contoh, kalau *I pass something bad about you, and you* pergi ke mahkamah, *you* masih belum dapat *Order to prohibit me*. Benda itu masih akan berlarutan *because there is no stay*. So isu saya *why no stay?*

Nombor tiga ialah kalau kita tengok 8(3) ini, *there is no recourse* kepada kita, kalau *order* itu dibuat oleh- *I mean application* itu dibuat oleh *government*. Fasal 8(3) ini kita tidak boleh *leave an Order that is made on the application by the government*. Ini isu saya, walaupun dalam 8(3) ini dia pakai perkataan "*public safety*" and *all that kind of things*. Kita kena faham undang-undang ini, definisi "*minister*" is "*Minister of Law*". So 8(3) ini belum pergi mahkamah tahu, tidak boleh pergi ke mahkamah. *If it is on grounds of Public Order and safety* dan sebagainya. *Who decides?*

Kalau kita tengok akta-akta lain, definisi "*minister*" is *the minister responsible for internal security*. Ini isu saya, 8(2) dan 8(3). Secara kesimpulan, 8(2) kenapa tidak ada *stay*? Fasal mahkamah mungkin akan ambil masa *and the person will continue to be injured*. Fasal 8(3) *there is no recourse* kalau *government* dapat *Order* itu. Terima kasih.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Terima kasih, Yang Berhormat Senator. Kalau kita tengok apabila kita bercakap tentang permohonan 14 hari itu, ialah kita buat kepada mereka yang didapati melakukan perkara tersebut. Maknanya apabila saya sebagai mangsa, saya membuat permohonan kepada mahkamah untuk *interim Order*- Perintah yang saya dapat daripada mahkamah iaitu interim, perintah sementara itu, saya hendak gunakan perintah itu untuk pergi ke *social media platform* yang antarabangsa seperti *Facebook*, *Twitter* dan sebagainya. Kemudian pada masa yang sama, kerajaan menerima hakikat bahawa kemungkinan yang mana dituduh melakukan berita tidak benar itu sebenarnya boleh mempunyai pembelaan mengatakan bahawa sebenarnya tidak ada niat jahat, sebagai contoh.

Itu sebabnya kita memberikan mereka masa 14 hari untuk datang ke mahkamah *to set aside the order* sebab dalam kebanyakan kes, ada mereka yang- dalam banyak-banyak kes kalau kita tengok di MCMC, banyak-banyak laporan yang dibuat, selalunya pertama saya sebut tadi dalam mukadimah selalunya wujud *fake account*. Kadang orang itu tidak wujud, macam mana dia hendak *set aside* kalau dia tidak wujud? Itu satu yang kemungkinan yang berlaku.

Keduanya ialah kadang-kadang orang itu tidak mahu *set aside*, pada dia benda ini remeh. Akan tetapi yang lebih penting dalam perkara Fasal 7 yang akan jadi seksyen 7 ialah hendak turunkan berita itu dalam *highway* itu supaya reputasi *intact* macam Yang Berhormat Senator sebut fasal Siti Nurhaliza. Saya hendak sebut fasal Neelofa lah, Dato Megat masih ada.

Neelofa beritahu pada Datuk Seri Dr Salleh Said Keruak, Yang Berhormat Menteri MCMC (KKMM), setiap hari peminat dia hilang 100,000. Saya tidak tahu dalam *Instagram* kah, dalam *Facebook*, tetapi orang marah fasal jual tudung dalam *night club*. Apa hal jual tudung dalam *night club*? Akan tetapi yang jahat itu bukan cerita jual tudung dalam *night club*, rangkaian cerita lain yang pada dia memang berita palsu. Sebagai contoh, saya bagi contoh sebab Neelofa senang bagi contoh, kadang orang lain tidak faham cerita lain, kan.

Dalam perkara ini masalah dia Tuan Yang di-Pertua ialah kemungkinan dalam kes yang sedemikian dia hendak ketepikan dan mungkin orang yang tulis artikel kah? Mungkin orang yang beri pendapat itu tidak ada niat, *then* dia boleh ketepikan. Dalam kebanyakan kes, mungkin orang itu tidak ada niat, mungkin orang itu ada niat tetapi yang lebih penting cerita itu masih ada. Macam Dato' Shanim cakap, bertahun-tahun cerita dekat MCMC- Dato' Shanim sudah keluar dia? Ada dia. Sampai nangis sekejap tadi, saya pun hendak nangis dengar cerita dia, simpati. Saya pun tidak ada anak hendak pindahkan ke sekolah, anak kucing adalah. Akan tetapi betul, saya pun rasa macam bersimpati. Betul, hendak buat macam mana sebab *google* nama "Shanim",



betul tidak- “Shahanim”? Guna nama Shahanim cerita, cerita buruk. Apa beza *google* nama “Azalina”? Semua yang buruk, tidak ada yang baik...

**Seorang Ahli:** Tapi orang baik.

**Dato’ Sri Azalina Dato’ Othman Said:** Akan tetapi orang baik. Itu saya kata, orang Johor muka garang- Muafakat Johor, tetapi hati baik... [*Dewan ketawa*] Tidak macam orang Kedah [*Ketawa*] Bukan, bukan. Bukan Dato Suhaimi lah, orang Kedah lain. Saya buat cerita lah muka lembut, manis konon, tetapi ialah niat dia, niat dia hendak menjadi Perdana Menteri 100 hari sahaja. Itulah niat orang muka baik, kononnya.

Jadi dalam perkara ini ialah cerita yang dalam *highway* itu, itu yang hendak kita turunkan. Jadi yang isu tentang *set aside* yang mana Tuan Senator sebutkan itu, memang kita berikan dia peluang. Kalau dia tidak *set aside* pada dia, turunlah cerita itu, apa yang dia susah, itu isu kemudian. Walau bagaimanapun kita tidak menafikan, apabila sudah ada laporan polis, dalam negara kita apabila sudah ada laporan polis, polis boleh menyiasat. Mungkin kita hendak turunkan cerita, tetapi apabila polis siasat benda ini memang sesuatu yang di dalam tafsiran satu kesalahan jenayah, polis boleh ambil tindakan. Siasat kemudian polis akan bagi fail kepada pejabat peguam negara, terpulang.

Akan tetapi kita tahu dalam negara kita, apabila kita buat laporan polis, mana boleh tarik balik laporan. Kadang-kadang dalam kes kita, apabila kita pergi ke laporan polis, polis siasat, dia buka fail, kemudian mendakwa, polis akan cakap bagi tahu kepada hakim ataupun pendakwa. Akan tetapi *the case will go on*. Oleh sebab itu adalah undang-undang jenayah dalam negara kita, laporan polis tidak boleh main-main *until and unless we are very sure*.

Jadi berkenaan dengan 8(3) yang mana Tuan Chandran sebut, banyak orang tanya saya, adakah kerana kerajaan- maka kerajaan, dia macam ini Tuan Yang di-Pertua. Jikalau kes melibatkan kerajaan yang saya sebut dalam fasal 8- fasal 8 kita mesti baca menyeluruh. *You have to read it in total*, Tuan Yang di-Pertua. Iaitu mengatakan, “berita tidak benar yang menjejaskan atau berkemungkinan menjejaskan ketenteraman awam atau keselamatan negara”.

Akan tetapi kalau kita tengok fasal 8(3), dia tidak kata kerajaan dalam penerbitan berita tidak benar, tiada permohonan boleh dibuat untuk diketepikan kerana perintah itu dipohon oleh kerajaan. Dengan izin, *the law- the reading of the fasal* tidak mengatakan bahawa, *does not say* bahawa bila perintah dipohon oleh kerajaan tidak boleh diketepikan. Ini bukan elemen *ouster clause*, tetapi mesti dibaca menyeluruh bahawa kalau kita hendak ketepikan, tidak boleh ketepikan apabila kerajaan pohon dengan syarat berita tidak benar yang menjejaskan atau berkemungkinan menjejaskan ketenteraman awam atau keselamatan negara.

Dalam bahasa Inggeris Tuan Yang di-Pertua, “*fake news which is prejudicial or likely to be prejudicial to Public Order or national security there shall be no application for the setting aside of such Order.*” Memanglah sebab apabila terlibat dengan isu keselamatan negara dengan ketenteraman awam, apabila kerajaan pohon depan mahkamah, mesti kerajaan akan berikan permohonan affidavit dan affidavit kerajaan dalam isu keselamatan negara dengan ketenteraman awam, selalunya isu affidavit kerajaan ini begitu *high level security*. Tidak akan kerajaan hendak *full disclosure*, apabila hendak *set aside* kemudian hendak- berhadapan dengan perbicaraan? Dengan syarat dia mesti ketenteraman awam dan keselamatan negara. *It must be* keselamatan negara. *It must be* ketenteraman awam yang dipohon oleh kerajaan. Bukan rata-rata hanya yang dipohon oleh kerajaan. So tidak boleh dibaca pohon kerajaan, mesti baca bersama dengan ketenteraman awam, bersama mesti dibaca dengan perkataan keselamatan negara.

Jadi saya hendak disebut di sini bahawa berhubungan dengan fasal 8(3) yang tidak membenarkan perintah-perintah mahkamah yang menghapuskan penglibatan yang mengandungi berita tidak benar, jika itu mengandungi perkara yang saya sebutkan, jejukan ketenteraman awam ia diperuntukkan selaras dengan tanggungjawab kerajaan bagi hal perkara ketenteraman awam dan keselamatan negara sebagaimana yang diperuntukkan dalam beberapa kes.

#### ■1810

Walau bagaimanapun dengan adanya peruntukan ini, ia tidak menghalang mana-mana orang yang terkilan untuk membawa kesnya ke mahkamah yang lebih tinggi. Bererti mahkamah masih juga mempunyai kuasa *revisionary* yang boleh disemak keputusan yang dibuat oleh mahkamah di bawahnya. Maknanya dia masihlah kalau dia tidak puas hati. Walaupun dalam kedudukan tersebut. Dalam perkara ini saya ingin menyatakan bahawa bila kita sebut tentang elemen-elemen kerajaan, selalunya elemen-elemen kerajaan itu bererti bahawa mahkamahlah yang membuat penentuan yang akhir dalam perkara ini.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah.....

**Puan Bathmavathi Krishnan:** Yang Berhormat Menteri ada berkenaan dengan soalan saya. *The same issue*, kalau saluran lain digunakan, kalau *Facebook* boleh turunkan. Akan tetapi kalau melalui *WhatsApp* sebab *origin*, orang yang mula menghantar itu *he or she originates the fake news* tapi yang tolong menularkannya *could be a thousand person*. Among the thousand mungkin 500 tahu yang berita itu palsu. Jadi dia *forward* juga. Jadi *how do you* dengan serentak semua bersalah? 500 yang *knowingly did it*. *How do you identify?* So di sini saya gunakan itu *selective enforcement*. Jadi nampaknya, *I mean* rang undang-undang ini tidak mampu

menangkap semua, tidak boleh mencakup ke semua yang membuat kesalahan itu. *That's my question.*

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Saya faham isu Yang Berhormat Senator. Saya setuju. Tidak akan 500 ribu, 600 ribu hendak tangkap. Elemen dia ialah *the source*. Kita cari *the source* selalunya *the source could be fake account*.

**Puan Bathmavathi Krishnan:** *So but then the example given in the rang undang-undang yang who knowingly forward pun bersalah. So, jadi is there.....*

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Tidak, itu sebab kita buat pindaan semalam, *maliciously*. Dia mesti ayat *knowingly* itu ditukar kepada *maliciously*. Saya tidak tahu dia ada dalam draf ke tidak *but is the*, dia automatik. Maknanya *malicious, knowingly* kita dah pinda, kerajaan kata betul. Yang Berhormat cakap *knowingly*, dia tengok *WhatsApp* dia main *forward* itu pun ada.

Akan tetapi sebenarnya apa yang kita hendak wujudkan ialah mesti adanya kebertanggungjawaban. *They must be responsibility*lah. Kita sebagai *user social media platform*.

Saya baca Tuan Yang di-Pertua- *Facebook* punya *designer-designer* cakap bahawa mereka niat mula-mula *Facebook* ini untuk hubungan keluarga dengan kawan-kawan. Dia orang tidak tahu bahawa ia telah diguna sebagai alat politik yang mana kerajaan demokrasi boleh ditumbangkan hanya dengan *social media platform*.

Sebab macam kes yang disebut oleh Yang Berhormat Datuk Senator tentang Amerika Syarikat ya, saya terperanjat rupanya 80 ribu *fake account* telah diwujudkan, ini eligasi yang dibuat di Amerika Syarikat terhadap Pilihanraya Presiden Trump- 80 ribu *fake account* telah diwujudkan. Fokus kepada 126 juta pengguna di Amerika, cerita fasal Trump dua tahun. Trump baik, Trump bagus, Trump hero, Trump *handsome*. Sampai orang baca percaya, sampai undi pun jadi macam itu. Itu eligasi, tidak tahu betul tidak betul.

Jadi orang kata *fake account* ini *can really influence the thinking of an ordinary man*. Itu saja Tuan Yang di-Pertua sebenarnya. Akan tetapi betullah, tapi dalam negara kita, kita prasyaratkan *maliciously*, niat jahat. Kita tidak hanya pegang kepada *knowingly* sebab *knowingly* ini terlampau luas. Itu sebab kita kena terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebab Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri begitu peka dalam perbincangan dalam pindaan ini mengatakan kita kena berlaku adil kepada rakyat secara menyeluruh.

Yang Berhormat Senator Puan Khairiah pula tanya tentang kronologi pengubalan rang undang-undang ini. Telah pun saya jawab semasa ucapan saya masa pembukaan tadi.

Yang Berhormat Senator juga tanya apakah jaminan bahawa kerajaan tidak akan menyalah guna undang-undang ini. Tujuan undang-undang ini digubal untuk melindungi orang ramai daripada mangsa penyebaran berita tidak benar. Ini tertulis dalam huraian, kesan penyebaran berita tidak benar tanpa disedari memberi kesan yang serius kepada orang ramai dalam sudut ekonomi, keselamatan dan lain-lain. Penguatkuasaan rang undang-undang ini akan meliputi semua pihak tanpa mengira parti politik dan latar belakang. Akhir sekali adalah kerana ini adalah kerajaan yang Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib, kerajaan yang bukan kerajaan yang menekankan kepada keadilan.

Yang Berhormat Senator juga tanya apakah pelaksanaan *extraterritorial*, saya sudah jawab tadi. Yang Berhormat Senator juga tanya tentang elemen ganti rugi dalam peruntukan ini. Rang undang-undang tidak memperuntukkan elemen ganti rugi dalam penyebaran berita tidak benar. Walau bagaimanapun, orang yang disentuh oleh apa-apa penglibatan tidak boleh mengambil tindakan sivil terhadap pihak yang menyebarkan berita tidak benar jika merasa ganti rugi wajar. Maksudnya kalau dia sudah ambil tindakan ini, dia hendak buat tindakan sivil untuk fitnah atau *slander libel* pun tidak ada masalah. Itu memang hak dia.

Kemudian Yang Berhormat tanya tentang Jadual 1. Bagaimana jika identiti orang yang membuat penglibatan itu tidak diketahui atau merupakan akaun palsu, bolehkah membuat permohonan di bawah fasal 7, seksyen 7, masih boleh buat permohonan di bawah fasal 7 untuk perintah menghapuskan berita tidak benar itu. Perintah itu boleh diserahkan. Kalau kita tengok perintah ini boleh diserahkan secara elektroniklah. Sebab perintah itu rujuk kepada yang buat cerita tidak benar dan juga kepada platform, sosial media platform.

Jadi boleh diserahkan secara *online*. Jika tidak dihapuskan, pemohon boleh mengambil tindakan di bawah fasal 9 ya. Kemudian Yang Berhormat tanya dalam tuduhan palsu yang menyentuh isu agama khususnya melibatkan kesalahan di bawah enakmen negeri. Rang undang-undang ini bertujuan untuk menangani berita tidak benar termasuk tuduhan palsu. Pihak pendakwa akan mengkaji keterangan dan bukti. Sekiranya memenuhi elemen di bawah rang undang-undang ini, maka seorang boleh dituduh termasuk jika perkara tuduhan itu berkaitan dengan isu agama. Isu agama pun walaupun dalam isu negeri pun boleh kategorikan dalam kategori pesalah.

Yang Berhormat Tuan Haji Mohamad tanya tentang rujuk kepada Jawatankuasa Pengharmonian Undang-undang Sivil dan Syariah. Adakah rang undang-undang ini dirujuk kepada jawatankuasa ini? Rang undang-undang ini merupakan undang-undang bersifat *quasi-criminal* dan digubal selaras dengan Perkara 10(2)(A), Perlembagaan. Kerajaan berpandangan

tidak perlu untuk merujuk kepada jawatankuasa pengharmonian undang-undang tersebut. Perbincangan dengan pihak kepentingan juga telah diadakan sebelum ini semasa digubal. Yang Berhormat Datuk Dr. Lucas tanya bagaimanakah fasal 7 boleh dikuatkuasa terhadap *Facebook*, *Twitter* dan sebagainya. Perintah di bawah fasal 7 boleh disampaikan di pejabat *Facebook* yang berada di Malaysia dan mana-mana yang beroperasi.

Menerusi perjumpaan dengan *Facebook*, *Twitter*, *Instagram* baru-baru ini, mereka telah memberi *undertaking* bahawa mereka akan mematuhi perintah mahkamah. Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah tanya tentang mencadangkan rang undang-undang ini turut dikuatkuasakan oleh agensi penguatkuasaan lagi, bukan saja PDRM. Rang undang-undang ini dihasratkan untuk dikuatkuasakan oleh PDRM berdasarkan kuasa yang diberikan di bawah Akta Polis tahun 1967, dan Kanun Tatacara Jenayah. Walau bagaimanapun PDRM dalam melaksanakan kuat kuasanya boleh mendapatkan bantuan daripada agensi-agensi penguat kuasa yang lain berkenaan melalui koordinasi atau apa-apa perkiraan yang sewajarnya termasuklah SKMM.

Yang Berhormat Dato' Shanim pula tanya tentang kes-kes sebelum akta ini. Jika berita tidak benar yang dibuat, diedarkan sebelum rang undang-undang ini berkuat kuasa, tetapi masih wujud, mangsa boleh membuat laporan polis dan kemudian membuat permohonan di bawah fasal 7. Maknanya Yang Berhormat bolehlah buat permohonan di bawah fasal 7 dalam kes ini.

Yang Berhormat juga telah menimbulkan kesediaan mahkamah dalam menyelesaikan kes berita tidak benar. Mahkamah sentiasa bersedia untuk menyelesaikan semua kes yang didaftarkan di mahkamah termasuk kes-kes berita tidak benar. Pada masa ini, adanya satu mahkamah khas siber yang ditubuhkan di Kuala Lumpur untuk mengendali kes-kes sivil dan jenayah yang berkaitan dengan kesalahan siber. Di negeri lain pula, hakim mahkamah seksyen yang kanan akan ditugaskan untuk mengendalikan kes-kes sedemikian.

Maknanya Yang Berhormat seperti dalam jenayah seksual terhadap kanak-kanak, kita wujudkan mahkamah khas jenayah seksual. Dalam perkara ini akan dibawa ke Kabinetlah, sebab kita hendak tengok, sebenarnya mahkamah akan nilai banyak mana kes yang didaftarkan untuk perintah sementara, *interim order* dan untuk dibicarakan dan kemudian dalam kes jenayah dan mungkin akan dibuat keputusan kelak terhadap kewujudan mahkamah sama ada khas ataupun tidak tapi tertakluk pada jumlah kes dalam perkara ini.

Kesimpulannya Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini menunjukkan langkah serius kerajaan untuk menangani masalah penyebaran berita tidak benar selaras dengan perkembangan teknologi moden. Usaha kerajaan dalam perkara ini adalah amat penting untuk

menangani penularan berita tidak benar agar orang ramai lebih bertanggungjawab dalam menghasilkan, menawarkan, menerbitkan, mencetak, mengedar atau menyebarkan berita tidak benar.

Pada masa yang sama rang undang-undang ini juga akan memberi mesej yang jelas bahawa kerajaan tidak akan berkompromi. Mereka yang akan memudaratkan ketenteraman awam atau keselamatan negara, malah akan terus memastikan negara kita terus dipelihara. Dengan izin, *fake news is bad news, sophisticated disinformation are problematic in democratic system and in order to maintain an open democratic system is important that all parties work together to solve this problem.*

#### ■1820

*Governments around the world fighting the same problem. We should promote the dissemination of true news in order to build public trust and correct fake news and disinformation.*

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya menyampaikan setinggi penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar 2018. Segala isu yang saya tidak sempat huraikan dalam ucapan penggulungan ini akan saya jawab secara bertulis. Pihak kerajaan sememangnya mengambil maklum akan semua saranan dan cadangan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator. Dengan itu saya memohon mencadangkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

***[Fasal-fasal 1 hingga 14 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]***

*[Jadual diperintah jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Datuk Halimah binti Mohamed Sadique) dan diluluskan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, selesai sudah urusan kerajaan pada hari ini. Dewan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi esok.

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 6.23 petang]***